BNA Indonesia mencatatkan kekerapan yang konsisten pada sepanjang tahun 2023 di mana pencerobohan berlaku pada bulan awal tahun bermula bulan Januari, Februari, Mac dan kembali meningkat pada pertengahan tahun pada bulan Julai 2023. Manakala BNA Vietnam mencatat bilangan kekerapan pencerobohan pada bulan Mac dan Jun hingga meningkat mendadak pada akhir tahun iaitu pada bulan November 2023. Tumpuan kawasan kekerapan BNA Indonesia melakukan kesalahan adalah di sekitar kawasan pantai barat semenanjung meliputi negeri Kedah/ Perlis, Pulau Pinang, Perak dan juga Selangor.

Hal ini berlaku mungkin kerana faktor cuaca dan laut yang bergelora menyebabkan BNT kurang ke laut dan memberi kesempatan bagi BNA dari negara Indonesia dan Vietnam untuk menceroboh ke kawasan perairan negara.

Selain itu, diyakini bot dan peralatan menangkap ikan yang digunakan oleh BNA lebih berteknologi tinggi berbanding BNT.

PENGESANAN KAPAL PENGUAT KUASA ASING

Pesawat juga telah merekodkan pengesanan ke atas **16** buah kapal penguat kuasa asing dan juga kapal perang dari beberapa buah negara sepanjang tahun. Sebanyak **12** buah dari China, **2** buah dari Korea dan masing-masing **1** buah pengesanan penguat kuasa asing dikesan untuk negara Indonesia dan Thailand. Tiada pengesanan kapal penguat kuasa asing dari negara Vietnam, India, Singapura dan Jepun sepanjang tahun 2023.

Jadual 8 menunjukkan bilangan pengesanan kapal penguat kuasa asing mengikut bulan manakala **Jadual 9** adalah Pecahan Lokasi Kemasukan kapal penguat kuasa asing / kapal perang sepanjang tahun 2023.

KAPAL PENGUATKUASA ASING / KAPAL PERANG													
BULAN / NEGARA	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
INDONESIA	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
VIETNAM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CHINA	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	11	0	12
THAILAND	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
SINGAPURA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JAPAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
INDIA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KOREA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2
AMERIKA SYARIKAT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	1	0	1	0	0	0	0	1	0	0	11	2	16

Jadual 8: *Jumlah Kapal Penguatkuasa Asing*

TABURAN LOKASI KAPAL PENGUATKUASA ASING / KAPAL PERANG													
BULAN / NEGARA	KEDAHPERLIS	P.PINANG	PERAK	SELANGOR	N9/MELAKA	JOHOR BARAT	JOHOR TIMUR	PAHANG	TERENGGANU	KELANTAN	SARAWAK	SABAH	JUMLAH
INDONESIA	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1
VIETNAM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CHINA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8	4	12
THAILAND	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
SINGAPURA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JAPAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
INDIA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KOREA	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
AMERIKA SYARIKAT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	0	3	0	1	0	0	0	0	0	0	8	4	16

Jadual 9: *Pecahan Lokasi Pengesanan Kapal Penguat Kuasa Asing / Kapal Perang*

Berdasarkan **Jadual 9** menunjukan kapal penguat kuasa asing Negara China mencatat jumlah yang tinggi sebanyak 12 buah kapal dikesan berada di persekitaran Perairan negara dan tiada kehadiran kapal penguat kuasa asing dari negara Vietnam, India, Singapura dan Jepun.

Selain itu, jumlah kehadiran kapal penguat kuasa asing China mencatat angka tertinggi pada bulan November apabila dikesan di Perairan Sabah / Sarawak. Ini berkemungkinan kerana keutamaan rondaan mereka bagi menyekat kemasukan nelayan asing ke sempadan negara mereka di samping memantau nelayan mereka supaya tidak memasuki perairan negara asing. Selain itu, China merasakan negara mereka berkepentingan dalam menjaga kawasan tuntutan seperti Beting Patinggi Ali (BPA), Gugusan Beting Jarum (BRJ), Gugusan Semarang Peninjau (GSP).

Oleh yang demikian, pengoperasian terhadap BNA dan pengawasan terhadap kapal penguat kuasa asing haruslah dilipatgandakan dengan mengerahkan aset-aset di lapangan untuk sentiasa berada di sempadan sebagaimana yang dilakukan oleh kapal penguat kuasa asing. Tumpuan haruslah diberikan kepada kawasan pantai barat semenanjung terutama di kawasan Perairan Kedah/Perlis, Pulau Pinang dan juga Perak selain Perairan Sabah dan Sarawak. Statistik pecahan lokasi kemasukan kapal penguat kuasa asing seperti di **Jadual 10.**

***SEARCH AND RESCUE* (SAR)**

Sebanyak **15** penugasan yang melibatkan tugas SAR, **2** penugasan untuk pemadaman kebakaran, **5** penugasan *mercy flight* dan **1** x *Medevac* telah dilaksanakan. Statistik penugasan adalah seperti di **Jadual 11.**

PENUGASAN SAR / FIRE FIGHTING													
PENUGASAN/ BULAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	**JUMLAH**
SAR	0	2	3	0	6	0	0	2	2	0	0	0	15
FIRE FIGHTING	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	2
MERCY FLIGHT	1	0	0	1	0	0	1	0	0	2	0	0	5
MEDEVAC	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	1	2	3	1	6	0	2	2	2	4	0	0	**23**

Jadual 10: *Statistik Penugasan SAR*

Penugasan SAR melibatkan bot atau kapal karam berpunca daripada faktor cuaca buruk. Stesen Udara Maritim Subang (SUMS) akan melaksanakan SAR yang dikoordinasikan oleh *Maritime Rescue Coordination Centre* (MRCC) dan *Maritime Rescue Sub Center* (MRSC) terhadap kes-kes orang jatuh laut/kehilangan di dalam mahupun di luar Zon Maritim Malaysia selain penugasan *Mercy Flight*, MEDEVAC dan pemadaman kebakaran.

PEMADAMAN KEBAKARAN

Pada 17 dan 18 Oktober 2023, Pesawat CL415MP telah melakukan Operasi Memadam Kebakaran di By Pass Sebana Cove, Johor. Keluasan sektor kebakaran adalah 56 km persegi. Pada hari pertama dan kedua operasi, pesawat telah melakukan sebanyak 36 drops. Jumlah air adalah 204,000 liter.





Aktiviti Water Bombing di kawasan kebakaran

BANTUAN BENCANA DAN MENYELAMAT

Pesawat terlibat dalam OPS MURNI 2023/ 2024 yang dikoordinasikan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sepanjang musim tengkujuh bermula Oktober 2023 hingga Mac 2024.

MEDEVAC

Terdapat 1 x penugasan MEDEVAC yang telah dilaksanakan oleh Pesawat AW139 pada 5 Julai 2023 di Pelantar Berlumut, Terengganu.

PENERBANGAN IHSAN (*MERCY FLIGHT*)

Pada 9 Januari 2023, pesawat AW 139 telah melaksanakan penerbangan ihsan bagi membantu membawa 1 x Ibu mengandung dari Tioman ke Pengkalan Udara Kuantan untuk mendapatkan rawatan.



Penerbangan Ihsan pendaratan di Pengkalan Udara Kuantan

Pada 25 April 2023, penugasan pesawat AW 139 membawa pesakit (komplikasi untuk bersalin) dan pengiring dari Pulau Tioman ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk mendapatkan rawatan. Pesawat menurunkan pesakit dan pengiring di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Pahang.



Penerbangan Ihsan pendaratan di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Pahang

Pada 28 Julai 2023, penugasan pesawat AW 139 membawa pesakit bayi sukar bernafas dan pengiring dari Pulau Tioman ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk mendapatkan rawatan. Pesawat menurunkan pesakit dan pengiring di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Pahang.



Penerbangan Ihsan pendaratan di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Pahang

LIPUTAN MEDIA

Selain daripada tugas-tugas yang telah dinyatakan dalam laporan ini, pesawat juga terlibat dalam penerbangan yang mendapat liputan media seperti:

- Pada 14 Feb 2023, **Hari Ulang Tahun Agensi Penguatkuasaan Malaysia ke 18,** APMM telah mengadakan Formasi Pesawat Udara bersama Aset Laut telah dilaksanakan di Perairan Sandakan.
- Pelancaran filem *Malaysia Coast Guard The Movie* pada awal tahun 2023 yang telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah APMM, Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som di Stesen Udara Maritim Subang.
- *Flypast* Majlis Persaraan Ketua Pengarah APMM, Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som di Dataran Pahlawan, Putrajaya pada 16 Mac 2023.
- *Flypast* Merdeka 2023 pada 31 Ogos 2023 di Dataran Pahlawan, Putrajaya.

OPERASI/ LATIHAN BERSAMA

Selain daripada tugas-tugas yang telah dinyatakan dalam laporan ini, pesawat juga terlibat dalam penerbangan melibatkan Operasi dan Latihan bersama agensi-agensi luar seperti:

- Pada 4 hingga 16 Disember 2023, Pesawat AW139 terlibat dalam Eksesais Taming Sari 22/23 (Eks TS 22/23) di Perairan Selat Melaka Utara bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TUDM).
- Pada 26 November 2023 hingga 3 Disember 2023, pesawat terlibat dalam melaksanakan Eksesais Maritim Perkasa Siri 6/2023 barat bermula dari Perairan Perlabuhan Klang dan berakhir di Perairan Langkawi, Kedah.
- Pesawat juga terlibat dalam Operasi PATKOR OPTIMA MALINDO Siri 30B/2023 yang dilaksanakan pada 5 September 2023 hingga 14 September 2023.
- Pesawat AS365N3 terlibat dalam melaksanakan *PARAJUMP EXERCISE WITH PASKAL* TLDM pada 12 Disember 2023 hingga 13 Disember 2023 yang diadakan di Lumut, Perak.

SISTEM PENGAWASAN LAUT MALAYSIA (SWASLA)

Konsep SWASLA mula diusulkan pada tahun 1977. Tujuannya adalah untuk memenuhi keperluan keselamatan negara dan koordinasi dalam penguatkuasaan undang-undang maritim. Walau bagaimanapun, konsep ini telah dikaji semula pada tahun 1992 berikutan kemalangan di laut yang mengancam alam sekitar iaitu pencemaran di laut. Perkembangan ini seterusnya menguatkan justifikasi untuk mewujudkan satu sistem pengawasan laut yang boleh mengatasi dua masalah serentak iaitu keselamatan perairan (***Security***) dan keselamatan pelayaran (***Safety***) khususnya di sepanjang perairan di Selat Melaka.

Bagi melaksanakan tugas pengawasan aktiviti maritim di perairan negara secara menyeluruh dan berterusan dengan mengambil kira ancaman-ancaman maritim masa kini mahu pun akan datang, kerajaan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mei 1993 telah mengambil kira kepentingan ini untuk mewujudkan jaringan integrasi Sistem Pengawasan Laut di beberapa lokasi strategik yang telah dikenal pasti yang berkeupayaan memantau laluan perairan yang paling sibuk.

Mesyuarat Jawatankuasa Tender Menteri, Kementerian Kewangan pada 20 April 1994 telah meluluskan projek Sistem Pengawasan Laut, Fasa I merupakan perairan Selat Melaka. Dengan itu, maka pembinaan infrastruktur SWASLA bermula pada 25 Sep 1994 dan siap ditauliah pada 14 Mac 1998. Ia telah dirasmikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Y.A.B Tun Dr Mahathir Mohammad pada 27 Mac 1998 di bawah Pemerintahan Pusat Penyelarasan dan Penguatkuasaan Maritim (**PPPM**).

Dikenali dahulunya sebagai Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA) di bawah Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM), Bahagian Keselamatan Negara dan kini di kenali sebagai Majlis Keselamatan Negara (**MKN**). SWASLA telah diserahkan kepada **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia** pada 17 Nov 2005 dan kini dikenali sebagai **Sistem Pengawasan Maritim (SWASLA) Malaysia**.

Keseluruhan sistem dan peralatan SWASLA diintegrasikan dengan beberapa komponen utama iaitu sistem radar, radio komunikasi, elektronik, elektrikal, mekanikal serta perkakasan dan perisian komputer. Kesemua data yang diterima akan diproses untuk menjana maklumat yang berkesan bagi melaksanakan pengawasan di Selat Melaka.

SISTEM PENGAWASAN LAUT MARITIM MALAYSIA (SWASLA)

SWASLA adalah merupakan Pusat Pengawasan Utama dalam aspek keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim di Selat Melaka. SWASLA melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisis dan menyalurkan maklumat aktiviti maritim melalui sistem maklumat yang berkesan bagi perairan maritim sepanjang Selat Melaka. Ia merupakan satu rangkaian sistem yang terdiri dari Pusat Kawalan Induk (MCC) di Lumut, 3 buah Pusat Kawalan (ACC) masing-masing di Pulau Langkawi, Pelabuhan Klang dan Tanjung Piai, serta merangkumi 12 buah tapak radar (RSS).

PENGESANAN SASARAN CURIGA

Sebanyak 439 pengesanan sasaran curiga telah direkodkan di bawah tanggungjawab pengawasan Pusat Kawalan Langkawi (ACC Langkawi), Pusat Kawalan Klang (ACC Klang), Pusat Kawalan Johor (ACC Johor) dan Pusat Kawalan Induk Lumut (MCC Lumut). Analisa keseluruhan sasaran curiga adalah seperti jadual di bawah.

TEMPAT / BULAN	MCC LUMUT	ACC LANGKAWI	ACC KLANG	ACC JOHOR	JUMLAH
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)
Januari	32	0	20	0	**52**
Februari	26	1	16	0	**43**
Mac	18	2	14	0	**34**
April	8	2	15	2	**27**
Mei	24	1	14	2	**41**
Jun	7	0	17	3	**27**
Julai	21	3	11	5	**40**
Ogos	22	2	11	3	**38**
September	15	3	14	2	**34**
Oktober	22	3	11	0	**36**
November	11	5	3	0	**19**
Disember	30	2	13	3	**48**
JUMLAH	**236**	**24**	**159**	**20**	**439**

Jadual 1: Statistik Keseluruhan Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Kawasan 2023

Statistik juga telah direkodkan mengikut pecahan Maritim Negeri berdasarkan tindakan yang diambil ke atas maklumat yang disalurkan bagi tahun 2023. Tindakan-tindakan ini dipecahkan kepada **tindakan yang diambil** dan **tiada tindakan** ke atas maklumat yang disalurkan. Pada tahun ini, sebanyak 388 maklumat sasaran curiga telah diambil tindakan daripada 439 jumlah keseluruhan pengesanan curiga yang disalurkan. Jadual 2 menunjukan pecahan ke atas tindakan yang telah diambil terhadap sasaran curiga yang telah dilaporkan bagi tahun ini.

JENIS TINDAKAN	JUMLAH
(a)	(b)
Pemeriksaan	167
Tangkapan	46
Sasaran Usir	29
Sasaran Hilang	44
Sasaran Patah Balik	10
Sasaran Bolos	92
JUMLAH	**388**

Jadual 2: Pecahan Tindakan Diambil Terhadap Sasaran Curiga 2023

Maklumat sasaran curiga yang **diambil tindakan** adalah apabila terdapat aset bergerak ke lokasi sasaran curiga manakala **tiada tindakan** bermaksud tiada aset yang berjaya melaksanakan tindakan terhadap sasaran curiga dilokasi yang dilaporkan .

Sebanyak 167 sasaran curiga telah dilakukan pemeriksaan biasa dan dilepaskan kerana tidak melakukan sebarang kesalahan. Manakala sebanyak 51 sasaran curiga pula tiada tindakan aset di laut disebabkan oleh beberapa faktor iaitu : -

1. Aset gagal memintas sasaran curiga kerana sasaran berjaya meloloskan diri serta merapat ke daratan.
2. Sasaran curiga berpatah balik ke perairan negara jiran setelah menyedari bot suspek telah dikejar oleh aset APMM.
3. Kehadiran tonto (sapu air) di laut yang memberi maklumat kehadiran dan pergerakan aset di laut.
4. Kekangan keupayaan aset bagi memintas sasaran curiga yang mempunyai kelajuan yang lebih tinggi.
5. Aset yang masih dalam pembaikan atau terhad untuk beroperasi.



PENGESANAN SASARAN CURIGA DIKENALPASTI MENGIKUT JENIS SASARAN

Sebanyak 439 sasaran curiga telah diklasifikasikan. Pemerhatian ini dibuat berdasarkan catatan yang direkodkan daripada kaedah pengesanan melalui kamera RSS, penglibatan aset APMM dan menggunakan sistem VTS.

JENIS SASARAN CURIGA MCC & ACC BAGI BULAN JAN-DIS 2023														
NO.	JENIS SASARAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1	KAPAL TANKER (MT)	4	1	1	3	4	1	0	4	1	2	1	4	26
2	KAPAL KARGO (MV)	1	3	2	3	3	5	8	5	4	5	2	6	47
3	KAPAL PESIARAN	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
4	KAPAL LAYAR	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
5	KAPAL KOREK	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	2
6	KAPAL PERANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
7	KAPAL SURVEY	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1
8	FERI	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
9	BOT TUNDA / BARGE	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	3	5
10	BOT FIBRE	0	1	1	0	1	0	0	1	1	2	2	0	9
11	BOT BATER TRADE	2	4	1	2	2	2	0	3	0	1	0	2	19
12	BOT NELAYAN TEMPATAN (BNT)	35	28	16	5	19	12	22	19	15	12	7	18	208
13	BOT NELAYAN ASING (BNA)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
14	BOT PENUMPANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
15	BOT PANCING	4	0	1	1	2	0	0	0	2	2	0	0	12
16	BOT TRADISIONAL	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	BOT LAJU	0	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	2
18	BOT PANCUNG	3	2	0	3	2	2	1	2	0	4	1	0	20
19	BOT POM-POM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	BOT LIMA SORE	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	BOT CATAMARAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	BOT TEKSI AIR	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	BOT PENGUASA LUAR NEGARA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1
24	BOT PENGUASA DALAM NEGARA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	LAIN-LAIN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	TIDAK KENAL PASTI	2	3	10	10	8	5	8	3	8	7	6	14	84
JUMLAH KESELURUHAN		52	43	34	27	41	27	40	38	34	36	19	48	439

Jadual 3: *Statistik Keseluruhan Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Jenis Sasaran 2023*

Berdasarkan data dan maklumat yang diterima dan disalurkan, sasaran curiga yang tidak dikenalpasti kerap dilaporkan dan mencatatkan sebanyak 84 pengesanan Maritim Negeri (MN) Selangor telah mencatatkan sebanyak 44 pengesanan yang tidak dikenalpasti yang dipercayai bot penyeludup.

Boya Sepat (Api Gila) adalah merupakan transit atau panduan bagi bot-bot penyeludup negara jiran untuk memasuki ke negara ini. Pemerhatian yang lebih perlu ditingkatkan di kawasan tersebut kerana daripada Boya Sepat yang menjadi laluan utama ke lokasi pendaratan seperti di Tg. Gabang, Tg. Sepat, Kuala Sg. Sepang dan Tg. Tumbuk. Di posisi tersebut juga disyaki berlakunya pemindahan barangan terlarang menggunakan bot-bot tempatan untuk dibawa masuk ke negara ini. Kapal-kapal atau bot-bot yang beroperasi perlu memberi lebih perhatian di kawasan tersebut.

PENGAWASAN KAPAL TANGKI, KAPAL TAHANAN DAN KAWASAN BERSAUH

Pemantauan kapal tangki secara berterusan telah dilakukan bertujuan untuk membendung dan membuat tindakan pantas sekiranya terdapat pengesanan pergerakan yang curiga menghampiri kapal atau sasaran yang tidak dikenalpasti. Pemantauan secara rapi dilakukan terutamanya bagi kapal-kapal tangki yang bergerak keluar dari Perairan Singapura menuju ke Utara Selat Melaka dan Laut China Selatan. Selain itu, pemantauan ke atas kapal-kapal yang bersauh di perairan Pengerang juga terus dilakukan bagi membendung kejadian rompakan di laut. Disamping itu, pemantauan ke atas kapal tahanan yang bersauh juga dilakukan bagi mengelakkan aktiviti yang boleh menjejaskan siasatan kes.

Selain itu, pihak SWASLA juga melakukan pemantauan terhadap beberapa buah kapal yang disyaki membawa barang terlarang. Kapal-kapal disyaki ini adalah dipercayai membawa keluar barang dari Pelabuhan Jurong, Singapura untuk dihantar ke Myanmar. Namun muatan barang yang dibawa akan di turunkan secara haram untuk pasaran tempatan sewaktu dalam pelayaran menuju ke utara Malaysia. Kapal-kapal tersebut dilihat aktif dan kerap melalui Perairan Selat Melaka serta akan mematikan *Transponder Automatic Identification System* (**AIS**). apabila melalui kawasan tertentu.

PENGESANAN KAPAL PERANG ASING DAN @ PENGUAT KUASA ASING

Sepanjang tempoh laporan sebanyak 111 pengesanan kapal perang asing telah direkodkan. Ia dikesan dari perairan Utara Selat Melaka, dan Selat Singapura. Kebanyakan kapal perang asing dikesan oleh Sistem Radar *One Fathom Bank* (OFB), RSS Bukit Pengerang, RSS Tanjung Piai dan Sistem Vessel Traffic Services (**VTS**) Jabatan Laut .

PENGAWASAN KAPAL / BOT NELAYAN TEMPATAN (BNT)

Sepanjang tempoh pemantauan oleh operator bertugas mendapati *Trend* pergerakan bot nelayan yang bersaiz besar adalah lebih tertumpu di sekitar perairan Utara Selat Melaka seperti di perairan Pulau Jarak dan Pulau Perak. Aktiviti perikanan tersebut dilakukan secara berkelompok. BNT yang bersaiz besar ini juga menjalankan aktiviti perikanan di sekitar perairan sempadan pertindihan negara (*Unresolved Maritime Boundary*). Manakala ,situasi berbeza telah dikesan di Selatan Selat Melaka. Ini adalah berikutan kawasan perairan tersebut lebih tertumpu untuk BNT yg bersaiz lebih kecil atau lebih dikenali sebagai bot nelayan pantai.

Selain itu, hasil pemantauan juga mendapati masih ada BNT yang tidak hirau dan berdegil dengan melakukan aktiviti perikanan di dalam perairan Indonesia serta tidak mengaktifkan trasponder Automatic Identification System (AIS). Justeru, satu mekanisma baharu yang lebih ampuh perlu dilakukan pihak berwajib bagi mendidik semua pengusaha dan pengendali BNT untuk lebih peka dalam aspek perundangan bagi menjamin keharmonian dan keselamatan BNT.



BAHAGIAN PERISIKAN @ *MARITIME INTELLIGENCE DIVISION (MIND)*

Pada tahun 2023, sebanyak 178 tangkapan telah berjaya dilaksanakan hasil daripada maklumat perisikan di mana ianya mewakili 14.5% daripada tangkapan keseluruhan APMM dengan jumlah nilai keseluruhan mencecah RM39 juta. Statistik ini menunjukkan sedikit peningkatan tangkapan berbanding tahun sebelumnya iaitu 159 tangkapan pada 2022.

Selain itu, tahun 2023 juga memberi impak yang baik kepada MIND dalam usaha membanteras penyeludupan rokok di mana sebanyak 134,462,200 batang rokok pelbagai jenama telah disita membabitkan nilai termasuk cukai sebanyak RM28,786,062.24

KERJASAMA STRATEGIK PERISIKAN

Memperkukuhkan dan meningkatkan jaringan kerjasama dalam perkongsian maklumat, operasi inter-agensi dan aspek latihan melalui instrumen kunjungan hormat, perjumpaan berkala serta program/ aktiviti interaksi bersama agensi perisikan dari dalam dan luar negara seperti:

Dalam negara:

- Bahagian Penyelidikan JPM;
- Bahagian Penguatkuasaan JPJ;
- Bahagian Operasi JPN;
- Bahagian Maritim MKN;
- Bahagian Perisikan Jabatan Imigresen;
- Cawangan Risikan Kastam (JKDM);
- Cawangan Khas PDRM;
- Malaysian Defence Intelligence Organisation (MDIO);
- Bahagian Perisikan Laut TLDM (RISLA);

Luar negara:

- Transnational Organized Crime Strike Force (TOCSF) Japan Coast Guard;
- Australian Secret Intelligence Service (ASIS),
- Intelijen BAKAMLA;
- ASINTEL KASAL Tentara Negara Indonesia (TNI);
- Philippine Coast Guard Intelligence Branch;
- Royal Thai Marine Police Intelligence Branch; dan
- MARSEC Command, Singapore.

Selain itu, APMM melalui MIND meningkatkan kerjasama perkongsian maklumat dan perbincangan berkaitan isu geopolitik serantau bersama *counterparts* dari dalam dan luar negara seperti US Embassy dan Research Division (RD) JPM bagi pemantapan analisis berkaitan isu serantau yang memfokuskan kepada *traditional* dan *non-traditional threats.*



PASUKAN TINDAKAN KHAS DAN PENYELAMAT (STAR TEAM)

Pasukan Tindakan Khas Dan Penyelamat (Star Team) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tiga tugas utama Star Team iaitu Operasi Menggempur Khas, Operasi Menyelamat Khas dan Penyelam di Zon Maritim Malaysia. Selain daripada itu, Star Team juga berperanan memberikan bantuan kepada unit -unit yang terdapat di dalam Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) terutamanya yang melibatkan kepakaran khas. Bagi memudahkan kawalan pentadbiran, Star Team telah dibahagikan kepada 2 unit gempur iaitu Skuadron gempur Semenanjung (SGS) yang berpangkalan di Maritim Negeri Selangor dan Skuadron Gempur Sabah & Sarawak (SGSS) yang berpangkalan di Maritim Negeri Sabah. Keseluruhan penugasan operasi Star Team dan pasukan selam adalah di bawah perintah dan kawalan Komander Star Team di Markas Star Team, Ibu Pejabat APMM, Putrajaya.

SKUADRON GEMPUR SEMENANJUNG (SGS)

Antara Operasi dan Tugasan Khas Star Team yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Demonstrasi Aset Laut dan Udara sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA 2023)
- Pencarian SAR 1 X Komando hilang di perairan Pulau Undan, Melaka
- Operasi Khas Selam Ops Pagar Laut 01/2023, Johor
- Ops Khas - MT Arman 114 (Operasi bersama BARKAMLA)
- Ops Khas -Kapal Artemis III & Ocean Hermana.

KURSUS & LATIHAN

- Kursus Rescue Diver siri 1/2023 - pada September 2023 hingga 5 Oktober 2023. Kursus Rescue Diver 1/2023 telah diadakan di AMSAS, Gebeng Pahang. Kursus ini berjaya dilaksanakan dengan penglibatan anggota daripada Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat dan anggota Skuadron Selam sebagai jurulatih. Berjaya melahirkan 15 orang penyelam penyelamat yang telah melalui saringan kesihatan dan ujian kelayakan bagi menyertai kursus ini yang pada mulanya mengumpulkan 50 peserta yang berminat. Kursus ini mempunyai beberapa fasa iaitu fasa penyesuaian kolam, fasa penyesuaian pelabuhan dan fasa praktikal di laut yang perlu dilalui dan lulus setiap fasa bagi setiap anggota kursus untuk dianugerahkan sebagai penyelam penyelamat dan pingat penyelam penyelamat APMM.

- Hari Bersama Media 2023 pada 1 Disember 2023 - Skuadron Gempur Semenanjung sebagai pengendali di Lapang Sasar Mantin yang dianjurkan oleh Unit Komunikasi Korporat APMM.



SKUADRON GEMPUR SABAH & SARAWAK (SGSS)

SGSS & Skuadron selam Pasukan Tindakan Khas telah berjaya melaksanakan beberapa operasi yang dipertanggungjawab seperti menggempur dan menyelamat serta menguatkuasakan undang-undang di laut. Skuadron Selam ditugaskan untuk keperluan penyelam penyelamat *(Rescue Diver)* jika SAR diaktifkan. Selain itu, Skuadron Selam juga berperanan melaksanakan tugas Penyelam Kapal (selaman rutin) bagi aset-aset APMM seperti kapal dan bot.

Skuadran Gempur Sabah & Sarawak dan Skuadron Selam MN Sabah pula terlibat dalam pelbagai operasi dan tugasan khas seperti di berikut:

Op Maiga

Operasi ini telah dirancang dengan menempatkan tim Star Team dalam keadaan siapsiaga untuk diaturgerak pada bila-bila masa. Kawasan tanggungjawab dibahagikan kepada:

- **Sektor Sandakan** - Tim operasi ditempatkan dikawasan *hot spot* atau berdasarkan interep / maklumat risikan merangkumi sektor Beluran, Sandakan, Kinabatangan dan Pulau Tambisan.
- **Sektor Semporna** - Tim operasi ditempatkan di Pulau Mataking. Kawasan operasi pula meliputi sektor *cut off* dari selatan Pulau Mataking sehingga ke Pulau Boheyan. Star Team menempatkan bot yang diterima dari ESSCOM sejak Februari 2016 iaitu Bot Adal 14 di Sandakan manakala Bot Adal 13 di Semporna.

Tugas-tugas lain

- Demonstrasi Sempena Hari Ulang Tahun ke 18 APMM, Sandakan, Sabah
- Eksesais Samudera Perkasa Timur
- Tugas-tugas Pengiring Pengiring rapat / keselamatan VIP:
- Lawatan wakil *Japan International Coorperation Agency* (JICA) ke SGSS dan Skuadron Selam Sabah.

SGSS dan Skuadron Selam Maritim Negeri Sabah telah melaksanakan sekurang-kurangnya 28 tugasan menyelam rutin seperti pemeriksaan bawah air, pembersihan bawah perut kapal seperti pembuangan teritip & membuang tali pukal yang tersangkut di *propeller* bagi sebahagian dari senggaraan aset-aset jabatan. Antara aset-aset yang terlibat:

- KM Arau
- KM Ikhlas
- KM KM Libaran
- KM Tebrau
- KM Pintar
- KM Kota Belud
- KM Mabul
- KM Lahad Datu
- KM Adil
- Bot Pengalang 24

Selain itu, Skuadron Selam SGSS juga terlibat dalam program-program luar seperti berikut:

- Program ‘Mega Dive HATWKK 2023’
- Program Borneo Ultra Ocean Clean-Up 2023
- Program Merdeka ‘Mega Dive’ 2023

Di samping itu, Skuadron Selam APMM juga telah diletakkan di bawah perintah dan kawalan Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat APMM (Star Team) dengan satu visi untuk membentuk identiti sebuah pasukan yang berkemahiran bukan sahaja sebagai penyelam kapal, malahan mampu untuk melaksanakan tugas menyelamat di dalam situasi merbahaya untuk melaksanakan tugasan selam seperti menyelamat mangsa terperangkap di dalam ruangan sempit dan kapal terbalik, pemeriksaan struktur bawah air, penimbulan, pencarian objek atau bahan kes, pembersihan, pembaikan dan penyelenggaraan kecil kepada aset-aset APMM serta agensi sahabat yang memerlukan. Selain itu bertanggungjawab untuk memastikan penyelam di luar perjawatan berada dalam keadaan siapsiagaan dan "*Fit to Dive*"

Penubuhan Pusat Selam Maritim Malaysia juga telah dilaksanakan oleh di Akademi Sultan Ahmad Shah (AMSAS) dan berapa buah Maritim Negeri yang dikenali sebagai Skuadron Selam dan di kawal selia oleh Star Team Ibu pejabat APMM seperti berikut:


- **SKUADRON PUSAT SELAM AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH**
- **SKUADRON SELAM NEGERI JOHOR**
- **SKUADRON SELAM MARITIM NEGERI PERAK**
- **SKUADRON SELAM MARITIM NEGERI SABAH**
- **SKUADRON SELAM MARITIM NEGERI SARAWAK**

Skuadron- skuadron selam ini telah melaksanakan beberapa operasi dan latihan sepanjang tahun 2023. Operasi yang dijalankan merangkumi pemeriksaan bawah air kapal-kapal dan bot serta operasi carilamat di Maritim. Dari aspek latihan dan kursus menyelam, Skuadron Selam juga telah terlibat dengan beberapa siri latihan dan kursus yang dijalankan oleh Star Team dan juga Pusat Selam sendiri di AMSAS.

KURSUS DAN PENCAPAIAN

Kursus Rescue Diver – "Diving Ability Course" bersama *Japan International Cooperation Agency* (JICA) & *Japan Coast Guard* (JCG) pada 27 Februari sehingga 10 Mac 2023 di AMSAS dan Jeti ZM Kemaman.





Kursus Penyelam Penyelamat APMM Star Team Siri 1/2023 telah dilaksanakan pada 6 Ogos sehingga 6 Oktober 2023 di Pusat Selam APMM, AMSAS dan Pulau Tioman.





PROGRAM PERINTIS LATIHAN SSBA

Skuadron Selam Star Team AMSAS mengambil inisiatif untuk mengaktifkan semula kaedah menyelam dengan menggunakan *Surface Supply Breathing Apparatus (SSBA)*. Inisiatif ini diambil dalam usaha memantapkan kemahiran pegawai dan anggota dalam pengoperasian SSBA selain daripada SCUBA. Dengan penguasaan teknik selaman SSBA, operasi menyelam yang lebih sukar dan mencabar mampu ditangani sendiri oleh pasukan selam APMM tanpa bantuan agensi lain.


Fasa pertama latihan SSBA dimulakan dengan pendedahan peralatan kepada anggota dan pengujian tahap pengoperasian peralatan SSBA. Seterusnya, beberapa siri latihan teori dan praktikal telah dijalankan sehingga kini bagi memastikan setiap pegawai dan anggota penyelam di bawah kawalan Skuadron Selam Star Team AMSAS.



Untuk fasa seterusnya pihak Pusat Selam berhasrat untuk menganjurkan latihan menyelam SSBA kepada semua pegawai dan anggota APMM sehingga wujudnya satu tim selam SSBA yang mapan. Beberapa siri latihan SSBA yang dijalankan telah membuktikan APMM mampu mengoperasikan teknik selam SSBA sendiri. Dan satu kejayaan apabila APMM merupakan agensi kedua di dalam Malaysia yang mengoperasikan teknik selaman SSBA selain daripada TLDM.





Operasi Carilamat Bot Nelayan Karam di Perairan Tok Bali pada 28 Mei 2023. Skuadron Selam Star Team AMSAS telah ditugaskan untuk mengesan dan mencari lokasi bot karam berpandukan lokasi terakhir bot tersebut dilihat karam. Dengan kemahiran dan keberanian penyelam, bot nelayan tersebut berjaya dikesan dan telah karam pada kedalaman 30 meter. Penyelam melakukan kerja penandaan dan menyerahkan tindakan selanjutnya kepada Seksyen Operasi MN Kelantan.



PEMERIKSAAN BAWAH AIR KAPAL DAN BOT APMM

Pemeriksaan bawah air kapal dan bot telah berjaya dilaksanakan dalam membantu pihak kapal dan Seksyen Logistik menilai kerosakan dan kondisi di bawah permukaan air. Kapal dan bot tersebut adalah:


a) KM TOK BALI
b) KM REDANG
c) KM TATAU
d) BM PENGGALANG 14








Pencarian, Forensik dan Penimbulan Bahan Bukti Kes Rompakan Pelantar Minyak Aurora Producer 1 di Tanjung Langsat, Johor pada 23 April hingga 25 April 2023 dengan kerjasama satu tim bantuan selam dari Skuadron Gempur Semenanjung Star Team Klang, Unit Operasi Zon Maritim Tanjung Sedili, Pos Maritim Pengerang, Unit Forensik Seksyen Siasatan Maritim Negeri Johor, Bahagian Siasatan Jenayah Maritim Putrajaya, bot PERKASA 30, PETIR 11 dan PETIR 12.





Lokasi bot dan enjin dijumpai serta keadaan penglihatan di bawah permukaan air.


4542
4542

PENGURUSAN CARILAMAT

BAHAGIAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA

Setelah hampir 19 tahun penubuhan APMM, pelbagai kejayaan telah dikecapi khususnya dalam bidang CARILAMAT. APMM telah berjaya membuktikan kemampuan agensi dan diiktiraf sebagai agensi peneraju CARILAMAT maritim bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa. APMM juga giat dalam usaha memperkasa bidang CARILAMAT supaya kekal relevan dan diiktiraf sebagai peneraju CARILAMAT Maritim di Malaysia. Selaras dengan Pelan Strategik SAR APMM 2021-2025, APMM sentiasa memberikan kesedaran kepada komuniti maritim bagi mengurangkan insiden kehilangan nyawa dan harta benda di laut.

STATISTIK INSIDEN KECEMASAN DI LAUT

JUMLAH OPERASI CARILAMAT

Operasi CARILAMAT dikoordinasikan APMM dikategorikan kepada insiden yang melibatkan kapal dan bot, Insiden melibatkan kehilangan manusia di laut, MEDICO, MEDEVAC, bantuan aset dan bantuan SRU kepada agensi lain. Pada tahun 2023, APMM telah mengkoordinasikan sebanyak 253 operasi CARILAMAT berbanding 270 insiden pada tahun 2022. Terdapat penurunan jumlah insiden sebanyak 6.3% berbanding tahun 2002 seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** dan analisa graf seperti di **Carta 1.** APMM telah mengkoordinasikan sebanyak 2,988 operasi CARILAMAT sejak 2006. Statistik yang dipaparkan merupakan data operasi CARILAMAT bagi 10 tahun yang terkini bermula tahun 2014 hingga tahun 2023. Insiden melibatkan manusia di laut merupakan kategori paling tinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak 74 insiden. Insiden melibatkan manusia di laut adalah insiden seperti orang jatuh laut, lemas, bunuh diri, hilang, terjun laut, penemuan mayat, dan terkandar. Bulan Ogos menunjukkan jumlah operasi paling tinggi iaitu sebanyak 27 insiden (10.6%) diikuti bulan Februari dan Julai sebanyak 26 insiden (10.2%). Peningkatan jumlah operasi pada bulan Ogos adalah dari kategori insiden melibatkan kapal dan bot sebanyak 14 insiden dan hal ini disebabkan oleh kelalaian dan kegagalan untuk memastikan kapal atau bot berada dalam keadaan baik sebelum digunakan. **Jadual 2** dan **Carta 2** menunjukkan jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan pada tahun 2023 mengikut bulan.

INSIDEN	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	JUMLAH
Insiden melibatkan Kapal dan Bot	45	33	47	41	34	65	48	46	85	66	5,262
Insiden melibatkan manusia	59	44	48	66	69	61	64	56	71	74	612
MEDICO	-	-	1	-	3	3	3	4	1	3	18
MEDEVAC	10	11	13	14	19	20	23	24	14	21	169
Bantuan SRU	-	-	-	42	82	126	104	110	80	68	612
Bantuan SRU kepada agensi lain	-	-	-	-	-	-	-	20	19	21	60
JUMLAH	114	88	109	163	207	275	242	260	270	257	6,733


Jadual 1: *Jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan dari tahun 2014 hingga 2023*

BANTUAN BENCANA

APMM juga telah terlibat dengan bantuan bencana kepada agensi lain seperti bantuan semasa insiden tumpahan minyak di laut, kebakaran hutan dan bencana banjir. Terdapat 3 bantuan bencana telah diberikan oleh APMM kepada agensi lain seperti dalam **Jadual 1.1.**

KATEGORI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Kebakaran Hutan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	**1**
Tumpahan Minyak	-	-	-	-	-	-	-	2	1	-	-	-	**3**
Banjir	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
TOTAL	-	-	-	-	-	-	-	**2**	**1**	**1**	**0**	**0**	**4**


Jadual 1.1: *Jumlah bantuan bendana kepada agensi lain bagi tahun 2023*



Carta 1: *Statistik operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan dari tahun 2014 hingga 2023*

Insiden	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Insiden melibatkan Kapal dan Bot	2	9	2	4	4	7	6	14	3	7	5	3	**66**
Insiden melibatkan manusia	5	6	8	9	5	4	11	3	4	8	1	10	**74**
MEDICO	-	1	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	**3**
MEDEVAC	-	-	5	2	-	2	2	2	2	1	1	4	**21**
Bantuan SRU	9	7	5	3	9	7	6	5	5	3	3	6	**68**
Bantuan SRU kepada agensi lain	2	3	4	3	1	1	1	1	2	1	1	1	**21**
JUMLAH	**18**	**26**	**25**	**22**	**19**	**21**	**26**	**27**	**17**	**21**	**11**	**24**	**253**

Jadual 2: *Jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan pada tahun 2023*



Carta 2: *Statistik operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan pada tahun 2023*

PECAHAN OPERASI CARILAMAT MENGIKUT MRSC DAN MARITIM NEGERI

Daripada 253 operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan, MRSC Langkawi merekodkan jumlah operasi CARILAMAT paling tinggi iaitu sebanyak 78 insiden (30.8%) diikuti MRSC Johor Bahru iaitu sebanyak 71 insiden (28.1%). Berdasarkan rekod, negeri yang paling tinggi mengkoordinasikan operasi CARILAMAT adalah Negeri Sabah iaitu sebanyak 46 insiden (18.2%). Daripada 46 insiden tersebut, 15 insiden (32.6%) adalah dari kategori insiden melibatkan manusia di laut. Antara insiden kecemasan yang dilaporkan adalah MEDEVAC dan orang jatuh laut masing-masing 8 insiden. Berdasarkan pemerhatian ke atas laporan insiden ini, kejadian orang jatuh laut ini berpunca dari sikap individu sendiri yang tidak menjaga keselamatan diri ketika bekerja di laut dan tidak memakai jaket keselamatan. Pecahan operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan mengikut MRSC dan Maritim Negeri adalah seperti di **Jadual 3**.

MRSC	MN	Insiden Kapal dan Bot	Insiden melibatkan manusia	MEDICO	MEDEVAC	Bantuan SRU	Bantuan SRU kepada Agensi Lain	Jumlah	Jumlah Insiden Keluruhan
Langkawi	Kedah/ Perlis	8	4	-	1	16	-	**29**	**78**
	Pulau Pinang	1	18	-	2	3	-	**25**	
	Perak	7	4	-	3	11	-	**24**	
Johor Bahru	Selangor	6	5	-	2	5	1	**19**	**71**
	Melaka/ N. Sembilan	4	4	-	2	4	-	**14**	
	Johor	10	8	1	3	11	2	**38**	

Kuantan	Pahang	3	3	1	1	2	3	**13**	**42**
	Terengganu	5	4	1	3	5	2	**20**	
	Kelantan	1	6	-	-	2	-	**9**	
Kuching	Sarawak	8	4	-	-	4	4	**20**	**46**
Kota Kinabalu	Sabah	13	14	-	4	5	9	**46**	**20**
JUMLAH		**66**	**74**	**3**	**21**	**68**	**21**	**253**	

Jadual 3: *Jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan mengikut MRSC dan Maritim Negeri pada tahun 2023*

INSIDEN MELIBATKAN KAPAL DAN BOT

Jadual 4 menunjukkan operasi CARILAMAT ke atas insiden melibatkan kapal dan bot yang dikoordinasikan pada tahun 2023 merekodkan sebanyak 123 insiden. Insiden paling tinggi adalah kejadian kapal dan bot mengalami kerosakan iaitu sebanyak 42 insiden (34.1%) diikuti insiden kapal dan bot karam iaitu sebanyak 25 insiden (20.3%). Insiden melibatkan kapal dan bot paling tinggi adalah pada bulan Ogos iaitu melibatkan sebanyak 19 insiden. Kecuaian individu yang gagal memeriksa keadaan kapal dan bot sebelum keluar ke laut merupakan faktor utama yang menyumbang kepada insiden kapal dan bot rosak.

INSIDEN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Karam	2	4	1	3	1	1	1	3	1	4	3	1	**25**
Terbalik	-	-	1	-	1	2	1	3	-	-	1	-	**9**
Rosak	5	3	3	-	3	4	5	4	4	3	3	5	**42**
Hilang	1	4	2	-	-	2	5	3	1	1	1	1	**21**
Pelanggaran	-	2	-	-	-	1	-	-	-	1	1	-	**5**
Kekandasan	-	1	1	-	1	-	-	1	-	-	-	-	**4**
Kebocoran	-	-	-	1	1	1	-	1	1	1	-	-	**6**
Terbakar	-	-	-	2	2	-	-	3	-	-	-	-	**7**
Hanyut	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-	-	2	**4**
JUMLAH	**8**	**14**	**8**	**6**	**10**	**11**	**12**	**19**	**7**	**10**	**9**	**9**	**123**

Jadual 4: *Jumlah operasi CARILAMAT insiden melibatkan kapal dan bot tahun 2023*

INSIDEN MELIBATKAN MANUSIA


Sepanjang tahun 2023, terdapat 130 operasi CARILAMAT telah dilaksanakan ke atas insiden melibatkan manusia. Insiden orang jatuh laut merupakan kategori paling tinggi iaitu sebanyak 29 insiden (22.3%). Pecahan operasi CARILAMAT bagi insiden kehilangan manusia di laut ditunjukkan di **Jadual 5**. Kebanyakan insiden dalam kategori ini adalah melibatkan insiden nelayan yang tergelincir jatuh ke laut ketika sedang menarik atau menaikkan pukat. Kebanyakan nelayan ini juga tidak memakai jaket keselamatan menyebabkan mereka tidak dapat terapung dan dibantu oleh rakan-rakan lain. Keadaan cuaca yang tidak menentu dan laut yang bergelora juga menjadi salah satu faktor berlakunya insiden jatuh laut.

INSIDEN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Jatuh laut	2	2	4	3	3	4	4	1	-	4	1	1	**29**
Lemas	2	-	2	2	2	1	3	-	1	1	-	3	**17**
Bunuh diri	-	2	2	3	-	-	2	2	2	2	-	3	**18**
Hilang di laut	3	-	-	2	-	1	2	-	1	1	-	2	**12**
Terjun laut	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	**1**
Penemuan mayat	2	2	-	1	2	1	-	-	1	-	-	1	**10**
Mayat tidak dijumpai	-	1	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	**2**
Terkandas	-	-	-	-	1	1	-	1	1	-	-	-	**4**
MEDEVAC	-	-	5	2	1	2	2	1	2	1	1	4	**21**
MEDEVAC 1	1	3	3	2	-	-	1	-	1	1	-	1	**13**
MEDICO	-	1	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	**3**
JUMLAH	**10**	**12**	**17**	**16**	**9**	**10**	**14**	**6**	**9**	**10**	**2**	**15**	**130**


Jadual 5: *Jumlah operasi CARILAMAT insiden melibatkan manusia tahun 2023*

TABURAN INSIDEN

Taburan insiden melibatkan vesel dan manusia bagi tahun 2023 dapat digambarkan seperti di **Gambar Rajah 1** dan **Gambar Rajah 2**. Kebanyakan insiden yang direkodkan berlaku pada jarak kurang dari 50 batu nautika dari daratan yang merangkumi insiden seperti vesel rosak, medevac, orang jatuh laut, bunuh diri, hilang, lemas pantai, karam, jumpa mayat, vesel terbalik, vesel hanyut, kebakaran, dan lain-lain.



Gambar Rajah 1: *Taburan insiden melibatkan vesel dan manusia bagi Semenanjung Malaysia tahun 2022*



Gambar Rajah 2: *Taburan insiden melibatkan vesel dan manusia bagi Sabah dan Sarawak tahun 2022*

MEDICO DAN MEDEVAC

MEDICO (*Medical Advice by Radio*)


Perkhidmatan MEDICO merupakan perkhidmatan bantuan perubatan secara atas talian seperti telefon, radio atau lain-lain alat komunikasi. Pada tahun 2023, sebanyak 3 perkhidmatan bantuan MEDICO telah diberikan seperti diperincikan di **Jadual 6** dan **Jadual 7.**

MEDEVAC (*Medical Evacuation*).

Perkhidmatan MEDEVAC adalah perkhidmatan pengangkutan kecemasan bagi menyelamatkan nyawa khususnya dan keperluan perubatan segera amnya kepada komuniti maritim yang berada dalam *Maritime Search and Rescue Region* (MSRR) negara. Pada tahun 2023, terdapat sebanyak 21 insiden yang memerlukan perkhidmatan MEDEVAC. Terdapat peningkatan 7 insiden berbanding 14 direkodkan pada tahun 2021. **Jadual 6** dan **Jadual 7** menunjukkan jumlah keseluruhan perkhidmatan MEDEVAC dan MEDICO yang telah dilaksanakan.

INSIDEN	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	JUMLAH
MEDICO	-	-	1	-	3	3	3	4	1	3	18
MEDEVAC	10	11	13	14	19	20	23	26	14	21	171

Jadual 6: *Jumlah MEDICO dan MEDEVAC dari tahun 2014 hingga 2023*




Carta 4: *Statistik MEDICO dan MEDEVAC dari tahun 2014 hingga 2023*


INSIDEN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
MEDICO	-	1	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	3
MEDEVAC	-	-	5	2	-	2	2	2	2	1	1	4	21

Jadual 7: *Jumlah MEDICO dan MEDEVAC dari tahun 2014 hingga 2023*


Taburan bagi MEDEVAC dan MEDICO bagi tahun 2023 dapat dilihat pada **Gambar Rajah 3**, **Gambar Rajah 4** dan **Gambar Rajah 5**. Sebanyak 21 insiden yang memerlukan perkhidmatan MEDEVAC dan 3 perkhidmatan MEDICO berlaku di Semenanjung Malaysia. Manakala selebihnya berlaku di Sabah dan Sarawak.



Gambar Rajah 3: *MEDEVAC dan MEDICO di Semenanjung Malaysia tahun 2023*



Gambar Rajah 4: *MEDEVAC di Sabah dan Sarawak tahun 2023*



Gambar Rajah 5: *MEDICO bagi tahun 2023*


STATISTIK MANGSA

JUMLAH MANGSA

Berdasarkan jumlah operasi CARILAMAT yang telah dikoordinasikan pada tahun 2023, jumlah mangsa yang telah diselamatkan adalah seramai 1,401 orang iaitu 91.2% daripada 1,535 mangsa yang terlibat. Jumlah mangsa yang terlibat mencatatkan penurunan sebanyak 4.1% berbanding tahun sebelumnya yang mencatatkan 1,602 orang mangsa. Jumlah mangsa dari tahun 2014 hingga 2023 dapat dilihat secara terperinci seperti di **Jadual 8** dan analisa graf seperti di **Carta 5**. Manakala jumlah mangsa pada tahun 2023 dapat dilihat pada **Jadual 9.**

STATUS	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	JUMLAH
Selamat	523	402	606	364	1,371	931	1,790	970	1,452	1,401	9,810
Mati	84	55	61	124	96	98	94	119	99	90	920
Hilang	45	26	29	48	53	45	39	54	51	44	434
JUMLAH	652	483	696	536	1,520	1,074	1,923	1,143	1,602	1,535	11,164

Jadual 8: *Jumlah mangsa dari tahun 2014 hingga 2023*



Carta 5: *Statistik mangsa dari tahun 2013 hingga 2022*

STATUS	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Selamat	32	554	51	140	267	60	72	92	34	36	31	32	**1,401**
Mati	5	8	7	9	8	14	14	7	5	8	1	4	**90**
Hilang	8	3	9	4	3	-	6	4	2	-	1	4	**44**
JUMLAH	32	554	51	140	267	60	72	92	34	36	31	32	**1,535**

Jadual 9: *Jumlah Mangsa Pada Tahun 2023*

WARGANEGARA

Selain itu, daripada 1,602 orang mangsa yang terlibat dalam operasi CARILAMAT pada tahun 2022, warganegara Malaysia merupakan jumlah mangsa yang tertinggi terlibat dalam operasi CARILAMAT iaitu seramai 552 orang (34.5%) diikuti warganegara Indonesia iaitu seramai 154 orang (9.6%). **Jadual 10** menerangkan jumlah mangsa mengikut warganegara bagi tahun 2022. Daripada jumlah 552 orang warganegara Malaysia, seramai 468 orang (84.8%) berjaya diselamatkan manakala 58 orang telah meninggal dunia dan 26 orang masih hilang.

BIL	WARGANEGARA	JUMLAH MANGSA			JUMLAH
		SELAMAT	MATI	HILANG	
1	**Malaysia**	**1210**	**64**	**10**	**1,284**
2	**Indonesia**	**66**	**3**	**16**	**85**
3	**Thailand**	**11**	**2**	**3**	**16**
4	**Philippines**	**1**	**4**	**7**	**12**
5	**Vietnam**	**11**	**-**	**-**	**11**
6	**Myanmar**	**15**	**2**	**2**	**19**
7	**China**	**5**	**2**	**-**	**7**
8	**India**	**28**	**2**	**2**	**32**
9	**USA**	**4**	**-**	**-**	**4**
10	**Germany**	**1**	**1**	**-**	**2**
11	**Ukraine**	**4**	**-**	**1**	**5**
12	**Canada**	**1**	**-**	**-**	**1**
13	**Pakistan**	**1**	**-**	**-**	**1**
14	**Russia**	**1**	**-**	**-**	**1**
15	**Britain**	**1**	**-**	**-**	**1**
16	**Netherlands**	**1**	**-**	**-**	**1**
17	**Turkey**	**1**	**-**	**-**	**1**
18	**Korea Selatan**	**10**	**-**	**-**	**10**
19	**Bangladesh**	**4**	**1**	**-**	**5**
20	**Singapore**	**1**	**1**	**-**	**2**
21	**Cambodia**	**1**	**-**	**-**	**1**
22	**Unknown**	**22**	**8**	**4**	**34**
Jumlah		**1400**	**90**	**45**	**1,535**

Jadual 10: Jumlah mangsa mengikut warganegara bagi tahun 2023

STATISTIK PENERIMAAN LAPORAN INSIDEN

Pada tahun 2023, saluran penerimaan insiden tertinggi adalah melalui panggilan telefon iaitu sebanyak 162 insiden diikuti panggilan melalui MERS 999 iaitu sebanyak 78 insiden. Jumlah penerimaan insiden pada tahun 2023 dapat dilihat seperti di **Jadual 11.**

SALURAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
COSPAS SARSAT	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	**1**
GMDSS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
RADIO HF/ VHF	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	**3**
TELEFON	11	20	18	14	9	14	16	21	8	13	5	13	**162**
MERS 999	5	5	5	6	9	6	8	6	8	6	5	9	**78**
SATCOM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
EMAIL	2	-	1	2	1	1	1	-	1	2	1	1	**13**
FAKS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
INMARSAT C	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**18**	**26**	**25**	**22**	**19**	**21**	**26**	**27**	**17**	**21**	**11**	**24**	**257**

Jadual 11: *Jumlah penerimaan insiden pada tahun 2023*

SISTEM COSPAS SARSAT

Sistem Cospas-Sarsat adalah sistem CARILAMAT berasaskan satelit bagi mengesan lokasi *Emergency Beacon* yang diaktifkan sama ada secara automatik atau manual oleh pengguna aplikasi penerbangan menggunakan *Emergency Locator Transmitter* (ELT), pengguna aplikasi maritim menggunakan *Emergency Positioning Indicating Radio Beacon* (EPIRB) dan pengguna aplikasi individu menggunakan *Personal Locator Beacon* (PLB) ketika berada dalam situasi kecemasan.


PENGESANAN BEACON

JUMLAH PENGESANAN BEACON

Pada tahun 2023, *Malaysian Mission Control Centre* (MYMCC) telah menerima **102** pengesanan beacon. Pengesanan beacon-beacon ini dikategorikan mengikut klasifikasi yang telah ditetapkan oleh organisasi Cospas-Sarsat iaitu *Distress Alert*, *False Alert* dan *Undetermined* seperti di **Jadual 12**. Terdapat **2** pengesanan bagi *Distress Alert* pada tahun 2023 berbanding 3 pengesanan direkodkan pada tahun sebelumnya. Kesemua pengesanan beacon ini berlaku di dalam kawasan *Maritime Search and Rescue Region* (MSRR) dan *Aeronautical Search and Rescue Region* (ASRR) Malaysia. Pengesanan ini bukan hanya melibatkan beacon-beacon Malaysia tetapi ianya juga melibatkan beacon-beacon dari luar negara yang berada di kawasan tanggungjawab Malaysia. Pengesanan *False Alert* pula telah merekodkan sebanyak **92** pengesanan manakala bagi kategori *Undetermined* adalah sebanyak **8** pengesanan. **Carta 6** menunjukkan statistik pengesanan *beacon* bagi tahun 2023.

KLASIFIKASI AMARAN	EPIRB	ELT	PLB	JUMLAH KECIL	JUMLAH
Distress Alerts	1		1	2	2
False Alerts				92	92
Klasifikasi *False Alerts* (Beacon Yang Diaktifkan)					
Beacon Mishandling	14	4	2		
Beacon Malfunction	1				
Mounting Failure	1				
Environmental Conditions	2				
Maintenance Activations	5	1	3		
Voluntary Activation					
Unknown	44	10	5		
Undetermined	5	1	2	8	8
JUMLAH	**73**	**16**	**13**		**102**

Jadual 12 - Jumlah pengesanan beacon kecemasan bagi tahun 2023



Carta 6: *Statistik pengesanan beacon bagi tahun 2023*

PENGESANAN MELIBATKAN *DISTRESS ALERT*

Terdapat dua (2) pengesanan *Distress Alert* sepanjang tahun 2023. Butiran pengesanan adalah seperti berikut:

***Personal Locator Beacon* (PLB).** Insiden berlaku pada bulan Julai 2023 di posisi 50 bn Timur Bagan Datok, Perak melibatkan sebuah bot pancing didaftarkan dengan nama **LOBSTER**. Pemilik beacon Encik Ikram bersama 10 rakan yang lain telah keluar ke laut untuk memancing dan bot yang dinaiki mereka mengalami kerosakan di 25.9 bn Barat Daya Bagan Datuk, Perak. KM Tugau ditugaskan ke lokasi untuk memberi bantuan. Kesemua 11 kru bot pancing selamat dibawa ke jeti Bagan Parit, Hutang Melintang.


***Emergency Position-Indicating Radio Beacon* (EPIRB).** Insiden berlaku pada bulan November 2023 di posisi 93 bn Barat Laut Laoag City, Filipina melibatkan 2 orang kru kapal layar Our Rose (callsign 9MRY4) warga Taiwan yang mengalami kebocoran dan karam. Mangsa telah diselamatkan oleh kapal kontena Samal dan dibawa ke Pelabuhan Fuzhou, Filipina. Kedua – dua mangsa dalam keadaan selamat.

ANALISA JUMLAH KES

Daripada 102 pengesanan beacon, **65** pengesanan (63.7%) adalah beacon yang didaftarkan dengan kod negara Malaysia (533 *country code*) manakala sebanyak **37** pengesanan (36.3%) adalah beacon-beacon yang berdaftar dengan kod luar negara. Dari 65 beacon dengan kod pendaftaran Malaysia, **29** daripadanya adalah berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Beacon (BIM). Jumlah pengesanan beacon Malaysia (533) tahun 2023 yang berdaftar dalam BIM adalah seperti di **Jadual 13** dan **Carta 7**.

BULAN	ELT	PLB	EPIRB	JUMLAH	BILANGAN YANG BERDAFTAR DALAM BIM
JANUARI	2	2	6	10	1 (ELT) 1 (PLB) 2 (EPIRB)
FEBRUARI	2	1	6	9	2 (ELT) 2 (EPIRB)
MAC	1	2	4	7	1 (PLB) 1 (EPIRB)
APRIL	1	-	3	4	1 (EPIRB)
MEI	-	2	1	3	2 (PLB)
JUN	-	-	-	-	-
JULAI	-	-	2	2	1 (EPIRB)
OGOS	-	3	6	9	1 (PLB) 5 (EPIRB)
SEPTEMBER	1	-	1	2	1 (ELT)
OKTOBER	-	-	5	5	2 (EPIRB)
NOVEMBER	2	-	6	8	1 (ELT) 2 (EPIRB)
DISEMBER	3	-	3	6	1 (ELT) 2 (EPIRB)
JUMLAH	**12**	**10**	**43**	**65**	**29**

***Jadual 13:** Jumlah pengesanan beacon Malaysia (533) bagi tahun 2023*



Carta 7: *Statistik pengesanan beacon Malaysia (533) bagi tahun 2023*


PENDAFTARAN BEACON

JUMLAH PENDAFTARAN BEACON 2023

Sebagai penyedia perkhidmatan sistem Cospas-Sarsat, APMM telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mentadbir sistem maklumat pendaftaran beacon. BCLBB melalui MYMCC telah berusaha untuk memastikan beacon kecemasan setiap kapal berdaftar dengan *flag state* Malaysia atau mana-mana kapal yang melalui perairan Malaysia didaftarkan dengan Sistem Pendaftaran Beacon atau Beacon Information Management **(BIM)**. Bagi tahun 2023, sebanyak **235** beacon EPIRB dan PLB telah didaftarkan. Jumlah pendaftaran mengikut jenis aplikasi beacon adalah seperti di **Jadual 14** dan **Carta 8**.

BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
ELT	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
PLB	30	11	20	1	4	1	7	9	2	1	13	18	117
EPIRB	12	3	3	8	11	6	13	14	12	8	15	13	118
JUMLAH	**42**	**14**	**23**	**9**	**15**	**7**	**20**	**23**	**14**	**9**	**28**	**31**	**235**

Jadual 14: *Jumlah pendaftaran beacon bagi tahun 2023*



Carta 8: *Statistik keseluruhan pendaftaran Beacon dalam BIM*

PROGRAM PEMERIKSAAN BEACON EPIRB DAN PLB

MYMCC telah melakukan pemeriksaan secara fizikal terhadap beacon (EPIRB dan PLB) milik kapal/ bot di bawah naungan Maritim Negeri Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan dan Maritim Negeri Kelantan. Pelaksanaan pemeriksaan ini merupakan sebahagian dari langkah yang diambil untuk memperkasakan sistem Cospas-Sarsat yang dimiliki oleh APMM serta memastikan aset-aset APMM mematuhi tahap keselamatan yang ditetapkan oleh International Maritime Organization (IMO). Objektif pemeriksaan ini dilaksanakan adalah untuk memastikan beacon EPIRB dan PLB yang dimiliki oleh aset APMM khasnya di Maritim Negeri berada di dalam keadaan baik. Pemeriksaan ini juga bertujuan memberi pendedahan dan penerangan mengenai fungsi serta kepentingan beacon, tatacara penggunaan dan penyelenggaraan yang perlu dilakukan oleh krew kapal dan bot. Selain itu, penekanan khusus berkaitan keperluan pendaftaran beacon (EPIRB dan PLB) di dalam sistem pendaftaran beacon – Beacon Information Management (BIM) turut dititikberatkan yang bertujuan untuk merekod maklumat pemilik beacon secara terperinci dan tepat. Berikut adalah siri pemeriksaan yang dilaksanakan melibatkan kapal dan bot seperti **Jadual 15**.

BIL	LOKASI	KAPAL/ BOT	TARIKH PELAKSANAAN
MN SABAH & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN			
1.	Jeti ZM Labuan	(a) KM LAHAD DATU (b) KM ADIL (c) KM BISTARI (d) KILAT 23 (e) KILAT 40 (f) PENGGALANG 24	12 September 2023
2.	Jeti Kinabalu North Shipyard & Maritime Sdn Bhd dan Erfolg Shipyard	(a) KM IKHLAS (b) KM MEMMON (c) KM ARAU (d) PENYELAMAT 10	14 September 2023

MN KELANTAN			
1.	Jeti Tok Bali Supply Base (TBSB) dan Jeti APMM MN Kelantan	a) KM TOK BALI b) KM JUJUR	22 November 2023
2.	Jeti APMM MN Kelantan	a) KM AMANAH b) PENGGALANG 18 c) PENYELAMAT 7 d) PERKASA 1232 e) PERKASA 1233 f) PERKASA 1247 g) KILAT 17 h) KILAT 28	23 November 2023

Jadual 15: *Jadual pemeriksaan EPIRB dan PLB di MN Sabah & Wilayah Perseketuan Labuan dan MN Kelantan*

LATIHAN DAN EKSESAIS CARILAMAT (SAREX)

Pelaksanaan SAREX bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan anggota dalam mengendalikan pelaksanaan operasi CARILAMAT. Di samping itu, ia dapat meningkatkan kerjasama antara jabatan/agensi dan berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan agar operasi CARILAMAT dapat dilaksanakan dengan pantas dan cekap tanpa sebarang kekeliruan atau percanggahan prosedur.

Kejayaan operasi CARILAMAT tidak akan berhasil tanpa bantuan dan sokongan daripada agensi kerajaan yang lain sama ada dari segi aset, manusia ataupun perkhidmatan kepakaran yang sedia ada pada mereka. Usaha mencari dan menyelamat memerlukan kerjasama semua agensi-agensi bantuan dan sokongan seperti yang terdapat di dalam Manual SAR Kebangsaan (NAMSAR) agar operasi CARILAMAT dapat di koordinasi dan dilaksanakan dengan cepat dan efektif.

Di samping itu, bagi meningkatkan kerjasama dalam operasi CARILAMAT, SAREX bersama negara serantau juga perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesefahaman dan koordinasi dalam operasi CARILAMAT bersama negara tersebut pada masa akan datang. Bagi menguji Pelan *Maritime Mass Rescue Operation* (MMRO) 2022, semua MRSC dikehendaki untuk melaksanakan *SAREX* Level 3 yang melibatkan situasi atau senario MMRO. SAREX yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 adalah seperti di **Jadual 16**.



BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	25-27 Julai 2023	SAREX *(Level 3)*	MN Selangor
2	21-23 Ogos 2023	SAREX *(Level 3)*	MN Perak
3	24-26 Oktober 2023	SAREX *(Level 2)*	MN Pahang
4	10-12 Oktober	SAREX *(Level 3)*	ZM Bintulu
5	4-6 Oktober 2023	SAREX *(Level 3)*	ZM Tawau

Jadual 16: *Pelaksanaan program SAREX bagi tahun 2023*

Di dalam memastikan petugas MRCC dan MRSC sentiasa cekap dan mampu berkomunikasi dengan baik, *Search and Rescue Communication Exercise* (SARCOMEX) telah dilaksanakan dengan beberapa negara lain. SARCOMEX yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 adalah seperti di **Jadual 17.**

BIL	TARIKH/HARI	MRCC/MRSC	MRCC/MRSC LAIN
1	21 Feb 2023 (Selasa)	Langkawi (Lead)	RSC Medan
2	9 Mac 2023 (Khamis)	MRCC Putrajaya	MRCC Bahrain
3	15 Mac 2023 (Rabu)	Johor Bahru	RSC Pekan Baru
4	19 Apr 2023 (Rabu)	Kuantan (Lead)	RSC Natuna
5	19 Mei 2023 (Jumaat)	Kuching	RSC Pontianak
6	22 Jun 2023 (Khamis)	Kota Kinabalu (Lead)	RSC Tarakan
7	20 Jul 2023 (Khamis)	MRCC Putrajaya	Japan Cost Guard
8	24 Jul 2023 (Isnin)	Langkawi	RSC Banda Aceh
9	17 Ogos 2023 (Khamis)	Johor Bahru (Lead)	RSC Tanjung Pinang
10	20 Sep 2023 (Rabu)	Kuching	RSC Natuna
11	18 Okt 2023 (Rabu)	Kota Kinabalu	RSC Tarakan
12	15 Nov 2023 (Rabu)	Langkawi	RSC Pekan Baru
13	30 Nov 2023(Khamis)	MRCC Putrajaya	RCC Indonesia dan RCC Bangkok
14	14 Dis 2023 (Khamis)	Johor Bahru (Lead)	Tanjung Pinang

Jadual 17: *Pelaksanaan SARCOMEX bagi tahun 2023*

PROGRAM *PREVENTIVE* SAR

MRSC bersama Maritim Negeri (MN) dan Zon Maritim (ZM) akan terus merancang dan melaksanakan program kesedaran dan pencegahan kemalangan di laut dengan mengadakan program *Preventive* SAR kepada komuniti maritim seperti persatuan nelayan tempatan dan pengusaha feri bagi mengurangkan insiden kemalangan di laut. Ia selaras dengan Teras strategik 4 objektif strategik 1 Pelan Strategik SAR APMM 2021-2025 di mana setiap MN dan ZM perlu melaksanakan minimum 12 program *preventive SAR* setahun. Selain itu, Pelaksanaan *Preventive SAR* juga merupakan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) APMM. MRSC Kota Kinabalu telah menunjukkan prestasi yang cemelang dengan melaksanakan program preventive SAR sebanyak 259 program jauh melebihi KPI yang telah ditetapkan. Program *Preventive* SAR untuk tahun 2022 telah berjaya dilaksanakan oleh Negeri dan Zon Maritim adalah seperti di **Jadual 18**.

BIL	MRSC	MN/ZM	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN MRSC
1	MRSC Langkawi	MN Kedah/Perlis	15	115
		MN Pulau Pinang	13	
		MN Perak	24	
		ZM Kuala Perlis	24	
		ZM Kuala Kedah	18	
		ZM Kuala Kurau	21	
2	MRSC Johor Bahru	MN Johor	21	84
		ZM Batu Pahat	17	
		ZM Sedili	10	
		ZM Mersing	12	
		MN Selangor	24	
		MN Melaka/Negeri Sembilan	12	
3	MRSC Kuantan	MN Pahang	32	92
		MN Terengganu	18	
		ZM Kemaman	17	
		MN Kelantan	25	
4	MRSC Kota Kinabalu	MN Sabah & Labuan	89	259
		ZM Labuan	38	
		ZM Kudat	13	
		ZM Tawau	18	
		ZM Sandakan	63	
		ZM Semporna	15	
		ZM Lahad Datu	23	
5	MRSC Kuching	MN Sarawak	35	99
		ZM Miri	19	
		ZM Bintulu	19	
		ZM Tanjung Manis	26	
Jumlah			**649**	

Jadual 18: *Pelaksanaan program Preventive SAR bagi tahun 2023*

HARI KESEDARAN KESELAMATAN MARITIM (HKKM)

BCLBB telah berjaya menganjurkan HKKM buat tahun ketiga sejak 2021. Semua Maritim Negeri (MN) dan Zon Maritim (ZM) telah melibatkan diri dalam HKKM pada tahun ini. Antara pengisian yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Taklimat/seminar keselamatan di persatuan nelayan, institusi pendidikan, pusat pelancongan dan syarikat swasta;
- Wawancara di televisyen, radio dan sebagainya;
- Pertandingan mewarna bertemakan keselamatan di laut;
- Mengadakan pameran dan poster keselamatan;
- Edaran sticker dan risalah kepada komuniti maritim oleh aset yang beroperasi;
- Taklimat penggunaan peralatan keselamatan di laut seperti penggunaan jaket keselamatan dan *Personal Locator Beacon* (PLB);
- Pertandingan memancing sempena HKKM;
- Pendaftaran *Personal Locator Beacon* (PLB) kepada komuniti maritim; dan
- Pertandingan sukan antara agensi sahabat yang terlibat dalam operasi CARILAMAT Maritim.

PENERBITAN

BULETIN CARILAMAT MARITIM

BCLBB telah menerbitkan Buletin CARILAMAT edisi 4/2022 dan edisi 5/2023. Buletin ini akan dikeluarkan secara dwi tahunan dan akan mendedahkan kepada kepada pembaca mengenai insiden yang telah dikoordinasikan oleh APMM serta aktiviti dan perancangan BCLBB dalam memupuk komuniti maritim tentang kepentingan mengutamakan keselamatan ketika berada di laut.

***Standard Operating Procedure* (SOP) Pengendalian Sistem Cospas-Sarsat APMM.** SOP pengendalian sistem Cospas-Sarsat APMM ini diterbitkan sebagai panduan kepada pegawai dan anggota APMM yang bertugas di *Malaysia Mission Control Centre* (MYMCC) yang berperanan sebagai pusat kawalan misi bagi pengesanan dan penyaluran maklumat beacon kecemasan. Ia juga menjadi rujukan kepada pegawai dan anggota yang bertugas di MRCC dan MRSC yang dilengkapi dengan *Plannning Aid System* untuk pengendalian insiden CARILAMAT dengan lebih efisien.

HEBAHAN

Berdasarkan Pelan Strategik SAR APMM 2021 - 2025, BCLBB perlu menerbitkan poster/ video hebahan berkaitan kesedaran keselamatan di laut. MYMCC dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah mengambil peranan sebagai penyelaras dalam melaksanakan hebahan melalui media massa dan laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Isi kandungan poster dan risalah yang disampaikan meliputi maklumat ringkas mengenai perkongsian pengetahuan tentang kepentingan alat-alat keselamatan di kapal/ bot, maklumat cuaca, statistik kes CARILAMAT dan sebagainya.

Selain itu juga, BCLBB dengan kerjasama Telekom Malaysia (TM) telah menerbitkan video pendek bertajuk “Hargailah Nyawa Anda” yang memaparkan kepentingan memakai jaket keselamatan ketika berada di laut. Video ini juga telah dipaparkan di stesyen televisyen dan radio tempatan dengan kerjasama UKK APMM dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

KURSUS/BENGKEL/LATIHAN CARILAMAT

Sepanjang tahun 2023, pelbagai kursus/bengkel/latihan berkaitan CARILAMAT telah dihadiri oleh pegawai dan anggota APMM termasuk diperingkat antarabangsa. **Jadual 19** menunjukkan senarai kursus kursus/bengkel/latihan yang telah dihadiri.

BIL.	KURSUS/BENGKEL/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Kursus *Incident Command System (ICS) in the contex of Malaysia Offshore Operation*	17 Jan 2023	Port Dickson
2.	Kursus Asas CARILAMAT anjuran MRSC Johor Bahru	14 Feb 2023 21 Mac 2023 30 Mei 2023 30 & 31 Jul 2023	IPMN Johor ZM Mersing MN Selangor ZM Batu Pahat
3.	"*Asia Navigator* 2023"	22 – 23 Februari 2023	Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur
4.	Kursus asas Maritime Mass Rescue Operation (MMRO) peringkat Zon Maritim (ZM) Bintulu	2 Mac 2023	ZM Bintulu
5.	*Malaysia-Singapore Joint Committee on the environemnt working group (MSJCE WG) 4th chemical spill exercise*	8 Mac 2023	Lembaga Pelabuhan Johor
6.	SARCOMEX MRCC Putrajaya Bersama MRCC Bahrain	9 Mac 2023	Secara telesidang
7.	*Mass Rescue Operation (MRO) Course JICA*	13 Mac 2023	Ibu Pejabat Maritim Putrajaya
8.	Program bicara ilmu "Pengurusan Stress dan kesihatan mental	21 Mac 2023	Ibu Pejabat Maritim Putrajaya
9.	Kursus *Search and Rescue Optimal Planning System* (SAROPS) AMSAS	28 Mac 2023	AMSAS
10.	SAREX LIMA 2023	9 hingga 12 Mei 2023	Langkawi
11.	*Advanced Training Program on Maritime SAR Among China and ASEAN Member States (AMS)*	1 hingga 8 Jun 2023	Dalian, China
12.	TTX Jerung Emas Siri 69/2023	6 Jun 2023	Tamu Hotel & Suite, KL
13.	Webinar COSPAS-SARSAT : Teknologi terkini pengesanan kecemasan	6 Jun 2023	Secara Telesidang
14.	Kursus COSPAS-SARSAT, *SAR Tools and Insfratucture* Siri 3 Bil.1/2023	12 Jun 2023	The Zenith Hotel, Kuantan
15.	Kursus *Search and Rescue Optimal Planning System* Da Nang, Vietnam	30 Jun 2023	Da Nang, Vietnam

16.	9th *International Search And Rescue (ISAR) Conference & Exhibition* 2023	4 hingga 6 Julai 2023	Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur
17.	Latihan Peralatan *Oil Spill Set Offshore Patrol Vessel* (OPV)	18 Jul 2023	Klang, Selangor
18.	Kursus *Search Mission Coordinator*	17 Jul hingga 11 Ogos	AMSAS
19.	SARCOMEX JCG KOJIMA	20 Jul 2023	Secara Telesidang
20.	*Maritime Disaster Response Course*	24 Jul hingga 4 Ogos 2023	AMSAS
21.	Bengkel Pembangunan Modul SAR Mission Coordinator (SMC) Refresher Bil 1/2023	24 hingga 28 Jul 2023	AMSAS
22.	*Third Country Training Programme (TCTP) "Capacity Enhancement For Coast Guard Officers: International Maritime Search And Rescue Coordination Course" 2023*	7 hingga 18 Ogos 2023	AMSAS
23.	Latihamal *"Table Top Exercise'* Untuk Fasiliti *Petronas Floating LNG* (PFLNG)	19 Sep 2023	Kota Kinabalu, Sabah
24.	Kursus *Basic Intermediate Incident Command System* (ICS)	17 hingga 22 Sep 2023	Hotel Raia, Alor Setar
25.	Sesi Libat Urus Kajian Mekanisme Pelaksanaan Pematuhan Pelan Tindak Balas Kawalan Tumpahan Minyak Siri 2/2023	20 hingga 22 Sep 2023	Noble Resort Hotel, Melaka
26.	SAREX MALINDO SIRI 42/2023	2 hingga 6 Okt 2023	Kuching, Sarawak
27.	Kursus *Global Maritime Distress Safety System - Digital Selective Calling* (GMDSS - DSC) 2023	17 hingga 19 Okt 2023	TM Permatang Pauh
28.	*Offshore Maritime Search And Rescue Exercise 2023*	24 hingga 26 Okt 2023	Double Tree by Hilton Hotel, KL
29.	Kursus *Cospas-Sarsat Sar Tools And Infrastructure*, Siri 7 Bil.2/2023	30 Okt 2023 hingga 3 Nov 2023	AMSAS
30.	*Regional Indonesia-Thailand-Malaysia SAR Communication Exercise*	30 Nov 2023	Secara Telesidang

Jadual 19: *Senarai kursus/bengkel/latihan yang telah dihadiri bagi tahun 2023*

PENGLIBATAN DALAM MESYUARAT LUAR NEGARA

Pegawai Agensi ini khususnya Bahagian CARILAMAT dan Bantuan Bencana telah mewakili Malaysia bagi menghadiri beberapa mesyuarat di luar negara. Di antara mesyuarat yang telah dihadiri adalah seperti di **Jadual 20.**

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT	NAMA PEGAWAI
1.	*South China Sea Sub Forum Under the Framework of BOAO Forum (BFA) for Asia Annual Conference 2023*	30 hingga 31 Mac 2023	Hainan, China	Komander (M) Dr Suzanna binti Razali Chan & Leftenan Komander (M) Nur Hafiza binti Hasan
2.	*EWG on Commissioning of MCCs (EWG-4C/2023/S1)*	28 Feb hingga 4 April 2023	Secara Telesidang	Kepten Maritim Sanifah bin Yusof & Lt (M) Muhamad Faizal bin Othman
3.	*19th Head Of Asian Coast Guard Agencies Meeting (HACGAM)*	2 hingga 5 Mei 2023	Secara Telesidang	Leftenan Komander (M) Nur Hafiza binti Hasan
4.	*10th Navigation, Communication & Search and Rescue (NCSR)*	15 hingga 19 Mei 2023	London, United Kingdom	Komander (M) Dr Suzanna binti Razali Chan
5	*Eighth Meeting of the ICAO Asia/Pacific Search And Rescue Working Group (APSAR/WG/8)*	22 hingga 25 Mei 2023	*Bangkok, Thailand*	Leftenan Komander (M) Mohammad Zaini bin Zainal
6.	*Joint Committee Meeting of The Thirty-Sixth Session of The Cospas-Sarsat Council* (JC-37)	30 Mei hingga 14 Jun 2023	Secara Telesidang	Kepten Maritim Sanifah bin Yusof & Lt (M) Muhamad Faizal bin Othman
7.	Mesyuarat *Maritime Safety Committee* (MSC) ke-107	31 Mei hingga 9 Jun 2023	Secara Telesidang	Komander (M) Dr Suzanna binti Razali Chan, Leftenan Komander (M) Mohd Nor Saifuddin Bin Jamaludin, Leftenan Komander (M) Wan Mohd Fuad Hanif Bin Wan Hassan, Leftenan Komander (M) Mohd Izhar Bin Ibrahim, Leftenan (M) Mohamad Hasni Bin Lizarus & Leftenan (M) Mohd Fakri Bin Che Jaafar@Kamarudin
8.	World Maritime Rescue Congress (WMRC) 2023	18 hingga 21 Jun 2023	Netherland	Leftenan Komander (M) Nurrul Elmi binti Ali dan Leftenan Madya (M) Rezzal Bin Muhammad Hazmi
9	*The Open Meeting of The Sixty-Sixth Session of the Cospas-Sarsat Council* (CSC-69/OPN)	24 hingga 27 Oktober 2023	Secara Telesidang	Lt Kdr (M) Che Mohd Hafizuddieen bin Che Mahadi & Lt (M) Muhamad Faizal bin Othman

Jadual 20: *Senarai Mesyuarat Luar Negara tahun 2023 yang dihadiri*



PENGURUSAN KAPASITI

PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan kapasiti dan modal insan merupakan antara strategi APMM bagi mengukuhkan prestasi kerja, kemahiran, kompetensi serta kepakaran pegawai dan anggota khasnya dalam bidang-bidang maritim. Sepanjang tahun 2023, APMM telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program latihan yang berimpak tinggi bagi membentuk warga APMM yang lebih kompeten, berdaya saing dan berdisiplin.

Kebanyakan program latihan dilaksanakan secara fizikal dan terdapat beberapa program dilaksanakan secara *online*, sejajar dengan perkembangan teknologi terkini serta keperluan bagi penyampaian yang lebih mudah dan efektif.

Empat (4) strategi latihan yang merupakan asas kepada pelaksanaan program-program latihan dan pembangunan modal insan bagi warga APMM adalah seperti berikut:

- Penyediaan Pelan Operasi Latihan (POL) berpandukan Analisis Keperluan Latihan (*Training Needs Analysis* atau *TNA).*
- AMSAS merupakan Institut Latihan Awam (ILA) yang memberi keutamaan dalam merancang, melaksana dan menilai program-program latihan untuk dilaksanakan bersesuaian dengan POL dan TNA APMM.
- Penyediaan peruntukan tahunan sekurang-kurangnya 1% daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan.
- Setiap warga APMM di semua peringkat mengikuti kursus sekurang-kurangnya tiga (3) hari atau 18 jam setahun.

Pada tahun 2023, sebanyak 171 kursus yang berjaya dilaksanakan di dalam dan juga luar negara. Pecahan kursus dalam dan luar negara adalah seperti berikut:

KURSUS	JUMLAH KURSUS YANG DILAKSANAKAN
Kursus Dalam Negara	114
Kursus Luar Negara	57
Jumlah	**171**

Selaras dengan moto “Merintis Kecemerlangan Maritim”, APMM melalui AMSAS sentiasa berusaha untuk menerapkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran melalui penawaran kursus dan latihan, bukan sahaja kepada warga APMM malah kepada peserta dari luar Agensi.

PELAKSANAAN KURSUS TAHUN 2023 DI AMSAS			
BIL	**NAMA KURSUS**	**TARIKH KURSUS**	**PESERTA**
1	MCFR (LT - LT KDR MARITIM) SIRI 2 BIL.1/2023	16 - 20 JAN 23	20
2	500GT MATE DOMESTIC VOYAGE SIRI 19 BIL 1/23	6 FEB - 10 MAC 23	20
3	KETUA BOT SIRI 19 BIL. 1/2023	13 FEB - 4 MAC 23	18
4	BASIC TRAINING SIRI 17 BIL 1/23	13 - 18 FEB 23	18
5	LANJUTAN JURULATIH PERSENJATAAN DAN KAWAD SIRI 1 BIL 1/23	13 - 25 FEB 23	11
6	KELAYAKAN BINTARA MUDA SIRI 2 BIL. 1/2023	20 - 24 FEB 23	20
7	KEJURUTERAAN (MARIN) TAHAP 2 SIRI 2 BIL 1/2023	27 FEB - 14 MAC 23	20
8	BASIC TRAINING REFRESHER SIRI 4 BIL 1/23	28 FEB 23	18
9	ADVANCE INTERDICTION LT MUDA - LT KDR SIRI 1 BIL. 1/2023	6 - 17 MAC 23	22
10	MCFR (LK I - LK MARITIM) SIRI 2 BIL.1/2023	13 - 17 MAC 23	20
11	PEGAWAI PENYIASAT KANAN (LT MADYA - LT KDR MARITIM) SIRI 2 BIL 1/23	3 - 7 APRIL 23	20
12	NAUTIKA TAHAP 2 (NAVIGASI) SIRI 3 BIL 1/2023	3 - 14 APRIL 23	20
13	BASIC TRAINING SIRI 18 BIL 2/23	8 - 13 MEI 23	18
14	PEGAWAI PENYIASAT (BM MARITIM) SIRI 3 BIL 1/23	8 - 19 MEI 23	20
15	NAUTIKA TAHAP 2 (ILMU KELAUTAN) SIRI 2 BIL 1/2023	8 - 19 MEI 23	20
16	ENGINEER OFFICER <750KW NCTV SIRI 4 BIL 1/23	8 MEI - 16 JUN 23	20
17	MCFR (BM MARITIM) SIRI 2 BIL.1/2023	15 - 19 MEI 23	20
18	NAVIGASI ASAS PERTENGAHAN SIRI 13 BIL 1/23	23 - 26 MEI 23	20
19	NAUTIKA TAHAP 2 (KULINARI) SIRI 2 BIL 1/2023	23 MEI - 16 JUN 23	20
20	PEGAWAI BERTUGAS ANJUNGAN SIRI 28 BIL 1/23	29 MEI - 16 JUN 23	20
21	INTERMEDIATE INTERDICTION LT MUDA - LT KDR SIRI 1 BIL. 1/2023	8 - 12 MEI 23	22
22	KEJURUTERAAN (ELEKTRIK/ELEKTRONIK) TAHAP 2 SIRI 2 BIL 1/2023	6 - 21 JUN 23	20
23	NAUTIKA TAHAP 2 (KOMUNIKASI) SIRI 2 BIL 1/2023	12 - 23 JUN 23	20 (17)
24	BASIC TRAINING SIRI 19 BIL 3/23	19 - 24 JUN 23	18

25	PEGAWAI MEMERINTAH MUDA SIRI 25 BIL 1/2023	26 JUN - 28 JUL 23	20
26	500GT MATE DOMESTIC VOYAGE SIRI 20 BIL 2/23	3 JUL - 4 OGOS 23	18
27	SEARCH AND RESCUE (SAR) ON SCENE COORDINATOR (OSC) SIRI 9 BIL. 1/2023 + (KPMM 25)	5 - 7 JUL 23	20
28	ADVANCE INTERDICTION (BM - PW) SIRI 2 BIL. 2/2023	3 - 14 JUL 23	22
29	MCFR (LT MUDA MARITIM) SIRI 2 BIL.1/2023	10 - 14 JUL 23	20
30	KEJURUTERAAN (MARIN) TAHAP 3 SIRI 2 BIL 1/2023	10 - 26 JULAI 23	20
31	SEARCH AND RESCUE (SAR) SAR MISSION COORDINATOR (SMC) SIRI 8 BIL. 1/2023	17 JUL - 11 OGOS 23	8
32	BASIC TRAINING SIRI 20 BIL 4/23	7 - 12 OGOS 23	18
33	PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ZON MARITIM SIRI 2/2023	7 - 18 OGOS 23	50
34	PEGAWAI PENYIASAT (LT MUDA MARITIM) SIRI 3 BIL 1/23	7 - 18 OGOS 23	20
35	ASAS FORENSIK SIRI 3 BIL. 1/2023	7 - 18 OGOS 23	20
36	ENGINEER OFFICER <750KW NCTV SIRI 5 BIL 2/23	7 OGOS - 15 SEPT 23	20
37	PENGURUSAN PENYELIA KANAN PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM SIRI 2 BIL 1/2023	14 - 18 OGOS 23	19
38	BASIC TRAINING REFRESHER SIRI 5 BIL 2/23	15 OGOS 23	18
39	MCFR (LT MADYA MARITIM) SIRI 2 BIL.1/2023	4 - 9 SEPT 23	20
40	NAVIGASI ASAS PERTENGAHAN SIRI 13 BIL 2/23	4 - 8 SEPT 23	20
41	TRAIN THE TRAINER - JURULATIH DAMAGE CONTROL FIRE FIGHTING (DCFF)	4 - 15 SEPT 23	10
42	PEGAWAI BERTUGAS ANJUNGAN SIRI 29 BIL 2/23	11 - 29 SEPT 23	20
43	500GT MATE DOMESTIC VOYAGE SIRI 21 BIL 3/23	2 OKT - 3 NOV 23	18
44	KEJURUTERAAN (ELEKTRIK/ELEKTRONIK) TAHAP 3 SIRI 2 BIL 1/2023	2 - 17 OKT 23	10
45	ADVANCE INTERDICTION SIRI 10 BIL. 3/2023	9 - 20 OKT 23	22
46	BASIC TRAINING SIRI 21 BIL 5/23	9 - 14 OKT 23	18
47	PEGAWAI PENYIASAT KANAN (LT MADYA - LT KDR MARITIM) SIRI 2 BIL 2/23	16 - 20 OKT 23	20

APMM juga turut menawarkan kursus dengan kerjasama agensi-agensi dalam negara seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Markas Angkatan Tentera Malaysia (MATM) dan badan-badan antarabangsa dari luar negara. Antaranya adalah seperti berikut:

KURSUS ANJURAN APMM KEPADA TLDM

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	PESERTA
1	KETUA BOT SIRI 19 BIL. 1/2023	13 FEB - 4 MAC 23	4
2	ADVANCE INTERDICTION LT MUDA - LT KDR SIRI 1 BIL. 1/2023	6 - 17 MAC 23	2
3	INTERMEDIATE INTERDICTION LT MUDA - LT KDR SIRI 1 BIL. 1/2023	8 - 12 MEI 23	2
4	ADVANCE INTERDICTION (BM - PW) SIRI 2 BIL. 2/2023	3 - 14 JUL 23	1
5	SEARCH AND RESCUE (SAR) ON SCENE COORDINATOR (OSC) SIRI 9 BIL. 1/2023	5 - 7 JUL 23	5
6	500GT MATE DOMESTIC VOYAGE SIRI 20 BIL 2/23	3 JUL - 4 OGOS 23	2
7	SEARCH AND RESCUE (SAR) SAR MISSION COORDINATOR (SMC) SIRI 8 BIL. 1/2023	17 JUL - 11 OGOS 23	2
8	500GT MATE DOMESTIC VOYAGE SIRI 21 BIL 3/23	2 OKT - 3 NOV 23	2
9	ADVANCE INTERDICTION SIRI 10 BIL. 3/2023	9 - 20 OKT 23	1

KURSUS ANJURAN TLDM KEPADA APMM

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	PESERTA
1	JURULATIH PERSENJATAAN FASA 1 & FASA 2	16 JAN - 14 APR 23 17 APR – 30 JUL 23	1
2	IKHTISAS BINTARA KEJURUTERAAN (KIBK) SIRI 1/2023	13 FEB - 12 MAC 23	2
3	KELAYAKAN KETUA JABATAN KEJURUTERAAN (KKJK) SIRI 11/2023	6 FEB - 10 MAC 23	1
4	PENYELAM KAPAL OGA TAHUN 2023	13 FEB - 16 APR 23	3
5	PEGAWAI MEMERINTAH MUDA (KPMM) 44/2023	13 FEB - 21 APR 23	4
6	ASAS PEPERANGAN ELEKTRONIK	6 - 10 MAC 23	2
7	CBRNDC (O) SIRI 8/2023	6 - 19 MAC 23	2
8	TEMPUR JARAK DEKAT PASKAL FASA 1 & FASA 2 2023	8 MEI - 30 JUN 23 3 JUL - 27 OGOS 23	1
10	CBRNDC (I) SIRI 19/2023	5 JUN - 16 JUL 23	2
11	HELICOPTER APPROACH CONTROLLER (HAC)	3 - 28 JUL 23	2
12	FLIGHT DECK OFFICER (FDO) 2023	3 - 28 JUL 23	2
13	ASAS PASKAL 2023	11 SEP 23 - 4 FEB 24	10
14	KELAS 1 BENDARI (BDI)	18 SEP 23 - 18 FEB 24	2
15	KELAS 1 JURUPLOT TAKTIKAL PEPERANGAN (JTP)	18 SEP 23 - 18 FEB 24	2

KURSUS KERJASAMA APMM DAN AKADEMI LAUT MALAYSIA (ALAM)

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	PESERTA
1	REFRESHER RESTRICTED OPERATOR CERTIFICATE (ROC) SIRI 1/23	15 MEI 23	8
2	REFRESHER RESTRICTED OPERATOR CERTIFICATE (ROC) SIRI 2/23	16 MEI 23	8
3	REFRESHER RESTRICTED OPERATOR CERTIFICATE (ROC) SIRI 3/23	17 MEI 23	8
4	REFRESHER GENERAL OPERATOR CERTIFICATE (GOC) SIRI 1/23	18 MEI 23	8
5	REFRESHER GENERAL OPERATOR CERTIFICATE (GOC) SIRI 2/23	19 MEI 23	8

KURSUS ANJURAN APMM KEPADA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	PESERTA
1	KETUA BOT SIRI 19 BIL. 1/2023	13 FEB - 4 MAC 23	2 (-)

KURSUS ANJURAN UPNM KEPADA APMM

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	PESERTA
1	NETWORK CENTRIC WARFARE COURSE 2023	9 - 13 JAN 23	2 X LT KDR
2	SYSTEMS ENGINEERING - MODUL 1 SYSTEMS ENGINEERING - MODUL 2 SYSTEMS ENGINEERING - MODUL 3	13 - 17 MAC 23 7 - 11 OGOS 23 OKT/NOV 23	2

KURSUS ANJURAN MATM KEPADA APMM

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	PESERTA	TEMPAT
1	SARJANA SAINS SOSIAL - MPAT SIRI 43/2023	4 JAN 23 - 3 JAN 24	1	PUSPAHANAS
2	PEMERINTAHAN DAN STAF MALAYSIA - MTAT SIRI 52/2023	2 JAN 23 - 1 JAN 24	1	PUSPAHANAS
3	IMAM DAN KHIDMAT SOSIAL (PTTK) SIRI 1/23	2 - 6 JAN 23	1	ILMI
4	KENDIRI WANITA MUSLIMAH (PTTR) SIRI 1/23	16 - 20 JAN 23	1	ILMI

5	ASAS BAHASA TAGALOG TAHUN 2023	16 JAN - 14 APR 23	3	ATD-PD
6	PENGUKUHAN AKIDAH (PTTR) SIRI 1/23	30 JAN - 3 FEB 23	1	ILMI
7	PENGENALAN SISTEM KODIFIKASI NATO (SKN) ZON SABAH PSKN/ ZON/05/23	14 - 16 FEB 23	2	KOTA KINABALU
8	KEFAHAMAN ISLAM BERSEPADU (PEG) SIRI 1/23	20 - 24 FEB 23	1	ILMI
9	INTEGRATED LOGISTICS SUPPORT (ILS) FOR MANAGERS SERIES 1/23	7 - 10 MAC 23	1	HSM TAIPING
10	QIRAATI DAN TALAQQI AL QURAN (PTTK) SIRI 1/23	6 - 10 MAC 23	1	ILMI
11	MALAYSIAN JOINT WARFARE SIRI 78/23	7 - 20 MAC 23	2	KUCHING, SARAWAK
12	ASAS PERUBATAN PENERBANGAN (KAPP) SIRI 11/23	13 - 17 MAC 23	1	IPP SUBANG
13	LOGISTICS SUPPORT ANALYSIS (LSA) FOR MANAGERS SERIES 1/23	13 - 17 MAC 23	1	TAIPING, PERAK
14	PENGENALAN SISTEM KODIFIKASI NATO (SKN) ZON SARAWAK PSKN/ ZON/03/23	14 - 16 MAC 23	2	SARAWAK
15	LIFE CYCLE COSTING (LCC) FOR MANAGERS SERIES 1/23	8 - 12 MEI 23	1	KEMAMAN, TERENAGGANU
16	PENGENALAN SISTEM KODIFIKASI NATO (SKN) ZON TENGAH PSKN/ ZON/01/23	9 - 11 MEI 23	2	HOTEL ADMIRAL COVE PORT DICKSON
17	KEFAHAMAN ISLAM BERSEPADU (PTTR) SIRI 2/23	15 - 19 MEI 23	1	ILMI
18	IMAM DAN KHIDMAT SOSIAL (PEG) SIRI 1/23	12 - 16 JUN 23	1	ILMI
19	LAW OF ARMED CONFLICT (LOAC) SERIES 24/23	12 - 23 JUN 23	2	EDC UUM SINTOK
20	PENGENALAN SISTEM KODIFIKASI NATO (SKN) ZON TIMUR PSKN/ ZON/04/23	13 - 15 JUN 23	2	PRIMULA BEACH RESORT K.T
21	JOINT OPERATIONAL PLANNING COURSE (JOPC) SERIES 30/23	3 - 21 JUL 23	3	HOTEL PUTERI BAY, MELAKA
22	PENGENALAN SISTEM KODIFIKASI NATO (SKN) ZON SELATAN PSKN/ ZON/06/23	1 - 3 OGOS 23	2	MAFCA

23	MALAYSIAN JOINT WARFARE COURSE (MJWC) SIRI 79/23	7 - 18 OGOS 23	1	DITC KEMAMAN
24	JOINT LOGISTICS COURSE (JLOG) SIRI 25/23	7 - 18 OGOS 23	2	DITC KEMAMAN
25	ASAS SAUDARA MUSLIM (PTTR) SIRI 1/23	7 - 18 OGOS 23	1	ILMI
26	ASAS SAUDARA MUSLIM (PEG/PTTK) SIRI 2/23	7 - 18 OGOS 23	1	ILMI
27	QIRAATI DAN TALAQQI AL QURAN (PTTR) SIRI 2/23	21 - 25 OGOS 23	1	ILMI
28	PENGENALAN SISTEM KODIFIKASI NATO (SKN) ZON UTARA PSKN/ ZON/02/23	22 - 24 OGOS 23	2	MAFCA
29	KENDIRI WANITA MUSLIMAH (PEG) SIRI 3/23	4 - 8 SEP 23	1	ILMI
30	RULES OF ENGAGEMENT COURSE (ROE) SIRI 8/23	4 - 15 SEP 23	2	PESAMA
31	KEFAHAMAN ISLAM BERSEPADU (PTTK) SIRI 3/23	18 - 22 SEP 23	1	ILMI

BENGKEL/SEMINAR ANJURAN CDLPK, BSM

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	PESERTA
1	PEMURNIAAN DPKM SIRI 2/2023	25 - 27 JAN 23	20
2	J-LEAP APMM SIRI 1/2023	9 - 10 MEI 23	25
3	J-LEAP APMM SIRI 2/2023	25 - 26 JUL 23	25

KURSUS/ LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN/ HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)

Selain menyelaras dan melaksanakan program latihan berkala, APMM juga memfokuskan kepada program bagi perkembangan di dalam bidang akademik melalui kerjasama bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Agensi luar. Pada tahun 2023, seramai 34 orang warga APMM telah diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) bagi mengikuti kursus/ latihan dan pengajian di dalam dan di luar negara. Pecahan warga APMM yang telah diluluskan CBBP adalah seperti berikut:

Dalam Negara:
Dua (2) orang Pegawai Penguat Kuasa Maritim telah melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Sains Sosial dan Diploma Pascasiswazah Kajian Strategik dan Pertahanan di Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS). Pengajian ini adalah di bawah tajaan dengan kerjasama bersama Markas Angkatan Tentera Malaysia;

Seramai 16 orang Pegawai Penguat Kuasa Maritim bagi mengikuti Kursus Asas Juruterbang Helikopter dan 12 orang Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim bagi mengikuti Kursus Asas Penerbangan *Helicopter Hoist Operator (HHO)* dan Kursus Asas Penerbangan *Rescue Swimmer (RS) di Layang-Layang Flying Academy, Ipoh.* Pegawai dan anggota yang terpilih menghadiri kursus tersebut menjadi pelapis bagi pegawai yang berkepakaran dalam bidang operasi penerbangan; dan

Seorang Pegawai Kumpulan Pelaksana Skim Gunasama telah berjaya memperolehi tawaran Hadiah Latihan Persekutuan bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian di Universiti Malaysia Perlis.

Luar Negara:
Terdapat dua (2) orang Pegawai Penguat Kuasa APMM diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) bagi melanjutkan pengajian di luar negara di dalam Programe *Maritime Security and Governance Staff Course (MSGCG) U.S Naval War College, New Port, Rhode Island, America dan Maritime Safety and Security Policy Program National Graduate Studies Institute for Policy Studies (GRIPS), Japan; dan*

Seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang berkhidmat di dalam agensi telah berjaya melanjutkan pengajian di peringkat *Master of Public Management, KDI School of Public Policy and Management, Korea* tajaan badan asing.
Berikut merupakan ringkasan bagi warga APMM yang telah melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dan luar negara seperti jadual di bawah:

JENIS PENGAJIAN	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH					HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN			
Peringkat Pengajian	**Diploma**	**Ijazah**	**Sarjana**	**PhD**	**Lain-Lain**	**Diploma**	**Ijazah**	**Sarjana**	**PhD**
Gunasama			1				1		
Penguat Kuasa APMM	1		2		29				
Jumlah	**1**		**3**		**29**		**1**		

LATIHAN PRAKTIKAL / INDUSTRI DI APMM

APMM juga telah menjalinkan kerjasama bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan menerima permohonan pelajar untuk menjalani latihan industri di APMM. Kerjasama seumpama ini akan sentiasa diperkukuhkan untuk memberi peluang kepada generasi pelapis negara ini dan memahami tugas serta fungsi APMM sekaligus menyumbang idea dan perkongsian ilmu bersama Agensi. Seramai 9 orang penuntut IPTA/ IPTS telah menjalani latihan amali/ praktikal di APMM.

PERSIDANGAN, SEMINAR, BENGKEL, KURSUS DAN LAWATAN KE LUAR NEGARA

Pada tahun 2023, sebanyak 52 program yang berjaya dilaksanakan bersama pihak antarabangsa berkaitan penguatkuasaan maritim bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran peserta yang terlibat dalam bidang tugas masing-masing, di samping menjalinkan hubungan kerjasama dan membina rangkaian dengan pihak luar terutamanya dengan agensi-agensi maritim serantau.

SENARAI KURSUS BERSAMA PIHAK ANTARABANGSA BERLOKASI DI LUAR NEGARA

KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	WILDLIFE TRAFFIKING INVESTIGATORS PROGRAM	INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT ACADEMY (ILEA), BANGKOK, THAILAND	16 - 27 JANUARI 2023
2.	INTERNATIONAL MARITIME OFFICER COURSE	U.S COAST GUARD (USCG) TRAINING CENTER, YORKTOWN, VIRGINIA, USA	27 JANUARI - 28 APRIL 2023
3.	FISHERIES ENFORCEMENT AND PROSECUTION	INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT ACADEMY (ILEA), BANGKOK, THAILAND	06 - 10 NOV 2023
4.	BOARDING OFFICER	PUERTO PRINCESA, FILIPINA	15 - 26 MEI 2023
5.	BOARDING OFFICER	LA UNION, FILIPINA	20 NOV - 01 DIS 2023
6.	KURSUS BAHASA INGGERIS SIRI 1/2023	*ONLINE*	MEI – JULAI 2023

UNITED NATIONS OFFICE ON DRUGS AND CRIME (UNODC)			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	VBSS OFFICER LEVEL TRAINING	BATAM, INDONESIA	5 – 16 JUN 2023
2.	VBSS FOR BOARDING TEAM	BATAM, INDONESIA	24 JUL – 4 OGOS 2023
3.	INSHORE PETROL CRAFT	SRI LANKA	3 – 28 JUL 2023
4.	VBSS TRAINING	BATAM, INDONESIA	13 - 24 NOV 2023
5.	TRAINING ON INCORPORATING AVIATION RECONNAISSANCE SENSORS TO MARITIME DOMAIN AWARENESS (MDA)	BATAM, INDONESIA	4 – 7 DISEMBER 2023

JICA/JCG			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	YOUNG OFFICERS AND CADETS CONFERENCE	HIROSHIMA, JEPUN	22 - 26 JUN 2023
2.	MARITIME LAW ENFORCEMENT (MLE)	TOKYO, JAPAN	16 JUN - 26 JULAI 2023
3.	KOJiMA ON-BOARD TRAINING FOR JUNIOR OFFICERS OF COAST GUARD AGENCIES	SINGAPURA, MANILA, FILIPINA, KURE, JEPUN	19 JULAI – 8 OGOS 2023
4.	YOUNG OFFICERS AND CADETS CONFERENCE	HIROSHIMA, JAPAN	02 - 06 FEBRUARI 2023
5.	MARITIME DISASTER PREVENTION	YOKOHAMA, JEPUN	24 SEPT - 03 NOV 2023
6.	ADVANCED FORENSIC TECHNIQUE	JAPAN COAST GUARD AGENCY, JEPUN	06 - 20 NOV 2023
7.	ARRESTING TECHNIQUE	JAPAN COAST GUARD AGENCY, JEPUN	05 - 27 OKT 2023
8.	MASTER GRIPS	TOKYO, JEPUN	20 SEPT 2023 - 21 SEPT 2024

AUSTRALIAN BORDER FORCE (ABF)			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	CIVIL MARITIME SECURITY PROGRAM (CMSP)	CANBERRA DAN SYEDNEY, AUSTRALIA	13 FEBRUARI - 25 MAC 2023
2.	UNCLOS- MARITIME REGULATIONS AND ENFORCEMENT TRAINING	SEMARANG, INDONESIA	30 JANUARI - 10 FEBRUARI 2023
3.	FEMILIARISATION VISIT TO AUSTRALIA BOARDER FORCE COLLEGE	AUSTRALIA BARDER FORCE COLLEGE, AUSTRALIA	01 - 05 APRIL 2023
4.	CIVIL MARITIME SECURITY PROGRAM (CMSP) 2	CANBERRA DAN SYDNEY, AUSTRALIA	07 OKT - 18 NOV 2023
5.	PROGRAM SECONDMENT (INSTRUCTOR EXCHANGE)	COLLEGE'S MARINE, MARITIME & LITTORAL FACULTY, AUSTRALIA	28 OKT - 19 NOV 2023
6.	SUNAGO'S MASTERCLASS – SOCIALISING & NETWORKING	*ONLINE*	13 APRIL 2023
7.	SUNAGO'S MASTERCLASS – EFFECTIVE REPORT WRITING	*ONLINE*	28 – 29 OGOS 2023
8.	SUNAGO'S WORKSHOP – EFFECTIVE BUSNESS WRITING	*ONLINE*	23 – 24 OGOS 2023
9.	SUNAGO'S WORKSHOP – EFFECTIVE PRESENTATIONS	*ONLINE*	4 – 5 OCTOBER 2023

LAIN-LAIN NEGARA			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	SILOR COURSE - IMO LEVEL L & LL (PHASE - LL)	INDIAN COAST GUARD TRAINING CENTRE, MUMBAI, INDIA	13 - 24 FEBRUARI 2023
2.	SILOR COURSE - MARITIME LAW AND OPS (PHASE - LL)	INDIAN COAST GUARD TRAINING CENTRE, KOCHI, INDIA	13 - 31 MAC 2023
3.	OFFICERS COURSE - IMO LEVEL L & LL (PHASE - LL)	INDIAN COAST GUARD TRAINING CENTRE, MUMBAI, INDIA	13 - 24 FEBRUARI 2023
4.	OFFICERS COURSE - MARITIME LAW AND OPS (PHASE - LL)	INDIAN COAST GUARD TRAINING CENTRE, KOCHI, INDIA	13 FEBRUARI - 10 MAC 2023

SENARAI KURSUS BERSAMA PIHAK ANTARABANGSA BERLOKASI DI DALAM NEGARA

KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	ENGINEERING LOGISTIC ADMIN (ELA)	AMSAS DAN ZM KEMAMAN	09 - 20 JANUARI 2023
2.	SEARCH AND RESQUE OPTIMAL PLANNING SYSTEM (SAROPS)	AMSAS	13 - 24 FEBRUARI 2023
3.	SEAVISION OPERATORS	AMSAS	06 - 10 MAC 2023
4.	SEAVISION OPERATORS	AMSAS	13 - 17 MAC 2023
5.	WILDLIFE TRAFFIKING CYBERCRIME	JW MARRIOT HOTEL, KUALA LUMPUR	13 - 17 MAC 2023
6.	CYBER CRIME INVESTIGATIONS	JW MERRIOTT HOTEL, KUALA LUMPUR	24 - 28 JULAI 2023
7.	ENGINEERING LOGISTIC ADMIN (ELA)	AMSAS DAN ZM KEMAMAN	03- 14 JULAI 2023
8.	MARITIME INTELLIGENCE ANALYSIS	SHERATON IMPERIAL, KUALA LUMPUR	07 - 18 OGOS 2023
9.	ADVANCED BOARDING OFFICER	AMSAS	07 - 18 OGOS 2023
10.	SEAVISION ANALYSIS	AMSAS	07 - 11 OGOS 2023
11.	MARITIME DISASTER RESPONSE	AMSAS	24 JULAI - 04 OGOS 2023
12.	MARITIME DISASTER RESPONSE	AMSAS	07 - 18 OGOS 2023
13.	TACTICAL CASUALTY CARE	AMSAS	17 - 21 JULAI 2023
14.	OUTBOARD MOTOR MANTENANCE	AMSAS	18 - 29 SEPT. 2023

JAPAN COAST GUARD (JCG)/JEPUN			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	THIRD COUNTRY TRAINING PROGRAMME (TCTP) "CAPACITY ENHANCEMENT FOR COAST GUARD OFFICERS: INTERNATIONAL MARITIME SEARCH AND RESCUE COORDINATION COURSE 2023"	AMSAS DAN SUNWAY VELOCITY HOTEL, KUALA LUMPUR	07 - 18 OGOS 2023

UNODC			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	TRAINING ON MARITIME INVESTIGATION AND DIGITAL FORENSIC ON MARITIME DEVICES	INTERCONTINENTAL HOTEL, KUALA LUMPUR	08 - 10 MAC 2023
2.	MARITIME DOMAIN AWARENESS (MDA) ANALYTICAL TRAINING	INTERCONTINENTAL HOTEL, KUALA LUMPUR	21 - 30 MAC 2023
3.	MARITIME DOMAIN AWARENESS (MDA) ANALYTICAL TRAINING	G HOTEL KELAWAI, PULAU PINANG	04 - 13 APRIL 2023
4.	INVITATION RADAR TRAINING	HOTEL SEKITAR PUTRAJAYA	08 - 12 MEI 2023
5.	MARITIME DOMAIN AWARENESS (MDA) ANALYTICAL TRAINING	KOTA KINABALU, SABAH	09 - 18 MEI 2023
6.	INVITATION RADAR TRAINING	HOTEL SEKITAR PUTRAJAYA	15 - 19 MEI 2023

AUSTRALIAN BORDER FORCE (ABF)			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	REGIONAL CIVIL MARITIME SECURITY WORKSHOP	ALOFT HOTEL, LANGKAWI	12 - 15 JUN 2023
2.	MASTERCLASS RORKSHOP ON POWERFIL PRESENTATIONS	DALAM TALIAN (ONLINE)	15 DAN 16 MAC 2023

LAIN-LAIN NEGARA			
BIL	**NAMA**	**TEMPAT**	**TARIKH**
1.	REGIONAL MARSEC PRACTITIONER COURSE (RMPC)	DOUBLE TREE BY HILTON HOTEL, PUTRAJAYA	28 DAN 29 NOVEMBER 2023
2.	TRANSNATIONAL ORGANISED CRIME (TNOC)	THE ALOFT HOTEL, LANGKAWI, KEDAH	14 - 19 MEI 2023

AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH (AMSAS)

PENGUKUHAN ORGANISASI

PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM LLP LASKAR KELAS II MARITIM SIRI 16/2021

Pegawai Penguat Kuasa Maritim LLP Laskar Kelas II Maritim Siri 16/2021 pula terdiri daripada 179 orang pelatih. Seramai 163 orang pelatih telah melapor pada 7 Disember 2021 terdiri daripada 143 orang lelaki dan 20 orang wanita. Pada 10 Januari 2022, seramai 16 orang lagi melapor diri menjadikan jumlah keseluruhan adalah seramai 179 orang.

Objektif Kursus Asas ini adalah bertujuan membentuk kekuatan fizikal dan mental yang tinggi, sentiasa berfikiran positif, berdisiplin, berketerampilan, jujur, setia, berkeyakinan serta berani. Pembentukan semangat kerjasama berpasukan (*espirit de corp*) dan pengetahuan khusus dalam bidang pengoperasian kapal serta penguatkuasaan undang-undang di Zon Maritim Malaysia juga diterapkan dan diberikan keutamaan.

Pendekatan kerohanian turut diterapkan bagi melahirkan seorang Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang mempunyai amalan nilai-nilai murni, berpegang teguh dengan ajaran agama dan membina kekuatan iman agar dapat menggalas tugas dengan penuh integriti, kompeten dan berpengetahuan. Penerapan latihan berbentuk kecergasan fizikal termasuk Uji Cergas, Program Ikhtiar Hidup, Latihan dan Jalan Lasak sejauh 20 km turut diadakan. Mereka juga dibahagikan kepada dua kumpulan pengkhususan iaitu Kejuteraan Tahap 1 dan Nautika Tahap 1.

Kesemua pelatih juga telah lulus kursus Program Transformasi Minda, serta lulus modul-modul utama iaitu Undang-Undang Rendah, *Search & Rescue (SAR)*, Menggeledah, Navigasi, Ilmu Kelautan, Kejuruteraan Kapal, Kejuruteraan Elektrik, Pengurusan Logistik, Pentadbiran dan Komunikasi. Modul Renang juga turut diberikan keutamaan dan diwajibkan lulus sebelum menamatkan Latihan Asas. Perbarisan Tamat Latihan Pelatih Asas Laskar Kelas II Maritim Siri 16/2021 telah diadakan pada 17 September 2022 dan disempurnakan oleh YBhg. Laksamana Madya (M) Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Logistik) APMM. Kesemua pelatih asas kini sedang menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK) di kapal dan bot APMM.

Rutin kursus pelatih adalah seperti berikut:-
Rutin Alpha - 3 bulan sehingga pertengahan Mac 2022

Latihan yang di jalankan semasa Rutin Alfa

- Latihan lasak/ Fizikal
- Modul MKMA
- Modul Pengurusan Aset dan Stor
- Latihan Seni Mempertahankan diri
- Modul Senggaraan Kapal
- Modul Pentadbiran Am

Rutin Bravo - Mac - September 2022

- Modul Navigasi
- Modul Undang Undang Rendah
- Latihan/Kapal
- Modul *Search and Rescue*
- Ikhtiar Hidup
- Modul Mengeledah
- Latihan Sambil Kerja (LSK) - 17 Sep 2022 - 22 Jan 2023
- Kursus Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1
- Modul Komunikasi
- Modul Kejuruteraan
- Kursus Kecenderungan Nautika Tahap I
- Modul Ilmu Kelautan

PELAKSANAAN KURSUS DI AMSAS

Bersesuaian dengan visi AMSAS untuk menjadi sebuah Institusi Agensi Penguatkuasaan Maritim bertaraf dunia, maka pelbagai kursus telah diatur untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2023. AMSAS telah sedaya upaya memastikan semua kursus yang telah dirancang berjaya dilaksanakan. Berikut adalah butiran kursus yang telah sempurna diselesaikan.

BIL	KURSUS	TARIKH KURSUS	HARI	BIL. PESERTA
1	Kursus *Maritime Crime First Responder* (MCFR) Siri 2 Bil.1/2023 (Lt - Lt Kdr Maritim)	16 - 20 Jan 2023	5	20
2	Kursus Kelayakan Bintara Muda Siri 1 Bil. 1/2023 (LK Maritim)	20 - 24 Feb 2023	5	20
3	Kursus Kejuruteraan Tahap 2 (Marin) Siri 2 Bil. 1/2023	27 Feb - 14 Mac 2023	14	20
4	Kursus *Maritime Crime First Responder* (MCFR) Tahap 2 Siri 2 Bil. 1/2023	13 - 17 Mac 2023	5	20
5	Kursus Pegawai Penyiasat Kanan Siri 2 Bil. 1/2023 (Lt Madya)	3- 7 Apr 2023	5	19
6	Kursus Nautika Tahap 2 (Kulinari) Siri 1 Bil. 1/2023 (LK I / LK Maritim)	22 Mei - 16 Jun 2023	20	20
7	Kursus Navigasi Pertengahan Siri 13 Bil 1/2023 (Lt Muda - Lt Maritim)	23 - 26 Mei 2023	4	20
8	Kursus Pegawai Bertugas Anjungan Siri 28 Bil. 1/2023 (Lt Muda - Lt Maritim)	29 Mei - 16 Jun 2023	17	20
9	Kursus Pegawai Penyiasat Siri 3 Bil. 1/2023 (Bintara Muda)	8-19 Mei 2023	10	20
10	Kursus *Maritime Crime First Responder* (MCFR) Siri 2 Bil. 1/2023 (BM Maritim)	15-19 Mei 2023	5	20
11	Kursus Kejuruteraan Tahap 2 (Elektrik/Elektronik) Siri 2 Bil. 1/2023 (LK I / LK Maritim)	6 - 21 Jun 2023	14	20
12	Kursus Kejuruteraan Tahap 3 (Marin)Siri 2 Bil. 1/2023 (BM Maritim)	10 - 26 Jul 2023	15	19

13	Kursus Navigasi Pertengahan Siri 13 Bil 2/2023 (Lt Muda - Lt Maritim)	4 - 8 Sep 2023	5	16
14	Kursus Pegawai Bertugas Anjungan Siri 28 Bil. 1/2023 (Lt Muda - Lt Maritim)	11 - 29 Sep 2023	17	16
15	Kursus Maritime Crime First Responder (MCFR) Siri 2 Bil. 1/2023 (Lt Muda Maritim)	10-14 Jul 2023	5	20
16	Kursus Pengurusan Penyelia Kanan Pegawai Penguatkuasa Maritim Siri 1 Bil. 1/2023 (BK – PW I Maritim)	14 - 18 Ogos 2023	5	19
17	Kursus Generik Kursus Pegawai Memerintah Muda Siri 25 Bil. 1/2023 (Lt Madya - Lt Kdr Maritim)	26 Jun - 28 Jul 2023	27	20
18	Kursus Pegawai Penyiasat Siri 3 Bil. 1/2023 (Lt Muda)	7-18 Ogos 2023	10	20
19	Kursus Asas Forensik Siri 1 Bil. 1/2023 (Khas) (LK II - Lt Maritim)	7-18 Ogos 2023	10	20
20	Kursus Penguatkuasaan Undang-Undang Zon Maritim Malaysia Siri 1 Bil.1/2023 (BM - Lt Maritim)	7 -18 Ogos 2023	10	47
21	Kursus Maritime Crime First Responder (MCFR) Siri 2 Bil. 1/2023 (Lt Dya Maritim)	4-8 Sep 2023	5	19
22	Kursus Kejuruteraan Tahap 3 (Elektrik/Elektronik) Siri 2 Bil. 1/2023 (BM Maritim)	2 - 17 Okt 2023	14	10
23	Kursus Pegawai Penyiasat Kanan Siri 2 Bil. 1/2023 (Leftenan)	16 - 20 Okt 2023	5	15
24	Bengkel Jurulatih Jasmani PTI (LK - BK)	23 - 27 Jan	5	10
25	Kursus Mate Less Than 500 GT Domestic Voyages Siri 19 Bil 1/2023	6 Feb - 10 Mac	33	20
26	Basic Training - Modular STCW Siri 17 Bil 1/2023	13 - 18 Feb	6	18
27	Gi Refresher	13 - 25 Feb	13	10
28	Kursus Ketua Bot Siri 19 Bil 1/2023	13 Feb - 24 Mac	40	23
29	Kursus On-Scene Coordinator (OSC) Siri 9 Bil 1/2023	22 - 24 Feb	3	26
30	Basic Training Refresher Siri 4 Bil 1/2023	28 Feb - 5 Mac	6	18
31	Advance Interdiction Course Siri 1 Bil 1/2023 - (LTM - LT KDR)	6 - 17 Mac	12	20
32	Nautika Tahap 2 (Navigasi) Siri 3 Bil 1/2023	3 - 14 Apr	12	20

33	Latihan Penembakan Senjata Kecil Staf AMSAS Siri 2 Bil 1/2023	5 - 6 April	2	120
34	Intermediate Interdiction Course - (LTM - LT KDR)	8 - 12 Mei	5	24
35	Kursus Nautika Tahap 2 (Ilmu Kelautan) Siri 2 Bil 1/2023	8 - 19 Mei	12	20
36	Kursus Kejurulatihan (TOT) High Rope 1-3	24-28 julai	5	10
37	Basic Training - Modular STCW Siri 18 Bil 2/2023	8 - 13 Mei	6	18
38	Engineer Officer <750 Kw Domestic & Near Coastal Voyages Siri 4 Bil 1/2023	8 Mei - 16 Jun	40	20
39	Kursus Nautika Tahap 2 (Komunikasi) Siri 2 Bil 1/2023	12 - 23 Jun	12	20
40	Basic Training - Modular STCW Siri 19 Bil 3/2023	19 - 24Jun	6	18
41	Basic Training - Modular STCW Siri 20 Bil 4/2023	17 - 20 Ogos	6	18
42	Basic Training Refresher Siri 5 Bil 2/2023	15 Ogos	11	18
43	Kursus Mate Less Than 500 GT Domestic Voyages Siri 20 Bil 2/2023	3 Jul - 4 Ogos	33	20
44	Advance Interdiction Course Siri 1 Bil 1/2023 - (BK - PW)	10 - 21 Jul	12	24
45	Kursus Sar Mission Coordinator (SMC) Bil 8/2023	17 Jul - 11 Ogos	26	10
46	Engineer Officer <750 Kw Domestic & Near Coastal Voyages Siri 5 Bil 2/2023	7 Ogos - 15 Sep	40	20
47	Kursus Peningkatan Tahap Kejurulatihan High Rope	21 - 28 Ogos	5	10
48	Advance Interdiction Course Siri 2 Bil 2/2023 - (LTM - LT KDR)	9 - 20 Okt	12	24
49	Basic Training - Modular STCW Siri 21 Bil 5/2023	9 -14 Okt	6	18
50	Kursus On-Scene Coordinator (OSC) Siri 10 Bil 2/2023	6 - 8 Sep	3	26
51	Kursus Mate Less Than 500 GT Domestic Voyages Siri 21 Bil 3/2023	2 Okt - 3 Nov	32	20

KURSUS / BENGKEL / MESYUARAT AGENSI LUAR YANG DIADAKAN DI AMSAS

BIL	KURSUS	TARIKH KURSUS	HARI	BIL. PESERTA
1.	Kursus Pre Hospital Care Siri 1/2022 Hospital Tungku Ampuan Afzan Kuantan	15 - 17 feb	3	65
2.	Kursus Pemeriksaan Aset Alih Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Phg	8 - 10 Mac Siri 1 Siri 2 Siri 3	3	 20 20 16
3.	Bengkel Data Cleaning Sistem e-Tanah Kementerian Dalam Negeri	24 - 25 Mac	2	40

KURSUS PEGAWAI PENYIASAT BINTARA MUDA HINGGA LEFTENAN

Kursus Pegawai Penyiasat dilaksanakan secara teori dan amali mengikut prosedur-prosedur penyiasatan yang telah ditetapkan selaras panduan yang terkandung dalam perundangan Malaysia. Antara objektif kursus dilaksanakan adalah memberi pengetahuan kepada peserta tentang teknik-teknik pegawai penyiasat mengikut tatacara penyiasatan yang betul serta panduan mengenai etika dan cara semasa berada di dalam mahkamah selaras misi dan visi AMSAS dalam melahirkan pegawai penyiasat yang berkaliber dan berintegriti tinggi.

a) Kursus Pegawai Penyiasat siri 2 Bil 1/2023 (Lt Dya) : 3 - 7 April 2023 (19 peserta).
b) Kursus Pegawai Penyiasat siri 2 Bil 1/2023 (BM) : 8 - 19 Mei2023 (20 peserta).
c) Kursus Pegawai Penyiasat siri 2 Bil 1/2023 (Lt Muda) : 7 - 18 Ogos 2023 (20 peserta).
d) Kursus Pegawai Penyiasat siri 2 Bil 1/2023 (Leftenan) : 16 - 20 Okt 2023 (15 peserta).

KURSUS *MARITIME CRIME FIRST RESPONDER*

Kursus *Maritime Crime First Responder* diberikan secara teori dan amali mengenai prosedur-prosedur yang perlu dilaksanakan apabila berlaku jenayah di laut mahupun di darat selaras panduan yang terkandung dalam perundangan Malaysia. Antara objektif kursus dilaksanakan adalah mengenai tugas dan tindakan responden pertama serta etika di tempat kejadian jenayah selaras misi dan visi AMSAS dalam melahirkan pasukan responden yang berkaliber. Kursus ini telah dilaksanakan pada:

a) Kursus *Maritime Crime First Responder* siri 2 (Lt Kdr Maritim) : 16 - 20 Jan 2023 (20 peserta).
b) Kursus *Maritime Crime First Responder* siri 2 (BM Maritim) : 15 - 19 Mei 2023 (20 peserta).
c) Kursus *Maritime Crime First Responder* siri 2 (Lt Muda Maritim) : 10 - 14 Julai 2023 (20 peserta).
d) Kursus *Maritime Crime First Responder* siri 2 (Lt Dya Maritim) : 4 - 8 Sep 2023 (19 peserta).

KURSUS KEJURUTERAAN TAHAP 2 & TAHAP 3 (MARIN)

Kursus Kejuruteraan (Marin) merupakan kursus rintis mengikut dasar latihan terkini melalui pelaksanaan membangunkan potensi dan kerjaya Pegawai Lain-Lain Pangkat APMM berkonsepkan kompetensi dan penilaian, dengan kepakaran khusus terarah kepada Kejuruteraan Marin. Antara objektif kursus ini adalah memberi pendedahan kompetensi kepada anggota teknikal dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di kapal/bot serta memberi pengetahuan berkaitan rekabentuk enjin, peralatan jentera sokongan dan fungsi.

Seterusnya kursus ini juga bermatlamat meningkatkan keyakinan dan kebolehan anggota teknikal untuk melakukan penyelenggaraan berjadual dengan lebih efektif selaras menjalankan tugas pengawasan jentera dengan baik dan selamat. Seiring kewajipan pematuhan peraturan antarabangsa iaitu MARPOL 73/78 di bawah *International Maritime Organization* (IMO). Kursus ini memberi penekanan terhadap pemahaman yang terkandung di dalam MARPOL 73/78 sebagai bimbingan dalam menjalankan tugas.

a) Kursus Kejuruteraan Tahap 2 : 27 Feb - 14 Mac (20 peserta).
b) Kursus Kejuruteraan Tahap 3 Bil 1/2023 (BM Maritim) : 27 Feb - 14 Mac (20 peserta).

KURSUS KEJURUTERAAN TAHAP 2 & TAHAP 3 (ELEKTRIK/ELEKTRONIK)

Pelaksanaan Kursus melibatkan sesi pembelajaran secara teori di AMSAS dan juga jemputan penceramah luar dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuantan, untuk satu slot khusus bagi perkongsian ilmu berkaitan persijilan dan kompetensi berkaitan bidang elektrik. Modul kursus turut melibatkan latihan praktikal dengan bantuan dan jalinan kerjasama yang termeterai dengan Institusi Latihan Awam (ILA) yang berkaitan melalui "Program *Time Sector Privatization"* (TSP) yang dianjurkan oleh ILA yang terlibat untuk perkongsian kepakaran dan menyokong program pembelajaran sepanjang hayat khususnya untuk kepakaran kejuruteraan elektrik dan elektronik. Latihan Praktikal secara "*Hand's On*" ini dilaksanakan di Bahagian Kejuruteraan Perkapalan, Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh.

KURSUS NAUTIKA TAHAP DUA (KULINARI) SIRI 1 BIL 1/2023

Kursus Nautika Kulinari diadakan pada 22 Mei - 16 Jun dengan disertai 20 peserta (LK1/LK) diberikan secara teori dan amali mengenai asas penyediaan makanan. Antara objektif kursus dilaksanakan adalah memperkenalkan kemahiran asas penyediaan makanan kepada anggota yang berkepakaran Nautika serta meningkatkan kebolehan anggota melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan serta mengetahui tatacara memasak makanan dengan betul semasa di lapangan.

Peserta juga akan diberi pendedahan mengenai teknik masakan terkini dalam meningkatkan pengetahuan dan kebolehan dalam menganggarkan keperluan bahan mentah dan jenis-jenis menu yang bersesuaian.

KURSUS PEGAWAI BERTUGAS ANJUNGAN

Kursus ini dijalankan dengan objektif untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Bertugas Anjungan semasa kapal dalam pelayaran sama ada di pesisir pantai ataupun di laut lepas. Kursus ini juga akan memberi penekanan mengenai aspek keselamatan semasa mengendalikan kapal di laut dan melaksanakan latihan praktikal pengendalian kapal dalam keadaan biasa dan semasa berlaku kecemasan.

Pegawai APMM yang boleh mengikuti kursus ini adalah terdiri daripada mereka yang telah lulus kursus Navigasi Pertengahan (KNap). Sebanyak 2 siri kursus telah dijalankan dengan penglibatan seramai 36 orang pegawai APMM. Setelah lulus kursus ini pegawai yang terlibat akan dianugerahkan sijil lulus kursus.

KURSUS NAVIGASI PERTENGAHAN

Kursus ini dijalankan dengan objektif untuk menyediakan peserta sebelum mereka menghadiri Kursus Pegawai Bertugas Anjungan (KPBA) dengan tujuan memberikan persediaan dan mengulangkaji

setiap subjek (modul navigasi - kerja carta dan ROR) yang telah dipelajari semasa kursus asas Lt Muda Maritim (*review basic course*). Kursus ini juga memberi penekanan untuk meningkatkan lagi pengetahuan dalam bidang navigasi dengan penekanan mengenai tatacara pandu arah terang dan gelap.

Pegawai APMM yang boleh mengikuti kursus ini adalah terdiri daripada mereka yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama setahun setelah tamat latihan asas di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) dengan pangkat minimum adalah Leftenan Muda (Maritim).

Sebanyak 2 siri kursus telah dijalankan iaitu pada 23 - 26 Mei 2023 dan 04 - 08 September 2023 dengan penglibatan seramai 36 orang pegawai APMM. Setelah lulus kursus ini pegawai yang terlibat akan dibenarkan untuk mengikuti Kursus Pegawai Bertugas Anjungan yang akan dijalankan pada minggu berikutnya.

KURSUS KETUA BOT

Kursus ini akan mendedahkan peserta mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Ketua Bot. Ia bertujuan meningkatkan kemahiran untuk melaksanakan operasi di laut dengan lebih efektif dan efisen mengikut kehendak serta keperluan pihak yang berkepentingan. Selain itu, penekanan mengenai aspek keselamatan dalam pengendalian bot serta melaksanakan latihan praktikal pengendalian bot dalam keadaan biasa dan masa kecemasan.

Kursus ini disertai seramai 23 orang anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dilaksanakan pada 13 Feb - 24 Mac 2023. Kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh semua peserta dan input daripada kursus secara teori dan praktikal dapat digunakan semasa melaksanakan tugas sebagai ketua bot.

KURSUS NAUTIKA TAHAP II (NAVIGASI)

Kursus ini bagi melahirkan Pegawai Penguat Kuasa Lain-lain Pangkat yang mahir dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di lapangan tertumpu pada tugas-tugas navigasi dan juga tugas-tugas di anjungan. Kursus ini dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang Nautika (Navigasi) sesuai dengan pangkat yang disandang selaras dengan keperluan perkhidmatan dan meningkatkan kemahiran ilmu navigasi untuk melaksanakan operasi di laut dengan lebih efektif dan efisen mengikut kehendak serta keperluan pihak yang berkepentingan.

Kursus ini telah disertai oleh 20 anggota APMM yang bertugas di kapal, bot dan pangkalan pada 3 - 14 April 2023 . Kursus ini telah dilaksanakan selama 2 minggu dan semua peserta telah menamatkan kursus dengan jayanya sesuai dengan objektif kursus.

KURSUS NAUTIKA TAHAP II (ILMU KELAUTAN)

Kursus ini bagi melahirkan Pegawai Penguat Kuasa Lain-lain Pangkat yang mahir dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di lapangan tertumpu pada tugas-tugas ilmu kelautan. Selain itu, meningkatkan kemahiran ilmu kelautan untuk melaksanakan operasi di laut dengan lebih efektif dan efisen mengikut kehendak serta keperluan pihak yang berkepentingan . Kursus ini disertai seramai 20 orang anggota APMM yang bertugas di kapal, bot dan pangkalan bermula 8 hingga 19 Mei 2023. Kursus ini telah dilaksanakan selama 2 minggu dan semua peserta dapat menamatkan kursus dengan jayanya.

KURSUS NAUTIKA TAHAP II (KOMUNIKASI)

Melahirkan Pegawai Penguat Kuasa Lain-lain Pangkat yang mahir khususnya dalam komunikasi taktikal agar dapat melaksanakan tugas dengan berkesan. Selain itu, kursus ini bagi meningkatkan kemahiran dalam penggunaan PROSKOM APMM secara lebih efektif dan efisen mengikut kehendak serta keperluan pihak yang berkepentingan. Kursus ini telah disertai seramai 20 anggota APMM yang bertugas di kapal, bot dan pangkalan pada 12 - 23 Jun 2023. Kursus ini telah dilaksanakan selama 2 minggu dan semua peserta dapat menamatkan kursus ini dengan jayanya.

KURSUS PENGUATKUASAAN UNDANG- UNDANG ZON MARITIM

Kursus ini telah dilaksanakan selama 2 minggu bermula pada 07 Ogos 2023 sehingga 18 Ogos 2023 yang lalu. Kursus ini melibatkan seramai 47 peserta yang terdiri daripada pegawai dan pegawai lain-lain pangkat yang telah dipilih oleh Cawangan Dasar Latihan dan Pembangunan Kompetensi Ibu Pejabat.

Objektif utama pelaksanaan kursus ini bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta berkaitan kuasa, bidang kuasa serta tatacara semasa menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang terpakai di Zon Maritim Malaysia. Selain itu juga ianya bertujuan sebagai *refresher* kepada pengetahuan sedia ada para peserta bagi mengingat kembali kepelbagaian peruntukan perundangan yang sepatutnya diaplikasikan semasa menjalankan tugas di lapangan.

KURSUS ASAS FORENSIK

Kursus ini melibatkan seramai 20 peserta dilaksanakan selama 2 minggu bermula pada 07 Ogos 2023 sehingga 18 Ogos 2023 yang terdiri daripada pegawai dan pegawai lain-lain pangkat yang telah dipilih oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maritim (BSJM) Ibu pejabat APMM.

Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta memberi pendedahan yang khusus kepada peserta tentang teknik-teknik pengambilan sampel yang betul mengikut panduan yang telah ditetapkan serta memberi pengetahuan secara teori dan amali kepada peserta kursus mengenai prosedur-prosedur forensik yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kesalahan jenayah di laut mahupun di darat dan memberi pengetahuan serta panduan yang jelas kepada peserta kursus mengenai cara dan etika semasa mengendalikan kes-kes yang sulit atau tidak sulit semasa di lapangan. Pelaksanaan kursus ini telah dibahagikan kepada dua (2) fasa meliputi fasa teori dan praktikal. Selain itu, para peserta turut diuji kefahaman mereka melalui peperiksaan dan latihan simulasi (SIMEX).

KURSUS *SAR MISSION COORDINATOR (SMC)*

Kursus SMC melibatkan peserta daripada Pegawai APMM dan TLDM yang bertugas di MRSC/ MRCC ataupun yang terlibat dalam bahagian operasi SAR secara langsung di lapangan. Bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan pegawai APMM mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai SMC semasa operasi SAR. Memastikan pelaksanaan dan pengoperasian MRCC dan MRSC dapat dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang betul seperti yang ditetapkan dalam *IAMSAR* Manual. Memberi pendedahan dan melatih peranan SMC kepada pegawai APMM yang terlibat secara langsung dengan operasi SAR. Sebanyak 1 siri kursus SMC telah dijalankan dengan penglibatan seramai 10 orang pegawai terdiri daripada 8 pegawai APMM dan 2 pegawai TLDM.

KURSUS *INTERMEDIATE INTERDICTION COURSE* / KURSUS *ADVANCED INTERDICTION*

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi penekanan khusus berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) kapal dan bot APMM dan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP). Kursus ini juga dapat meningkatkan kebolehan melaksanakan teknik mempertahankan diri dan mengawal situasi kritikal. Selain itu, kemahiran dan keyakinan anggota sebagai anggota menggeledah yang profesional dapat ditingkatkan. Sebanyak 1 siri kursus telah dijalankan dengan penglibatan seramai 24 orang pegawai terdiri daripada 22 pegawai APMM dan 2 pegawai TLDM.

KURSUS *BASIC TRAINING*

Kursus modular ini bertujuan memberi pemahaman jelas terhadap aspek keselamatan diri anggota yang bertugas di bahagian dek dan enjin kapal/bot serta terlibat dengan tugas penguatkuasaan selari dengan kehendak peraturan dan perundangan semasa.

Kursus ini termaktub dalam Nota Maklumat Panduan Marin (NMPM) 40/2002, Pengeluaran Perakuan Kursus Modular oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 07/2012, keperluan sijil kecekapan untuk perakuan kompetensi berdasarkan kepada Konvensyen STCW 78 seperti Pindaan (Pindaan Manila 2010) kepada pelaut tempatan dan kerajaan.

Sebanyak 5 siri Kursus *Basic Training* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 90 orang pegawai dan anggota APMM. Bagi mereka yang telah lulus kursus ini akan diberikan sijil lulus selama 5 tahun dan perlu diperbaharui melalui kursus *Basic Training Refresher*.

KURSUS *BASIC TRAINING REFRESHER*

Kursus ini merupakan keutamaan kepada pemegang Sijil Perakuan Kompetensi (*Certificate of Competency*) yang telah tamat tempoh bagi memperbaharui sijil perakuan kompetensi masing-masing mengikut syarat mandatori yang ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) kepada semua pelaut tempatan dan agensi.

Sebanyak 2 siri Kursus *Basic Training Refresher* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 36 orang pegawai dan anggota APMM. Bagi mereka yang telah lulus kursus, akan diberikan sijil lulus selama 5 tahun dan perlu diperbaharui melalui kursus yang sama.

KURSUS *MATE LESS THAN 500GT DOMESTIC VOYAGE*

Kursus ini bertujuan melahirkan pegawai APMM dan TLDM yang kompeten yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia bagi mengemudi kapal/bot di bawah 500GT. Setelah tamat kursus dan disahkan oleh pegawai penilai dari Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui ujian lisan oral, peserta akan dianugerahkan tiket yang mengiktiraf pemegangnya telah mempunyai tahap kecekapan kompetensi dalam pengendalian kapal di bawah 500GT seperti yang digariskan dalam *Schedule of the Merchant Shipping (Training and Certification) Rule* 1999 dan Document JL/01/2009.

Sebanyak 3 siri kursus *Mate Less Than 500 GT* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 60 orang pegawai, 54 anggota APMM dan 6 anggota TLDM. Bagi mereka yang telah lulus kursus ini mestilah mempunyai sekurang-kurangnya kursus modular *Basic Training* sebelum boleh dianugerahkan tiket kompetensi pengendalian kapal di bawah 500GT.

KURSUS *ENGINEER OFFICER <750 KW DOMESTIC & NEAR COASTAL VOYAGE*

Kursus ini bertujuan melahirkan pegawai APMM yang kompeten yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi melayakkan mereka memegang perakuan sebagai *Engineer Officer Certificate of Competency (Motor)* di kapal kurang dari 750kW *on domestic and near coastal voyage* berdasarkan kepada piawaian yang digariskan dalam *Rules JL/P/01/2009, Standard of Competence*, Jabatan Laut Malaysia.

Sebanyak 2 siri kursus *Engineer Oficer <750 kW Domestic and Near Coastal Voyages* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 40 orang pegawai dan anggota APMM. Bagi mereka yang telah lulus kursus ini mestilah mempunyai sekurang-kurangnya kursus modular *Basic Training* sebelum boleh dianugerahkan tiket kompetensi pengawasan bilik jentera bagi kapal <750 kW.

TRAIN THE TRAINER (TTT)

Kursus Train The Trainer (TTT) Siri 2/2023 Bagi Pensijilan Profesional Southeast Asian Climbing Federation (SEACF 1) Dan High Rope Level 1-3 telah diadakan selama lima hari bermula pada 24 Julai hingga 28 Julai 2023.

Seramai 16 orang peserta dari AMSAS terlibat dengan kursus ini. Pelbagai modul telah didedahkan kepada para peserta seperti *sports climbing, abseiling, flying fox,* jumar klasik dan kaedah menyelamat. Seramai lima orang jurulatih dari Persekutuan Mendaki Malaysia (PMM) terlibat dengan kursus ini dengan memberi tunjuk ajar, melatih dan memberi latihan praktikal kepada peserta kursus.

INTERNATIONAL INTERDICTION BOARDING AND INSPECTION COURSE (IIBIC) - ONLINE COURSE

Kursus yang bermula daripada bermula 4 hingga 13 September 2023 telah melibatkan penyertaan 11 peserta daripada 7 buah negara Asia iaitu Azerbaijan, Timur Leste, Laos, Thailand, Sri Langka, Pakistan dan Kemboja. Kursus ini juga merupakan gabungan kerjasama antara AMSAS dan pihak MTCP (Kementerian Luar Negeri) dalam pelaksanaan kursus antarabangsa yang melibatkan peserta luar negara dalam bidang penggeledahan. Objektif kursus adalah untuk menerapkan ilmu penggeledahan di kalangan peserta berkaitan skop tugas penggeledahan kapal dan bot di laut.



BAHAGIAN KEWANGAN DAN BELANJAWAN

PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS (OE) APMM

PERUNTUKAN MENGURUS (OE) 2023

Pada tahun 2023 APMM telah diluluskan Peruntukan Mengurus (OE) sebanyak RM637,101,400.00 di bawah peruntukan Dasar Sedia Ada (DSA) dan Program Khusus (PK) yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan bayaran tetap serta perbelanjaan lain.

Sehingga 31 Disember 2023, APMM telah membelanjakan sebanyak RM595,199,792.84 (101.17%) daripada peruntukan yang dikemaskini berjumlah RM588,292,323.01. Lebihan perbelanjaan berjumlah RM6,907,469.83 adalah disebabkan bayaran Bantuan Khas Kewangan dan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri pada tahun 2023 yang akan diselaraskan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

PERKARA	JUMLAH
Peruntukan Kemaskini Belanja Mengurus (RM)	572,355,340.46
Jumlah Perbelanjaan (RM)	579,262,810.29
Peratusan Perbelanjaan (%)	100.21

***Jadual 1**: Jumlah Peruntukan Kemaskini Belanja Mengurus dan Jumlah Perbelanjaan APMM bagi Tahun 2023.*

Paparan pada **Jadual 2** menunjukkan perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus mengikut dasar / aktiviti bagi tahun 2023.

BIL.	DASAR/ PROGRAM/ AKTIVITI	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM)	PERATUS PEBELANJAAN (%)
1.	Dasar Sedia Ada (DSA) APMM	RM572,355,340.46	RM579,262,810.29	100.21
2.	Program Khusus	RM12,770,611.44	RM12,770,611.44	100
3.	***One Off*** (Harta Modal)	RM2,588,171.11	RM2,588,171.11	100

Jadual 2 :** Maklumat Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Aktiviti Tahun **2023

Selain daripada menyalurkan peruntukan kepada 28 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Maritim Negeri dan Zon Maritim, Ibu Pejabat APMM juga menerima peruntukan daripada agensi luar iaitu Kementerian Kewangan (Pemberian Kemudahan Projek Khas), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dan Wisma Putra.

Paparan pada **Jadual 3** menunjukkan perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan yang diterima daripada agensi luar bagi tahun 2023.

AGENSI LUAR				
Bil	**Dasar/ Program/ Aktiviti**	**Peruntukan Diterima (RM)**	**Peruntukan Dibelanjakan (RM)**	**Peratus Perbelanjaan (%)**
1.	Kementerian Kewangan (Pemberian Kemudahan Projek Khas)	838,014.66	838,014.66	100
2.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	289,660.00	289,660.00	100
3.	Wisma Putra	6,968.00	6,968.00	100

Jadual 3 : *Maklumat Peruntukan dan Perbelanjaan Yang Diterima Daripada Agensi Luar Tahun* 2023

SESI PEMERIKSAAN BELANJAWAN 2023

Penyediaan cadangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) APMM 2024 telah diselaraskan di Bahagian Kewangan dan Belanjawan (BKB) dan sesi pemeriksaan telah diadakan bersama wakil Maritim Negeri (MN) dan Zon Maritim (ZM) pada 5 hingga 8 Februari 2023 bertempat di Institut Pengurusan Peladang, Langkawi Kedah. Manakala sesi pemeriksaan belanjawan Agensi telah diadakan bersama wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kewangan (MOF) pada 15 dan 16 Jun 2023 bertempat di Kota Kinabalu, Sabah.



Taklimat Penyediaan cadangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) APMM 2024 pada 5 - 8 Februari 2023 di Institut Pengurusan Perladangan (IPP) Langkawi





Sesi Pemeriksaan ABM bersama Maritim Negeri dan Zon Maritim



Sesi Pemeriksaan ABM Bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 18 April 2023



Sesi Pemeriksaan ABM Bersama wakil Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 15 - 16 Jun 2023 di Kota Kinabalu, Sabah


PRESTASI PEMBAYARAN BIL

Pada tahun 2023, PTJ di bawah APMM telah memproses sebanyak 37,921 baucar pembayaran bil berjumlah RM 859,098,473.02. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari di APMM telah mencapai 100%. Pemantauan ke atas prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari merupakan arahan pematuhan ke atas Arahan Perbendaharaan (AP) 103(a). AP 103(a) dengan jelas menyatakan bahawa semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera, yang mana Ketua Jabatan perlu memastikan bahawa bil dan tuntutan hendaklah dibayar segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh dokumen diterima dengan lengkap dan sempurna.

Maklumat seperti di **Jadual 4** dan **Rajah 3** merupakan prestasi pembayaran bil bagi tahun 2023 bagi keseluruhan PTJ di bawah APMM.

BIL	TEMPOH	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
1.	0 – 3 hari	29,952	733,602,139.70	78.99%
2.	4 – 7 hari	7,931	124,559,785.40	20.91%
3.	8 – 14 hari	38	936,547.92	0.10%
4.	Melebihi 14 hari	0	-	0.00%
JUMLAH		37,921	859,098,473.02	100%

Jadual 4 : *Perincian Prestasi Pembayaran Bil Tahun 2023 Mengikut Tempoh Hari*



Rajah 3 : *Maklumat Prestasi Keseluruhan Pembayaran Bil Tahun 2023*

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 29,952 bil telah dibayar dalam tempoh 3 hari atau 78.99%. Manakala 7,931 bil atau 20.91% telah dibayar dalam tempoh 4 hingga 7 hari. Sejumlah 38 bil atau 0.10% dibayar dalam tempoh 8 hingga 14 hari. Secara keseluruhannya, 100% bil di APMM telah dibayar dalam tempoh 14 hari bagi tahun 2023.

Pemantauan dan pematuhan yang berterusan di dalam urusan prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari adalah bertujuan untuk:

- Pematuhan sepenuhnya ke atas Arahan Perbendaharaan (AP) 103 (a);
- Pengurusan pembayaran bil yang cekap dan efisien;
- Pematuhan ke atas peraturan, prosedur dan pekeliling pengurusan kewangan yang sedang berkuatkuasa; dan
- Memastikan pengurusan kewangan di PTJ APMM diuruskan dengan berkesan.

KURSUS ANJURAN BAHAGIAN KEWANGAN DAN BELANJAWAN

Bahagian Kewangan dan Belanjawan (BKB) telah mengadakan Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun APMM pada 10 hingga 12 Julai 2023 bertempat di Institut Pengurusan Peladang, Langkawi, Kedah yang melibatkan seramai 73 orang pegawai yang menguruskan perakaunan pengurusan di 29 PTJ APMM.

Kursus ini diadakan bagi memberikan pendedahan kepada semua PTJ APMM berkaitan pengurusan kewangan dan akaun mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa. Selain itu, ianya bagi memastikan penemuan-penemuan audit dapat dikurangkan dan tidak berulang di masa akan datang.



Ucapan Perasmian Pembukaan oleh YBhg. Dato' Barkhiya bin Shahiruddin, Pengarah Bahagian Kewangan dan Belanjawan, Agensi Penguatkuasaan Maritim bagi Kursus Pegurusan Kewangan dan Akaun APMM pada 10 – 12 Februari 2023



Sesi ceramah bertajuk : "Penemuan Audit Berkaitan Pengurusan Kewangan" oleh Encik Nikrul Tarmizi bin Awalludin, Ketua Audit Dalam Bahagian Audit Dalam, Kementerian Dalam Negeri



Ucapan Sesi ceramah bertajuk: "Pengurusan Terimaan" oleh Puan Sharatul Izane binti Samsudin, wakil Bahagian Akaun, Kementerian Dalam Negeri



Ucapan perasmian oleh YBrs. Encik Khairul Anwar bin Bachok, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) APMM bagi Majlis Penutup Kursus Pegurusan Kewangan dan Akaun APMM pada 12 Februari 2023



Peserta Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun Agensi Penguatkuasaan APMM Pada 10 - 12 Julai 2023

AKTIVITI PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH BAHAGIAN AUDIT DALAM, KEMENTERIAN DALAM NEGERI TAHUN 2023

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku Pegawai Pengawal sentiasa memantau, menyelia serta membantu Agensi di dalam pelaksanaan pengurusan kewangan dan akaun. Pengauditan oleh Bahagian Audit Dalam, KDN ini dijalankan bagi membuat rumusan mengenai tahap pengurusan kewangan Agensi dalam menentukan sama ada:

- Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor serta pengurusan kenderaan;
- Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Skop audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan yang disemak iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan.
Pada tahun 2023, sebanyak dua (2) pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan ke PTJ di bawah APMM seperti di **Jadual 5.**

BIL.	NAMA PTJ	TEMPOH PENGAUDITAN	MARKAH KESELURUHAN
1	MN Kelantan	29 Oktober - 2 November 2023	**CEMERLANG** 5 bintang 95.70%
2	Ibu Pejabat APMM	20 November - 8 Disember 2023	**BAIK** 4 bintang 91.61 %

Jadual 5 : *Senarai PTJ Pengauditan Pengurusan Kewangan*



Sesi Naziran Ibu pejabat untuk Pengurusan Kewangan di MN Kelantan bagi persediaan Sesi Audit Pengurusan Kewangan oleh Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri



Sesi "Exit Conference" Pengauditan Pengurusan Kewangan Ibu Pejabat APMM oleh wakil Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) merupakan salah satu Bahagian di bawah Sektor Pengurusan APMM. Bahagian ini menyediakan perkhidmatan ICT kepada warga APMM dan bertanggungjawab terhadap perkembangan dan penyelarasan program-program ICT di APMM. BTM mempunyai empat (4) fungsi utama iaitu Perancangan Strategik ICT, Pengurusan Aplikasi, Pengurusan Pentadbiran dan Portal ICT dan Pengurusan Infrastruktur ICT. Sepanjang tahun 2023, BTM telah berjaya melaksanakan program-program yang dirancang termasuklah:

BENGKEL SEMAKAN SEMULA DAN VALIDASI PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) ICT APMM 2021 - 2025

Bengkel Semakan Semula dan Validasi Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) ICT APMM 2021 – 2025 telah diadakan pada 17 hingga 19 Oktober 2023 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Seramai 32 peserta yang mewakili semua Bahagian di Ibu Pejabat termasuk Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) telah menyertai bengkel ini.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Laksamana Madya Maritim Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Logistik) APMM. Beliau dalam ucapannya berkata, pembangunan kapasiti APMM perlu seiring dengan perkembangan pesat dunia teknologi maklumat masa kini. Semua program yang melibatkan keperluan sistem dan teknologi perlu diberi keutamaan terutamanya dalam melaksanakan pengoperasian tugas teras agensi di Zon Maritim Malaysia.

Menerusi bengkel yang diadakan, peserta bukan sahaja menilai, malah dapat memberi idea dan cadangan baharu bagi setiap keperluan agensi yang melibatkan kepenggunaan sistem dan teknologi agar ianya selari dan relevan dengan Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2040 dengan merujuk kepada panduan seperti yang terkandung di dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025.





PENGURUSAN LAMAN WEB APMM

Pengurusan Laman Web APMM dikendalikan oleh dua (2) Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal Laman Web APMM yang dipengerusikan oleh Pengarah BTM dan Jawatankuasa Kandungan Laman Web APMM yang dipengerusikan oleh Pengarah Unit Komunikasi Korporat (UKK). Penubuhan kedua-dua Jawatankuasa ini selari dengan Arahan Ketua Pengarah APMM Bil. 5/2017: Penambahan dan Pelantikan Ahli Jawatankuasa ICT APMM dan juga mematuhi Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015: Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam.

Selari dengan perkembangan digitalisasi negara dan ancaman serangan siber yang semakin mencabar, peningkatan keselamatan dan penambahbaikan infrastruktur rekabentuk laman web APMM perlu ditambah baik. Penambahbaikan ini adalah perlu bagi memastikan keupayaan dan kapasiti perkakasan, perisian serta rangkaian dapat menampung transaksi perkhidmatan yang disediakan oleh laman web APMM. Pelancaran laman web APMM kali terakhir telah dibuat pada 14 November 2019. Justeru, pembangunan laman web APMM yang baharu sedang dibangunkan dengan mengambil kira semua aspek teknikal dan kandungan penyampaian maklumat kepada semua pemegang taruh APMM. Pembangunan ini dijangka selesai pada pertengahan tahun 2024.

Pada tahun 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web APMM telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada:

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL LAMAN WEB APMM	
Bil. 01/2023	**2 Oktober 2023**
Bil. 02/2023	**21 Disember 2023**

Manakala, Mesyuarat Jawatankuasa Kandungan Laman Web APMM telah diadakan sebanyak satu (1) kali iaitu pada:

MESYUARAT JAWATANKUASA KANDUNGAN LAMAN WEB APMM	
Bil. 01/2023	**14 November 2023**

Statistik penyampaian maklumat Laman Web APMM Tahun 2023 adalah seperti berikut:



PENGURUSAN MULTIMEDIA

Seksyen Multimedia bertanggungjawab dalam menyediakan produk multimedia seperti video, audio, montaj, poster, grafik bergambar, slaid majlis dan grafik digital dalam menjayakan pelbagai program dan majlis-majlis rasmi Agensi ini. Penghasilan produk multimedia Agensi yang berkualiti adalah suatu inisiatif inovatif yang mencerminkan kredibiliti Agensi dalam menyampaikan pelbagai jenis maklumat pengurusan dan operasi Maritim Malaysia secara informatif dan kreatif kepada masyarakat.

Skop pengurusan kerja multimedia merangkumi reka bentuk produk multimedia, percetakan produk multimedia, perolehan perkhidmatan multimedia, perolehan/penyelenggaraan/pelupusan peralatan aset multimedia (Harta Modal), perolehan perisian multimedia dan perkhidmatan bantuan teknikal multimedia sama ada secara fizikal atau pun di atas talian.

Secara keseluruhan, sepanjang tahun 2023 BTM telah menyediakan perkhidmatan pengurusan multimedia Agensi melibatkan:


55 Bilangan Rekabentuk
Buku Atur Cara / Buku Laporan / Sijil
Kad Jemputan / Poster / Digital
Backdrop / Banner dan Bunting

16 Bilangan Rekabentuk Grafik
Video / Montaj / Teaser

21 Bilangan Majlis Rasmi APMM
(Bantuan Teknikal Multimedia)

PERKHIDMATAN SIDANG VIDEO

Perkhidmatan sidang video terus menjadi medium utama bagi penganjuran mesyuarat, latihan, kursus dan ceramah di APMM. Dalam mendepani cabaran dan tugasan yang semakin mencabar, penggunaan teknologi seperti sidang video telah membantu operasi APMM dalam berkongsi maklumat dengan pantas dan selamat. Ini secara tidak langsung dapat membantu APMM memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap kepada negara dan masyarakat.



Statistik penggunaan sidang video di APMM mengikut bulan sepanjang tahun 2023

PENINGKATAN TALIAN MYGOV*NET

Bagi menyokong keperluan penggunaan rangkaian internet yang semakin bertambah, peningkatan talian MyGov*Net telah dilaksanakan pada tahun 2023 di semua pejabat APMM iaitu pertambahan rangkaian internet kedua.

Di samping itu, pemasangan talian baharu telah dilaksanakan di 8 pejabat APMM seperti jadual di bawah.

NO.	PEJABAT
1	Pejabat PTK Klang
2	Pejabat Bot Zon Maritim Kuala Kedah
3	Pejabat Bot Zon Maritim Tawau
4	Pos Maritim Inderasabah
5	Pejabat Bot Maritim Negeri Pahang
6	Pejabat Bot Kuala Perlis
7	Pejabat Bot Maritim Negeri Selangor
8	Pejabat Bot Zon Maritim Lahad Datu

*Pemasangan talian MyGov*Net baharu*

KURSUS PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI

APMM mempunyai 23 sistem aplikasi yang sedang aktif pelaksanaannya melibatkan 20 sistem aplikasi yang dibangunkan secara *in house* manakala baki 3 sistem aplikasi pula dibangunkan secara *outsource*. Senarai sistem aplikasi APMM adalah seperti di jadual berikut:

SENARAI SISTEM APLIKASI AKTIF 2023 DI APMM	
OPERASI & LOGISTIK	**PENGURUSAN**
1) COSPAS SARSAT (OUTSOURCE) 2) BIM 3) DBSAR 4) DBOPS2.0 5) MYMDI 6) KAD KUASA & KEBENARAN MEMBAWA SENJATA 2.0 7) IRISIK 8) SWASLA LUMUT (OUTSOURCE) 9) SWASLA SABAH (OUTSOURCE)	1) E-LUPUS 2) E-PATUH 3) SPM (GERBANG MARITIM) 4) MBJ 5) XPORTAL NET 6) E-RIZEV 7) E-KUARTERS 8) MCG INTERSYS 9) MCGOL2.0 10) MCG HADIR (WEB BASED) 11) MCG HADIR (MOBILE APP) 12) E-TMWA 13) MCG INFO 14) MCG NEWS

Bagi memastikan pasukan pembangun sistem aplikasi dapat melaksanakan tugasan mereka dengan baik dan lancar, kursus-kursus berkaitan pembangunan sistem aplikasi diadakan dari masa ke semasa mengikut kemahiran semasa yang diperlukan. Berikut adalah kursus-kursus yang telah diadakan pada tahun 2023 iaitu:

Bil	Nama Kursus	Tarikh Mula Kursus	Tarikh Tamat Kursus
1	Code Igniter 4 (CI4)	16 Mei 2023	19 Mei 2023
2	Amchart5 & Gitlab	22 Mei 2023	25 Mei 2023


UNIT INTEGRITI

STATISTIK ADUAN INTEGRITI



Rajah 1: *Aduan Integriti sepanjang tahun 2023*

Sepanjang tahun 2023, Unit Integriti telah menerima sebanyak 46 aduan dan maklumat berkait integriti warga seperti dalam Rajah 1. Suku ketiga tahun 2023 iaitu bulan Julai sehingga September mencatatkan aduan tertinggi iaitu sebanyak 16 aduan diikuti dengan suku tahun pertama dari bulan Januari sehingga Mac dengan aduan sebanyak 13 aduan. Aduan terendah diterima pada suku kedua tahun 2023 dengan aduan sebanyak 6 aduan. Bagi kategori keseluruhan aduan yang diterima seperti yang diringkaskan dalam Rajah 2 di bawah, lebih daripada separuh aduan yang diterima dikategorikan sebagai kesalahan salah laku iaitu sebanyak 24 aduan. Diikuti dengan aduan kesalahan berunsur rasuah sebanyak 8 aduan dan kategori tidak patuh SOP dan lain-lain kategori masing-masing sebanyak 7 aduan. Secara purata, Unit Integriti menerima hampir 4 aduan pada setiap bulan di tahun 2023. Dibandingkan dengan tahun 2022, didapati jumlah aduan integriti yang diterima pada tahun ini adalah rendah namun masih menunjukkan trend yang sama.




Rajah 2: *Kategori aduan*

SALURAN ADUAN




Dalam usaha menggalakkan penyaluran maklumat dan aduan daripada orang awam mahupun warga APMM sendiri, maka Unit Integriti telah menyediakan pelbagai saluran aduan bagi tujuan tersebut. Antara saluran aduan yang terkini adalah seperti Sistem Pelaporan Integriti (InterSys) dan aplikasi *Whatsapp* Unit Integriti selain mengekalkan saluran-saluran lain seperti surat-menyurat, panggilan telefon, e-mel dan aduan secara bersemuka dengan pegawai aduan. Maklumat saluran aduan ini adalah seperti dalam poster di atas.




Rajah 2: *Kaedah penerimaan aduan integriti melalui saluran aduan*

Bagi tahun 2023, medium konvensional melalui surat-menyurat (termasuk surat layang) masih menjadi pilihan utama pengadu dalam membuat aduan dengan lebih daripada separuh aduan yang diterima melalui medium tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan penggunaan saluran atas talian dalam kalangan pengadu termasuklah aplikasi media sosial (*Whatsapp, Facebook* dll.) dan sistem atas talian (SISPAA dan InterSys). Kemudahan aplikasi atas talian ini dijadikan sebagai alternatif memandangkan perkongsian gambar dan video dapat dibuat dengan lebih mudah dan pantas.

STATISTIK TATATERTIB




Rajah 1: *Statistik Bilangan Kes Tatatertib APMM Bagi Tahun 2023*



Rajah 2: Jenis Kesalahan Tatatertib yang Dilaporkan Pada Tahun 2023

Unit Integriti APMM telah menerima laporan perakuan tatatertib bagi kes pelanggaran peraturan/ tatakelakuan sebanyak 29 kes bagi tahun 2023. Merujuk kepada Rajah 1, suku ketiga tahun 2023 iaitu pada bulan Oktober hingga Disember mencatatkan jumlah penerimaan laporan tertinggi iaitu sebanyak 9 kes. Daripada kesemua laporan yang diangkat ke Unit Integriti, sebanyak 16 kes tatatertib telah selesai diambil tindakan dan baki dari jumlah tersebut sedang dalam tindakan penyediaan kertas prosiding. Manakala Rajah 2 menunjukkan jenis kesalahan tatatertib/ pelanggaran tatakelakuan yang dilaporkan di mana pelanggaran di bawah Peraturan 4 (2)(f), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu tidak jujur atau tidak amanah serta cuai mencatatkan sebanyak 8 kes. Lain-lain kes adalah merujuk kepada kes seperti gangguan seksual, kebankrapan/ keterhutangan kewangan yang serius dan lain-lain pelanggaran di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



Rajah 3: *Jenis Hukuman Tatatertib yang DIkenakan Pada Tahun2023*

Rajah 3 menunjukkan statistik hukuman yang dikenakan sepanjang tahun 2023 yang mana hukuman Buang Kerja merupakan hukuman tertinggi yang dikenakan bagi pelanggaran tatakelakuan/ tatatertib yang dilaporkan. Hukuman ini dikenakan bagi kesalahan bermerit tinggi seperti jenayah rasuah, penyalahgunaan dadah dan kesalahan Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC). Agensi memandang serius terhadap kesalahan berikut dan mengenakan hukuman yang paling berat agar ianya menjadi iktibar dan pengajaran kepada semua warga APMM supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

HEBAHAN MENGENAI KEPUTUSAN TINDAKAN TATATERTIB OLEH LEMBAGA TATATERTIB (LTT) DI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)

Mulai tahun 2023, Seksyen Tatatertib telah melaksanakan satu inisiatif baharu iaitu membuat hebahan melalui e-mel mengenai keputusan tindakan tatatertib bagi setiap kes pegawai agensi yang diputuskan oleh Lembaga Tatatertib yang berkenaan.

Pendekatan ini merupakan salah satu usaha agensi dalam memperkukuh integriti di kalangan pegawai. Selain itu, ianya juga bertujuan memberi pengajaran dan peringatan kepada semua warga agensi agar tidak melakukan pelanggaran peraturan dan kesalahan yang boleh menjurus kepada tindakan tatatertib. Adalah diharapkan kawalan tatatertib berdasarkan peraturan dan undang-undang sentiasa diberi perhatian oleh semua peringkat pegawai.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak tiga (3) e-mel hebahan telah dikeluarkan dengan mendapat pelbagai reaksi daripada warga agensi melalui maklum balas yang diterima oleh pegawai-pegawai di Unit Integriti.

SEKSYEN PENGUKUHAN

Program Latihan – Kursus/ Bengkel/ Seminar

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Wacana Integriti Maritime Special Talk (I-Mest) Siri 1/2023 bersama Bank Islam - "Amanah Dijunjung Jasa Disanjung" Penceramah : Ustaz Zul Ramli Mohamed Razali	20 Jun 2023	Auditorium APMM
2.	Kursus Pengukuhan Integriti APMM Tahun 2023	21 hingga 23 Ogos 2023	ILD UiTM Perak
3.	Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat APMM Tahun 2023	10 Oktober 2023	Auditorium APMM







E-Hebahan Integriti – Email, Whatsapp, Facebook & Majalah SEAHAWK

Bil.	Bulan	E-Hebahan Integriti
1.	Mac	Pena Integriti APMM Mac 2023 “Hapuskan Rantaian Rasuah”
2.	April	Pena Integriti APMM April 2023 “Melakukan Pekerjaan Luar Tanpa Kebenaran Adalah Satu Kesalahan”
3.	Mei	Pena Integriti APMM Mei 2023 “Pegawai Tidak Hadir Bertugas”
4.	Julai	Pena Integriti APMM Julai 2023 “Pemilikan Harta Secara Haram”
5.	Ogos	Pena Integriti APMM Ogos 2023 “Penglibatan Pegawai Dalam Politik”
6.	November	Pena Integriti APMM November 2023 “Larangan Penyalahgunaan Dadah”
7.	Disember	Artikel Integriti Majalah SEAHAWK Siri 18/2023 “Bisa Menggugat Kedaulatan (Rasuah)”




MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN
Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395]
CONTOH
1. Berniaga Online
2. MLM, Bitcoin
3. Pemandu Teksi / Uber / Grab
4. Berniaga Pakaian, dll
Pekerjaan Luar tidak boleh dilakukan melainkan dengan kebenaran Ketua Jabatan dengan SYARAT:
TIDAK DILAKUKAN DALAM WAKTU PEJABAT DAN SEMASA DIKEHENDAKI MELAKSANAKAN TUGAS RASMI
TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN HARTA BENDA KERAJAAN UNTUK TUJUAN TERSEBUT
TIDAK MENJEJASKAN KEBERGUNAAN SEBAGAI PENJAWAT AWAM SERTA TIDAK BERCANGGAH DENGAN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN
UNIT INTEGRITI
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
PERMOHONAN KERJA LUAR BOLEH DIBUAT DENGAN MERUJUK ARAHAN KETUA PENGARAH APMM BIL. 6/2019


PEGAWAI
TIDAK HADIR BERTUGAS!!
UNIT INTEGRITI
P.U.(A) 395. PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993
Tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib!
Perenggan 3C(2):
a) Seseorang pegawai yang GAGAL menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya atau mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan dalam peraturan-peraturan ini, hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugas dan tidak bertanggungjawab dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.
Semua Ketua Jabatan diingatkan untuk memantau pegawai bawahannya dan melaporkan dengan segera sebarang ketidakhadiran bertugas kepada Unit Integriti untuk tindakan selanjutnya.


UNIT INTEGRITI
AWAS!!
DADAH PEROSAK KEHIDUPAN
TERJEBAK DADAH AKIBAT PARAH
KATAKAN TIDAK PADA DADAH!!


LARANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH KE ATAS PEGAWAI AWAM
UNIT INTEGRITI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 [P.U.(A) 395/1993]
PERATURAN 7(1):
"SESEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN ATAU MENGAMBIL APA-APA DADAH BERBAHAYA, KECUALI SEBAGAIMANA YANG DIPRESKRIPSIKAN UNTUK KEGUNAANNYA BAGI MAKSUD PERUBATAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN YANG DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA PERUBATAN 1971 ATAU MENYALAHGUNAKAN ATAU MENAGIH APA-APA JENIS DADAH BERBAHAYA"
PERATURAN 7(2):
"JIKA SESEORANG PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN MEMPERAKUI BAHAWA SESEORANG PEGAWAI MENGGUNAKAN ATAU MENGAMBIL, SELAIN BAGI MAKSUD PERUBATAN, SUATU DADAH BERBAHAYA ATAU MENYALAHGUNAKAN ATAU MENAGIH SUATU DADAH BERBAHAYA, PEGAWAI ITU BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DENGAN TUJUAN BUANG KERJA"
KATAKAN TIDAK PADA DADAH!!


PENGLIBATAN PEGAWAI DALAM POLITIK!
Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]
Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dilarang mengambil bahagian dalam politik atau memakai lambang parti politik, khususnya tidak boleh:
Membuat apa-apa pernyataan awam
Menerbit/ mengedar buku/ artikel/ risalah politik
Merayu undi
Menjadi agen pilhan raya atau agen tempat mengundi
Bertanding apa-apa jawatan dalam parti politik
Memegang apa-apa jawatan dalam politik
UNIT INTEGRITI


PEMILIKAN HARTA SECARA HARAM!
UNIT INTEGRITI
"MANA-MANA PEGAWAI AWAM GAGAL MEMBERI PENJELASAN MEMUASKAN BAGAIMANA MEMILIKI LEBIHAN HARTA"
SEKSYEN 36(3) AKTA SPRM
HUKUMAN:
DENDA TIDAK MELEBIHI RM100,000.00 ATAU PENJARA TIDAK LEBIH 10 TAHUN ATAU KEDUA-DUA SEKALI
"AKAN DATANG SUATU ZAMAN SESEORANG TIDAK MEMPEDULIKAN DARI MANA IA MENDAPATKAN HARTA, APAKAH DARI SUMBER YANG HALAL ATAU PUN HARAM"
HADIS RIWAYAT AN-NASA'I

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat (UKK) merupakan unit yang mengawal, menyelia dan bertanggungjawab dalam meningkatkan imej APMM di peringkat nasional dan antarabangsa dengan menjalankan pelbagai aktiviti publisiti dan promosi di platform media konvensional dan digital. Unit ini juga terbahagi kepada dua seksyen seperti berikut,

- Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan
- Seksyen Perancangan Komunikasi dan Multimedia

UKK juga turut membantu melaksanakan pelbagai program gerak saraf dan perang saraf yang dianjurkan oleh Maritim Negeri dan juga Zon Maritim. Selain daripada itu, UKK juga telah merencanakan beberapa Wawancara Khas bagi Pengurusan Tertinggi di Media Elektronik dan Cetak, Pameran Kerjaya, Penerbitan Majalah Sea Hawk, Hari Bersama Pelanggan, Preventice SAR / Latihan SAREX dan Program Sahabat Maritim / Khidmat Komuniti / Hari Terbuka APMM.

SEKSYEN PERHUBUNGAN AWAM DAN KHIDMAT PELANGGAN

Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan telah melaksanakan aktiviti promosi dan publisiti Maritim Malaysia seperti mengeluarkan kenyataan media, sidang media, pameran Agensi, pameran kerjaya, hari bersama media, perhubungan media atau *engagement* bersama organisasi media dan lain- lain.

PAMERAN

Sebanyak 20 pameran telah dilaksanakan oleh Tim Pameran Ibu Pejabat iaitu 1 pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition* 2023 (LIMA 223) di Pulau Langkawi, Kedah pada 23 - 27 Mei 2023, 2 pameran minggu Maritim Sedunia, 2 Pameran Program MADANI KDN yang dianjurkan oleh Kementerian Dalam Negeri bertempat di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dan Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Manakala 17 pameran Kerjaya APMM oleh tim pameran Ibu Pejabat.

Bagi Maritim Negeri Serawak pula sebanyak 9 pameran, Maritim Negeri Selangor sebanyak 8 pameran dan diikuti oleh Maritim Negeri Pahang sebanyak 7 pameran, Maritim Negeri Kedah/Perlis sebanyak 5 pameran manakala Maritim Negeri Melaka/Negeri Sembilan, Maritim Negeri Johor, Maritim Negeri Pulau Pinang dan Maritim Negeri Kelantan sebanyak 3 pameran dan 1 pameran dari Maritim Negeri Perak dan Maritim Negeri Sabah.

BIL	NEGERI	JUMLAH	BIL	NEGERI	JUMLAH	BIL	NEGERI	JUMLAH
1	Kedah/Perlis	5	5.	Pahang	7	9.	Melaka/N9	3
2	P.Pinang	3	6.	Terengganu	-	10	Sabah	1
3	Perak	1	7.	Kelantan	3	11.	Johor	3
4	Selangor	8	8.	Sarawak	9	12	Ibu Pejabat	20
Jumlah								**63**

LIPUTAN MEDIA

UKK juga telah menguruskan pemantuan berita bagi semua liputan media berkaitan dengan APMM. Pada tahun 2023 sebanyak 10,901 liputan yang mencakupi berita Penguatkuasaan, CARILAMAT dan lain - lain.

PENGUATKUASAAN	4,684 LIPUTAN
CARILAMAT	3,762 liputan
Lain - Lain	2,455 liputan

Manakala pecahan bagi Statistik Liputan Media melalui Media Online, Media Cetak, Elektronik (TV) dan Radio sebanyak 10,901 liputan seperti berikut:

MEDIA ONLINE	7,729 LIPUTAN
Media Cetak	2,370 liputan
Media Elektronik (TV)	612 liputan
Radio	190 liputan

PECAHAN MENGIKUT KATEGORI

Bagi pecahan liputan berita/rencana mengikut negeri terbahagi kepada tiga kategori iaitu Penguatkuasaan, CARILAMAT dan lain- lain aktiviti.

Berita penguatkuasaan mendapat liputan tertinggi iaitu sebanyak 4,684 liputan, dengan didominasikan oleh berita mengenai tangkapan kapal dagang, bot nelayan asing, PATI dan penyeludupan. Berita mencari dan menyelamat, menerima sebanyak 3,762 liputan.

Berita-berita lain, merangkumi segala aktiviti yang dijalankan sepanjang 2023 di semua Maritim Negeri, AMSAS dan Stesen Udara Maritim Subang sebanyak 2,455 liputan.

ADUAN APMM

Aduan yang diterima oleh APMM pada tahun ini sebanyak 53 yang melibatkan penguatkuasaan sebanyak 20 kes yang melibatkan pencerobohan, langgar syarat lesen, penyeludupan dan pelbagai. Manakala diikuti kes Intergriti sebanyak 18 kes, Aduan sumber manusia sebanyak 11 kes dan aduan pengurusan sebanyak 3 kes manakala 1 kes kewangan.

Aduan - aduan tersebut akan diselesaikan mengikut tempoh penyelesaian aduan yang ditetapkan 15 hari berkerja.

Sumber - sumber aduan ini disalurkan melalui aduan seperti SISPA MMEA (41), SISPA BPA (3), SISPA KDN (2), SISPA JPA (1), SISPA SPA (3) dan SISPA MOD (2).

Tempoh Penyelesaian Aduan :



SEKSYEN PERANCANGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Seksyen ini merupakan seksyen yang memantau dan bertanggungjawab mengenai imej dan persepsi agensi menerusi media sosial seperti Facebook, Instagram, Youtube, Twitter, Tik Tok dan lain- lain. Sebanyak 193 penerbitan dihasilkan melalui video dan e-poster serta infografik pada tahun ini.

Antara penerbitan yang terbitkan adalah rangkuman Berita Bulanan (4), Laporan Khas (0), Video Pendek /Pesanan Khidmat Awam (21), MCG Highlight (48) dan
Program Siaran Langsung (40).

Manakala sebanyak 80 penerbitan E-Poster dan Infografik mengenai agensi merangkumi Kempen Kesedaran Di Laut dan Umum serta lainnya.

Jadual 1 adalah Saluran Penerbitan seperti dibawah.

BIL	SALURAN PENERBITAN	JUMLAH
1	Berita Bulanan	4
2	Laporan Khas	0
3	Video Pendek / Pesanan Khidmat Awam	21
4	MCG Highlight	48
5	Poster / Infografik	80
6	Program Siaran Langsung	40
Jumlah		**193**

JALINAN KERJASAMA

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN PENYELARASAN MARITIM (BPPM)

CAWANGAN DASAR OPERASI

Satu lawatan oleh Pasukan Penyelidik Indeks Keselamatan Kebangsaan (IKK) UiTM ke Maritim Negeri Selangor pada yang diringi oleh Laksamana Pertama Maritim V.Pannir Selvan a/l Veloo, Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim pada 5 Januari 2023. Tujuan lawatan adalah memberikan pendedahan dan gambaran pengoperasian dan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh APMM.





KUNJUNGAN HORMAT OLEH ATASE PERTAHANAN UAE

Laksamana Muda Maritim Aminuddin bin Hj Abdul Rashid, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim telah menerima satu kunjungan hormat daripada Kolonel Saeed Muhamed Saeed Al Zaabi, Military Attache, dari Embassy of The United Arab Emirates (UAE), Kuala Lumpur pada 22 Ogos 2023. Pertemuan ini adalah bagi membincangkan peluang kerjasama yang boleh dijalin antara APMM dan UAE National Guard terutamanya dalam penguatkuasaan, latihan dan CARILAMAT.





MESYUARAT OPERASI APMM (MOA)

Mesyuarat Operasi APMM (MOA) yang ke Bil 38 & 39 di Genting Highland dan Cameron Highland. Mesyuarat Penyelarasan Operasi yang diadakan dua (2) kali setahun ini melibatkan Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan di peringkat Ibu Pejabat dan Pengarah Maritim Negeri.

Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menyelaras perlaksanaan operasi dan penguatkuasaan di peringkat strategik bagi memenuhi kepentingan nasional berkaitan keselamatan dan ketenteraman di Zon Maritim Malaysia. Mesyuarat ini menjadi platform ke arah pemerkasaan operasi dan penguatkuasaan serta perundangan kepada pegawai-pegawai Maritim Malaysia dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan di peringkat operasi dan taktikal.





FORUM PEMIKIRAN STRATEGIK APMM SIRI 01/2023

Forum Pemikiran Strategik APMM Siri 01/2023 telah dilaksanakan di Auditorium Ibu Pejabat APMM Putrajaya. Program ini merupakan satu platform perbincangan mengenai halatuju APMM ke arah organisasi yang lebih fokus dan bersepadu sesuai dengan cabaran era globalisasi pada masa kini.

Perbincangan secara ilmiah ini juga adalah merupakan usaha Agensi di dalam menentukan tindakan yang perlu diambil pada masa akan datang bagi mencapai visi dan misi Agensi sesuai dengan konsep Maritime Domain Awareness (MDA). Selain itu, ianya dapat menyemarakkan budaya ilmu pengetahuan dan mengalu-alukan pemikiran kritis dan rasional di kalangan pegawai-pegawai APMM.





MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) *BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF AUSTRALIA ON MARITIME ENFORCEMENT CO-OPERATION*

Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi memuktamadkan draf MoU ini dan kali terakhir ia diadakan adalah pada 14 November 2023 bertempat di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh wakil Bahagian Undang-undang.

Melalui mesyuarat tersebut, terdapat lima (5) pindaan sahaja yang dicadangkan oleh pihak Australia untuk diperhalusi. Secara keseluruhannya, MoU bersama Australia ini dijangka akan dimuktamadkan dan ditandatangani pada suku ketiga 2024.





MEMORANDUM OF COOPERATION (MOC) *BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE MINISTRY OF LAND, INFRASTRUCTURE, TRANSPORT AND TOURISM OF JAPAN IN THE FIELD OF MARITIME SAFETY AND SECURITY*

BPPM telah mengadakan mesyuarat secara fizikal bersama wakil Jepun pada 22 Novemver 2023 yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sebagai makluman, perbincangan bersama pihak Jepun telah bermula pada tahun 2021 akan tetapi terdapat beberapa klausa yang tidak dapat di muktamadkan atas kekangan *jusridiction* oleh kedua-dua agensi.

Walau bagaimanapun, pihak Jepun telah bersetuju untuk mengemukakan draf terkini kepada pihak Malaysia berdasarkan proposal yang telah dikemukakan oleh pihak Malaysia pada 7 Ogos 2023. Secara dasarnya, MoC bersama pihak Jepun perlu melalui beberapa proses penting dan panjang seperti ulasan dari kementerian berkaitan, Attorney General's Chambers (AGC) sebelum di muktamadkan oleh kedua-dua pihak.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING THE GOVERNMENT OF MALAYSIA BETWEEN KOREA COAST GUARD (KCG) *IN SEARCH AND RESCUE*

APMM telah menerima permohonan dari pihak Korea Coast Guard bagi menjalinkan kerjasama dalam bidang *search and rescue*. Perbincangan kedua-dua negara telah berjaya dilaksanakan pada 13 Disember 2023 bertempat di Ibu Pejabat APMM. Secara prinsipnya, APMM menyambut baik hasrat ini dalam memantapkan pengendalian insiden kecemasan yang berlaku di kawasan tanggungjawab Malaysia.



ASEAN-CHINA JOINT WORKING GROUP ON THE IMPLEMENTATION OF THE DECLARATION ON THE CONDUCT OF PARTIES IN THE SOUTH CHINA SEA – 2ND WORKSHOP ON MARITIME LAW ENFORCEMENT AGENCIES COOPERATION

Wakil BPPM telah menghadiri bengkel ASEAN-CHINA Joint Working Group On The Implementation Of The Declaration On The Conduct Of Parties In The South China Sea pada 19 hingga 22 September 2023 bertempat di Inter Continental Hotel, Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti bidang kerjasama yang berpontensi di kalangan Agensi Penguatkuasa Maritim dalam mengurangkan ketegangan di kawasan tuntutan bertindih di Laut China Selatan disamping sebagai medium untuk bertukar pendapat dan pandangan dalam menangani setiap insiden yang berlaku di perairan ASEAN.

Kepten (M) Shahref Steve Mac Queen bin Abdullah telah membentangkan kertas pemakluman dalam bengkel tersebut yang turut dihadiri oleh semua negara-negara ASEAN.





CAWANGAN PENYELARASAN OPERASI MARITIM (CPOM)

Kunjungan Hormat Ke Atas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman

Laksamana Muda Maritim Aminuddin bin Haji Abdul Rashid telah melaksanakan kunjungan hormat ke atas Commissioner Polis, Dato' Sri Kamaruddin Bin Md Din, Pengarah JSJN PDRM bertempat di Pejabat JSJN, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada 4 Oktober 2023.

Kunjungan ini adalah bagi menjalin hubungan kerjasama yang baik dan membincangkan pelaksanaan operasi bersama yang akan dirancang dan dilaksanakan pada masa akan datang antara APMM dengan PDRM.

Operasi bersama yang dicadang dan dirancang akan dilaksanakan ialah operasi ke atas Pencegahan dan Penyekatan Pengedaran Haram Dadah dan Narkotik. Sebagai Tambahan, Pihak APMM akan memberikan bantuan dan sokongan berkaitan aset-aset di laut seperti kemudahan vessel, bot dan radar bagi menjayakan operasi yang akan dilaksanakan kelak. Perkongsian risikan dan informasi berkaitan pengedaran dadah juga akan dikemaskini bagi maksud pencapaian dan objektif operasi.





MESYUARAT JAWATANKUASA KERJASAMA KERJA APMM-TLDM (JKAT) BIL. 15/ 2023

Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Kerja APMM-TLDM (JKAT) Bil. 15/ 2023 telah dipengerusikan bersama oleh YBhg. Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain, Timbalan Panglima Tentera Laut selaku Pengerusi Bersama JKAT TLDM dan YBrs. Laksamana Madya (M) Datuk Hamid bin Hj. Mohd Amin, Timbalan Ketua Pengarah Operasi APMM selaku Pengerusi Bersama JKAT APMM di bilik Mesyuarat Marlin di Ibu Pejabat Maritim Malaysia, Putrajaya pada 2 November 2023.

EKSESAIS SAMUDERA PERKASA BARAT SIRI 6/ 2022

Eksesais Samudera Perkasa Barat Siri 6/ 2022 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya di antara APMM dan TLDM. Eksesais ini telah diadakan bermula pada 17 hingga 23 Oktober 2023 bertempat di AMSAS dan MAWILLA 1 serta Perairan Laut China Selatan (Pulau Tioman).

Eksesais kali ini lebih memberi penekanan terhadap aspek *interoperability* (kebolehoperasian) antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam melaksanakan operasi secara bersama ketika waktu aman mahupun konflik.

Tema eksesais pada kali ini memberi pengenalan kepada elemen peperangan asimetrik dan konvensional kepada APMM selain aspek navigasi, ilmu kelautan, serta konsep mencari dan menyelamat (SAR) yang masih dikekalkan.





PERBINCANGAN MEWUJUDKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJASAMA (JK) ANTARA APMM DENGAN JBPM

Perbincangan Mewujudkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama (JK) antara APMM dengan JBPM hasil perbincangan, kedua-dua pihak bersetuju untuk membuat draf TOR bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama (JK) yang akan diadakan setiap tahun secara bergilir dan dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah masing-masing. Turut disentuh adalah berkaitan usaha sama atau latih amal untuk memantapkan komunikasi serta kefahaman kedua-dua pihak pada 7 November 2023.

MESYUARAT PERINGKAT SEKRETARIAT APMM DAN JKDM

Mesyuarat Peringkat Sekretariat APMM dan JKDM di Ibu Pejabat JKDM kedua-dua pihak membuat semakan akhir deraf Term of Reference (TOR) bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Induk (JKI) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Kerja (JKK) sebelum diangkat untuk pemakluman serta persetujuan peringkat tertinggi kedua-dua perkhidmatan pada 21 Februari 2023.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk (JKI) akan dipengerusikan oleh kedua-dua Ketua Pengarah dan dijangka akan diadakan pada bulan Mei 2024 di Ibu Pejabat APMM, Putrajaya dan disusuli dengan majlis pengesahan TOR oleh kedua-dua Agensi.

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJASAMA APMM DAN JLM BIL. 5/ 2023

Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama APMM dan JLM Bil. 5/ 2023 telah dilaksanakan bertempat di Bilik Mesyuarat Marlin, Ibu Pejabat APMM, Putrajaya dan telah dipengerusikan secara bersama oleh Pemangku Ketua Pengarah APMM dan Ketua Pengarah JLM pada 8 Ogos 2023.

PROGRAM TAKLIMAT PERUNDANGAN KEPADA AGENSI PENGUATKUASA SEMPADAN NEGERI KELANTAN ANJURAN KPDN DAN RONDAAN PEMANTAUAN DI PERAIRAN NEGERI KELANTAN

Pada 10 Oktober 2023 bertempat di Dewan Putri Sa'adong, Hotel Grand View, Kota Bahru, Kelantan. YBhg Laksamana Pertama Maritim Zulinda binti Hj Ramly, Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim (BPPM) telah menghadiri jemputan program taklimat perundangan kepada Agensi Penguatkuasa Sempadan Negeri Kelantan yang dianjurkan secara

bersama oleh Ibu Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Putrajaya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Kelantan. Seterusnya pada 11 Oktober 2023, YBhg Timbalan Pengarah BPPM bersama bersama YBhg. Tuan Aris bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (BP KPDN) melaksanakan rondaan pemantauan di perairan Negeri Kelantan.





SEMINAR AKTA PENGUATKUASAAN MARITIM TAHUN 2022

APMM mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Penguatkuasaan Maritim Siri 2/ 2023 yang bertujuan memperkasakan kolaborasi penguatkuasaan antara agensi bagi membanteras dan memerangi jenayah maritim rentas sempadan.

Seminar yang dilaksanakan secara hybrid ini melibatkan penyertaan daripada Maritim Malaysia, Pasukan Polis Marin, Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Jabatan Perikanan (DOF), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).





Beberapa kertas kerja berkaitan cabaran dalam penguatkuasaan serta perundangan turut dibentangkan oleh agensi terlibat bagi perbincangan secara dua hala di samping menjadi forum perkongsian maklumat serta kepakaran antara agensi penguatkuasaan maritim.

Memorandum Persefahaman antara APMM dan PETRONAS

APMM dan PETRONAS telah menjalinkan kerjasama trategik melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuhkan kerjasama keselamatan maritim khususnya di kawasan pelantar minyak. Memorandum persefahaman ini telah ditandatangani dalam satu majlis tandatangan pada 11 Ogos 2023 bertempat di menara berkembar PETRONAS (KLCC) yang disempurnakan oleh YBhg Laksamana Maritim Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Logistik, menanggung tugas Ketua Pengarah APMM dan YBhg Dato' Sri Zulkifli bin Abdullah, Pengurus Besar Kanan,

Keselamatan Kumpulan PETRONAS. Memorandum ini adalah berkaitan dengan pengurusan risiko keselamatan ke atas aset-aset berkepentingan PETRONAS yang berada di dalam Zon Maritim Malaysia.



MAJLIS PENERIMAAN SUMBANGAN BODY WORN CAMERA (BWC) OLEH BSN

Kerjasama Strategik antara APMM dan BSN telah lama terjalin sejak pada tahun 2015. Melalui kerjasama ini, pihak BSN telah menyumbangkan sebanyak 5 buah BWC kepada APMM. Majlis penyerahan BWC oleh pihak BSN kepada APMM telah dilaksanakan pada 20 Julai 2023 bertempat di Ibu Pejabat APMM, Putrajaya.

Kerjasama APMM dan BSN telah terjalin melalui kerjasama berkaitan pengiringan dan penyediaan aset untuk tujuan penghantaran dan/ atau pengambilan tunai CIT BSN oleh pasukan keselamatan BSN yang telah diberi kuasa untuk melaksanakan tugas CIT BSN ke Cawangan BSN Pulau Tioman. APMM melaksanakan tugas ini berdasarkan tanggungjawab sosial/ korporat bagi membantu komuniti Maritim di pulau tersebut.





OP MARDOF

OP MARDOF merupakan operasi bersama antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). OP MARDOF telah diadakan bermula pada 13 Mac hingga 23 Jun 2023 membabitkan 5 sektor kawasan operasi iaitu Utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang), Barat (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor), Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Sabah dan Sarawak.

OP MARDOF antara APMM dan DOF ini dilaksanakan membabitkan beberapa fasa iaitu fasa pengenalan (sesi taklimat), fasa operasi di laut, fasa pemeriksaan di jeti, sesi *Non-Operational Engagement* (Sukan persahabatan) dan fasa debrief. Operasi ini adalah hasil kerjasama APMM dan

DOF dan arahan Mesyuarat Khas Pasca Kabinet Kementerian Dalam Negeri Bil.3/2021 bertarikh 6 Mei 2021. Seramai 103 orang nelayan termasuk 39 warga asing berjaya ditahan menerusi OP MARDOF kali ini dan sebanyak 525 unit peralatan menangkap ikan telah disita dan nilai sitaan dianggarkan berjumlah RM100,000.00.



OP KASMAR

OP KASMAR telah diadakan bermula pada 26 hingga 29 September 2023 di Zon Maritim Labuan. Operasi bersama antara APMM dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ini adalah yang julung kalinya diadakan bagi mengukuhkan persefahaman dan kerjasama antara dua agensi.

OP KASMAR ini dijalankan rentetan daripada kunjungan hormat oleh YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pematuhan/ Penguatkuasaan) ke atas YBhg. Datuk Timbalan Ketua Operasi APMM bertempat di Ibu Pejabat APMM Putrajaya dan telah memutuskan keperluan melaksanakan operasi secara bersama antara APMM dan JKDM bagi tujuan penguatkuasaan dan kolaborasi bersama. Melalui OP KASMAR ini, sebanyak 27 pemeriksaan telah dilaksanakan yang melibatkan pemeriksaan bot Nelayan tempatan, Bot Tunda, Feri dan Jeti-Jeti.



MESYUARAT TPOM KE-31 TAHUN 2023

Mesyuarat TPOM Ke-31 Tahun 2023 telah dilaksanakan pada 10-12 Mei 2023 di Batam, Indonesia. Dalam sesi ini turut diadakan Majlis Menandatangani PROTAP PATKOR MARITIM TPOM MALINDO. APMM adalah selaku Ketua TPOM bagi pihak Malaysia.





OPERASI PATKOR OPTIMA

PATKOR OPTIMA Siri 30A telah dilaksanakan pada 4 hingga 6 Julai di Batam, Indonesia. Dalam Siri 30A ini, pelaksanaan Operasi PATKOR OPTIMA adalah bermula pada 5 Julai 2023 dan berakhir pada 14 Julai 2023. Fokus operasi bersama ini adalah di sekitar Perairan Selat Melaka.





PATKOR OPTIMA Siri 30B diteruskan menerusi pelaksanaan operasi bersama di Perairan Selat Melaka bermula pada 6 hingga 15 September 2023. Malaysia selaku tuan rumah bagi Siri 30B telah menganjurkan Majlis Penutup bagi Siri 30B di Genting Highland, Pahang pada 18 hingga 20 September 2023.

Fasa Laut PATKOR OPTIMA MALINDO Siri 30A/ 2023:







Fasa Laut PATKOR OPTIMA MALINDO Siri 30B/ 2023:







KEJAYAAN KERJASAMA OPERASI TPOM MALINDO 2023

Kerjasama dua hala Agensi Penguat kuasa Malaysia dan Indonesia menunjukkan satu pencapaian yang membanggakan dalam situasi sebenar apabila pihak BAKAMLA, Indonesia memohon bantuan APMM dalam melaksanakan kejar buru kapal MT ARMAN 114 yang berakhir dengan kejayaan penahanan kapal tersebut.

Kapal MT ARMAN 114 disyaki telah melakukan pemindahan minyak secara haram di perairan Bintan, Indonesia. Operasi ini berlaku pada 7 Julai 2023 di sekitar Perairan Timur Semenanjung Malaysia.





OPERASI REDBACK 18

Kerjasama APMM dan Australia Border Force (ABF) diteruskan dengan Operasi REDBACK 18. Operasi ini telah dimulakan dengan pelaksanaan Majlis Berbuka Puasa bersama Komuniti Nelayan Kota Tinggi, bertempat di Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor. Seterusnya adalah pemberian sumbangan peralatan keselamatan kepada Persatuan Nelayan Tg. Sedili Kechil, Tg. Sedili Besar dan Pengerang pada 8 hingga 10 Mei 2023.

Bengkel OP REDBACK - *Foundation Intelligence Concepts* dan Fasa Operasi Laut turut dilaksanakan pada 8 hingga 10 Mei 2023 di Zon Maritim Tanjung Sedili, Johor. OP REDBACK 18 ditutup secara rasmi pada 11 Mei 2023.





MESYUARAT 78TH *COMBINE MARITIME WORKING GROUP* (78TH CMWG)

Mesyuarat 78th CMWG telah dilaksanakan mulai 9 hingga 11 Mei 2023 bertempat di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang di mana Malaysia merupakan pihak penganjur. Mesyuarat ini dipengerusikan secara bersama oleh Laksamana Muda Farizal Myeor, Panglima Wilayah Laut 1 dan Vice Admiral Charatkiat Chaiphan, RTN, Commander 2nd Naval Area Command. Mesyuarat ini turut disertai secara bersama oleh *counterpart* daripada setiap agensi seperti Ketua Staf Markas Wilayah Laut 3 bersama Deputy Commander 3rd Naval Area Command, Komander Polis Marin Bukit Aman bersama Commander Thai Marine Police Division, Thai Marine Police Headquarters dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasaan Maritim Malaysia bersama Deputy Director, International Coordination Division, Thai Maritime Enforcement Command Center (THAI-MECC).





MESYUARAT 79TH COMBINE MARITIME WORKING GROUP (79TH CMWG)

Mesyuarat 79th CMWG pada mulanya dirancang mulai 6 hingga 8 September 2023, namun, terpaksa ditunda kepada 25 - 27 September 2023 disebabkan oleh kepadatan aktiviti semasa melibatkan ahli-ahli daripada agensi-agensi maritim yang terlibat di dalam mesyuarat dalaman negara. Mesyuarat ini telah dilaksanakan di Lee Garden Plaza Hotel, Hatyai dan ianya adalah anjuran pihak Thailand serta timbal balas terhadap Mesyuarat 78th CMWG. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengerusi yang sama seperti mesyuarat 78th CMWG. Wakil APMM dalam mesyuarat ini adalah Kepten Maritim Syed Nor Adli bin Syed Ab Rahman, Pengarah Maritim Negeri Kelantan.





CAWANGAN LATIHAN OPERASI (CLO)

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN KAPAL (PTKK)

PTKK dilaksanakan adalah bertujuan untuk menilai tahap kecekapan dan kesiagaan warga kapal yang merangkumi tatacara pengendalian evolusi, peralatan dan langkah-langkah keselamatan serta pelaksanaan tugas-tugas penguatkuasaan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Pada tahun ini terdapat 2 siri program PTKK yang telah dilaksanakan iaitu yang pertama adalah PTKK ke atas KM BURAU dan KM SIKUATI di Maritim Negeri Pulau Pinang pada 07 hingga 11 Ogos 2023. Manakala siri yang kedua adalah pelaksanaan PTKK KM RHU dan KM JEPAK di Zon Maritim Miri, Maritim Negeri Sarawak telah dilaksanakan pada 06 hingga 10 September 2023.








PELAKSANAAN PROGRAM VALIDASI

Program Validasi merupakan satu program lanjutan yang dilaksanakan ke atas kapal-kapal yang telah selesai menjalani PTKK pada tahun sebelumnya. Objektifnya adalah bagi memastikan segala teguran dan penambahbaikan selepas laporan PTKK dikeluarkan telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh pegawai dan anggota kapal tersebut.

Pada tahun ini terdapat 3 Program Validasi yang telah berjaya dilaksanakan iaitu Validasi ke atas KM PEKAN di Maritim Negeri Pahang yang dilaksanakan pada 06 Mac 2023. Manakala Validasi ke atas KM NUSA dan KM REDANG telah dilaksanakan pada 01 dan 03 November 2023 di Maritim Negeri Terengganu.






AUDIT KESIAGAAN OPERASI (PEMERIKSAAN MENGEJUT)

Audit dilaksanakan secara rawak ataupun melalui arahan Pengurusan Tertinggi ke atas Maritim Negeri & Zon Maritim bagi menilai tahap kesiagaan operasi secara menyeluruh berkaitan sistem pengoperasian seperti pusat operasi (PUSOP), stor senjata, pejabat bot, jeti kapal dan bot. Menerusi injek operasi yang diberikan bagi memastikan Perintah Tetap Ketua Pengarah APMM, Bahagian Operasi, Bab B serta arahan yang telah ditetapkan dipatuhi. Pemeriksaan tersebut di lakukan ke atas mana-mana Maritim Negeri, Zon Maritim, kapal dan bot.

Pada tahun ini terdapat 6 Audit Kesiagaan Operasi yang berjaya dilaksanakan iaitu di Maritim Negeri Terengganu pada 07 Mac 2023, Maritim Negeri Pahang dan Pangkalan Maritim Teluk Gading pada 08 Mac 2023, Zon Maritim Mersing dan Zon Maritim Tanjung Sedeli pada 09 Mac 2023 dan yang terakhir adalah di Zon Maritim Miri yang dilaksanakan pada 04 September 2023.

EKSESAIS MARITIM PERKASA

Eksesais Maritim Perkasa merupakan latihan yang terbesar dalam APMM. Latihan ini dilaksanakan setahun sekali dengan objektif bagi mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan aset-aset APMM, di samping memperagakan kehadiran APMM dan mempamerkan eleman cegah rintang di Zon Maritim Malaysia. Eksesais ini diadakan di mana-mana Maritim Negeri yang terpilih.

Pada tahun ini, terdapat 3 Eksesais yang telah berjaya dilaksanakan iaitu yang pertama adalah Eksesais Maritim Perkasa siri 1/ 2023 telah berjaya dilaksanakan pada 15 Februari 2023 bersempena sambutan Hari Ulang Tahun APMM yang ke 18 di Sandakan, Sabah. Eksesais yang kedua adalah Eksesais Maritim Perkasa Timur 1/2023 yang dilaksanakan pada 28 Oktober hingga 04 November 2023 yang meliputi perairan Sabah dan Sarawak.





Eksesais yang ketiga adalah Eksesais Maritim Perkasa Siri 6/2023 Barat yang telah berjaya dilaksanakan pada 26 November hingga 03 Disember yang meliputi Perairan Selangor, Perak dan Langkawi. Menambah seri dalam eksesais ini adalah kehadiran kapal OPV 1 yang turut sama belayar bagi melaksanakan fasa *Sea Trial*.

CAWANGAN KESELAMATAN PREMIS DAN LOKAP (CKPL)

Pelaksanaan Audit Keselamatan Premis di lima (5) lokasi:

Pelaksanaan Audit Keselamatan Premis di Ibu Pejabat Maritim Negeri Melaka dan Negeri Sembilan telah dilaksanakan pada 28 Feb 2023.



Pelaksanaan Audit Keselamatan Premis di Ibu Pejabat Maritim Negeri Sarawak telah dilaksanakan pada 13 Mac 2023.



Pelaksanaan Audit Keselamatan Premis di Stesen Udara Maritim Subang telah dilaksanakan pada 13 April 2023.



Pelaksanaan Audit Keselamatan Premis di Ibu Pejabat Maritim Negeri Perak telah dilaksanakan pada 7 November 2023.



Pelaksanaan Audit Keselamatan Premis di Pejabat Zon Maritim Labuan telah dilaksanakan pada 14 November 2023.



PENYELARASAN PROGRAM LAWATAN TAPAK OLEH TIM NAZIRAN SASARAN PENTING (TNSP)

Penyelarasan Program Lawatan Tapak oleh Tim Naziran Sasaran Penting (TNSP) bagi Cadangan untuk Menyenaraikan Instalasi Abu Bakar Maritime Base (ABMB) sebagai Sasaran Penting Negara pada 15 Mac 2023. Lawatan ini penting bagi pihak Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) menyediakan satu Kertas Cadangan berhubung penyenaraian ABMB sebagai Sasaran Penting Negara.



BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL KURSUS KESELAMATAN PREMIS DAN TAHANAN

Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan pada 1 hingga 4 Ogos 2023 di Institut Latihan Islam Malaysia. Pelaksanaan bengkel ini adalah untuk memperkenalkan tatacara pembangunan *(Training Needs Analysis)* untuk Kursus Keselamatan Premis dan Tahanan APMM.



KURSUS KESELAMATAN PREMIS DAN TAHANAN (LLP)

Kursus ini telah dilaksanakan pada 5 dan 6 September 2023 juga di Institut Latihan Islam Malaysia. Pelaksanaan kursus ini adalah untuk mendapatkan perkongsian ilmu daripada pegawai agensi luar seperti PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysua (JBPM) dan CGSO yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam pengurusan tahanan, ekshibit, sasaran penting, dan aspek keselamatan kebakaran.



BENGKEL HANDS-ON SISTEM E-VETTING APMM

Pelaksanaan Bengkel Hands-On Sistem e-Vetting APMM ini telah diadakan pada 4 dan 5 Oktober 2023. Pelaksanaan bengkel ini adalah untuk melatih Pengesah Jabatan yang baharu secara *hands-on* agar dapat membantu pegawai pemohon yang terlibat dapat menyelesaikan urusan permohonan dengan lancar.



BENGKEL LATIHAN PENGGUNA SISTEM E-LOKAP APMM

Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan pada 30 Oktober hingga 1 November 2023 di Ibu Pejabat APMM, Putrajaya. Pelaksanaan bengkel ini adalah untuk melatih pegawai dan anggota menggunakan peralatan dan perkakasan yang dibekalkan bagi pengendalian Sistem e-Lokap APMM bagi proses penyimpanan rekod biometrik cap jari dan gambar tahanan.



LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN IOI SQUARE DAN DAEHAN HOSPITAL

Pelaksanaan Latihan Pengungsian Bangunan bersama pihak pengurusan IOI Square dan Daehan Hospital dan dipantau oleh pihak Bomba Cyberjaya pada 27 September 2023. Seramai 453 orang terdiri daripada warga Ibu Pejabat APMM, Daehan Hospital dan staf IOI berjaya keluar daripada bangunan. Pihak BOMBA Cyberjaya memberi taklimat setelah latihan pengungsian bangunan selesai dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan.





MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN SISTEM E-LOKAP APMM

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan Perkakasan dan Perisian Sistem e-Lokap APMM ini telah dilaksanakan pada 4 Disember 2023. Pengerusi dan semua ahli mesyuarat bersetuju dan memperakui bahawa pihak Syarikat Forziq Sdn. Bhd. telah selesai malaksanakan pembekalan bagi perolehan ini sepenuhnya termasuk penghantaran 28 set Perkakasan dan Perisian ke 28 lokasi iaitu di Ibu Pejabat APMM Putrajaya, semua Pejabat Maritim Negeri dan semua Pejabat Zon Maritim.





AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH (AMSAS)

40 PALAPES UMP SERTAI HARI KESEDARAN KESELAMATAN MARITIM (HKKM) tahun 2023 DI AMSAS

Seramai 40 ahli Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menyertai Program Kesedaran Keselamatan Maritim (HKKM) bertempat di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) pada 7 Jun 2023. Program ini melibatkan sesi taklimat berkaitan CARILAMAT Maritim, pameran peralatan dan teknologi menyelamat, demonstrasi penyelamatan bawah air *(under water rescue)* oleh Skuadron Selam AMSAS serta taklimat kerjaya. Majlis penutup kursus telah disempurnakan oleh Kepten (M) Haris Fadzillah bin Abdullah mewakili Pengarah AMSAS. Antara objektif program ini ialah untuk:

- Memberi pendedahan dan pengetahuan tentang tanggungjawab, peranan dan fungsi APMM sebagai peneraju CARILAMAT Maritim di Malaysia;
- Memberi pendedahan dan penekanan mengenai aspek keselamatan apabila melakukan aktiviti di air/laut melalui pengajaran yang diambil dari insiden SAR yang telah berlaku;
- Memperkenalkan peralatan keselamatan yang boleh digunakan ketika kecemasan dan teknologi CARILAMAT yang digunapakai oleh APMM dalam melaksanakan operasi mencari dan menyelamat;
- Menerapkan budaya keselamatan di kalangan komuniti maritim di Malaysia.

KERJASAMA INTER-AGENSI: PROGRAM HUMANITARIAN ASSISTANCE AND DISASTER (HADR) SEMPENA EKSESAIS PACIFIC PARTNERSHIP

Program Humanitarian Assistance and Disaster Relief (HADR) telah diadakan pada 8 sehingga 14 September 2023 di Auditorium Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan.

Program ini merupakan salah satu program di bawah Eksesais Pacific Partnership 2023 merupakan kolaborasi bersama antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM), USN Medical Corps, US Agency For International Development, US Coast Guard, 364th Civil Affairs Brigade, USN Construction Batalion, Royal Army Medical Corps, Australia Gender Advisor, New Zealand Army, Canadian Army, ROKN Construction Battalion dan ROKN Medical Corps serta turut melibatkan beberapa agensi Kerajaan yang lain. Antara agensi Kerajaan yang turut terlibat di dalam program ini adalah ATM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Secara amnya, aktiviti ini adalah berkonsepkan flood relief effort di kawasan Daerah Kuantan yang dilaksanakan secara Subject Matter Expert Exchange (SMEE) dan juga Table Top Exercise (TTX). Aktiviti dimulakan dengan sesi perkenalan antara peserta bagi meningkatkan lagi kesefahaman dan perkongsian ilmu yang bakal ditempuhi oleh semua peserta sepanjang program ini berlangsung. Selain itu, juga terdapat aktiviti Field Training Exercise (FTX) iaitu aktiviti menyelam yang dilaksanakan di tasik sekitar AMSAS.

PERSIDANGAN LAKSAMANA (APMM) KALI KEDUA DAN KETIGA TELAH DILAKSANAKAN DI TUNAMAYA BEACH RESORT, DESARU JOHOR SERTA HATTEN HOTEL, MELAKA PADA 8 - 11 MAC 2023 DAN 5 - 7 NOV 2023

Ibu Pejabat APMM Putrajaya menganjurkan satu (1) program yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Laksamana (JLAKS). Pada pesidang yang kali kedua (2) majlis jawatankuasa telah bersepakat menjenamakan semula dengan nama **'Persidangan Laksamana'**. Persidangan ini merupakan program di mana ahli yang dijemput adalah terhad kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM dalam Skim T yang berpangkat Laksamana Pertama Maritim dan ke atas (Gred 24 - JUSA). Sidang boleh menjemput individu atau pihak tertentu yang berkaitan dari dalam dan luar agensi untuk turut serta dalam sesi pembentangan atau menjawab sebarang isu yang berkaitan.

Semasa persidangan kali kedua dan ketiga usul atau perkara di peringkat dasar dan strategik dalam tiga (3) *area of interest* adalah diberi penekanan iaitu;

- **Hala tuju Agensi,**
- **Isu-isu Strategik dan**
- **Dasar Operasi, Pengurusan dan Logistik.**

Pada sidang kedua semua ahli mengucapkan jutaan terima kasih serta selamat bersara ke atas Ketua Pengarah YBhg. Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som. Persidang ketiga yang telah diadakan bertempat di Hatten Hotel, Melaka mengucapkan selamat datang kepada Ketua Pengarah baharu iaitu YBhg. Laksamana (M) Datuk Hamid bin Hj. Mohd Amin. Pada persidangan tersebut pengerusi sidang memberitahu tindakan susulan ke atas usul yang dibangkitkan perlu dibentangkan dalam apa jua medium yang ada bagi memastikan pelaksanaannya dapat dipantau dan direalsasikan.

MAJLIS PELANCARAN BUKU PELAN STRATEGIK 10 TAHUN (2023-2033) APMM DI THE RUMA HOTEL, KUALA LUMPUR PADA 22 NOV 2023

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah berkerjasama dengan *Global Maritime Crime Programme of Global Maritime Crime Programme* (GMCP), *United Nations on Drugs and Crime* (UNODC) dalam membangunkan Pelaksanaan Pelan Strategik APMM 2023-2033. APMM telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak UNDOC mengenai hala tuju penyediaan dokumen Perancangan Strategik 10 tahun. Pelan ini akan membantu APMM dalam merealsasikan visi; untuk menjadi antara agensi penguatkuasaan maritim terbaik di dunia menjelang tahun 2040 dan Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2040. Majlis pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh Laksamana (M) Datuk Hamid bin Hj. Mohd Amin, Ketua Pengarah pada 22 November 2023 di The Huma Hotel, Kuala Lumpur.

BENGKEL KAJIAN PERANCANGAN STRATEGIK AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) DI HOTEL KINGS GREEN, MELAKA PADA 19 - 21 SEPTEMBER 2023.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di tubuhkan pada 15 Febuari 2005 dan telah menjangkau 18 tahun penubuhannya. APMM dilihat masih belum mencapai tahap perkembangan yang memerangsangkan dari perbagai sudut dimensi dalam keupayaan bidang tujahan utama penguatkuasaan undang-undang, CARILAMAT, pengurusan sumber manusia, projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal, tadbir urus organisasi dan beberapa dimensi yang lain.

Bengkel ini telah di hadiri 25 pegawai wakil bermandat dari Bahagian di ibu Pejabat dan Maritim Negeri. Hasil dari bengkel ini pihak yang dipertanggunjawab akan membuat laporan untuk dipesembahkan kepada pengurusan tertinggi. Bengkel tersebut telah disempurnakan oleh pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) Kepten (M) Mohd Nasir bin Man di Hotel Kings Green, Melaka pada 19 hingga 21 September 2023.







BENGKEL PENYEDIAN KERTAS JEMAAH MENTERI UNTUK AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) BERTEMPAT DI IBU PEJABAT APMM, PUTRAJAYA PADA 2 OKTOBER 2023

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) julung kali menganjurkan bengkel penyediaan Kertas Jemaah Menteri (KJM). Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pegawai APMM megenai input yang diperlukan dalam penyediaan KJM. Bengkel ini dihadiri oleh 30 pegawai dari semua bahagian Ibu Pejabat.

APMM telah menjemput tenaga pengajar dari Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Secara umumnya objektif bengkel ini diadakan adalah untuk;

- Memberi pendedahan ke atas peranan dan tanggunjawab Agensi dalam penyediaan Kertas Jemaah Menteri;
- Meningkatkan pengetahuan bagi penyediaan Kertas Jemaah Menteri yang efektif dan menepati kehendak dalam Garis Panduan Penyediaan Kertas Jemaah Menteri;
- Meningkatkan pemahaman pegawai APMM dalam penulisan yang kreatif dalam penyediaan Memorandum Jemaah Menteri dan Nota Jemaah Menteri;
- Memberi pendedahan ke atas syor dan maklum balas yang perlu disediakan oleh Bahagian di Kementerian.

BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN PROJEK BAHARU DI BAWAH ROLLING PLAN KEEMPAT (RP4) RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12) BIL. 1/2023 TEMPAT MAKMAL KOMPUTER, IBU PEJABAT APMM PADA 10 - 12 APRIL 2023

Bengkel penyediaan dokumen ini diadakan bagi memastikan permohonan projek baharu ini diangkat mengikut kreteria yang ditetapkan, Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan bengkel penyediaan dokumen permohonan projek baharu di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12). Telah dihadiri oleh pegawai APMM seramai 15 orang dari Bahagian yang pemegang taruh projek baharu.

Bagi memastikan penganjuran bengkel mencapai objektif perlaksanaannya, satu taklimat telah diberikan kepada peserta bengkel oleh Timbalan Pengarah, Unit Perancangan Projek, Kementerian Ekonomi bertujuan memberi pendedahan awal berkaitan penyediaan input kajian berasaskan kepada alat perancangan seperti *Logical Framework Matrix (LFM), Creativity Index (CI)* dan Analisis Fungsi Projek (Strategik - Teknikal). Penyediaan dokumen permohonan projek baharu dilaksanakan secara *hands-on*.



BAHAGIAN PERISIKAN @ *MARITIME INTELLIGENCE DIVISION* (MIND)

GERAK SARAF (PROGRAM SAHABAT MARITIM)

Program Sahabat Maritim (PSM) telah mula dilaksanakan oleh APMM sejak Julai 2007 lagi sebagai satu elemen gerak saraf untuk mendekati komuniti maritim bagi tujuan mewujudkan hubungan baik antara Agensi bersama komuniti maritim dan juga pihak yang berkepentingan (stakeholder). Selain itu, PSM juga merupakan satu pendekatan yang dapat mempromosikan APMM sebagai Agensi penguat kuasa tunggal di Zon Maritim Malaysia (ZMM) melalui fungsi dan bidang kuasa Agensi seperti yang termaktub dalam Akta 633.

Bagi menyahut seruan kerajaan, PSM bagi tahun 2023, dalam mengetengahkan konsep baharu iaitu **'Malaysia Madani Rakyat Harmoni'** yang merupakan suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan PSM lebih manusiawi yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat. Enam nilai teras Malaysia Madani yang terdiri daripada kemampanan, hormat, kesejahteraan, keyakinan, daya cipta dan ihsan perlu diterapkan dalam PSM yang telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh MN/ZM. Dengan pelaksanaan konsep ini, Agensi dilihat berupaya dalam mengimbangi persepsi negatif komuniti maritim terhadap reputasi penyampaian khidmat yang efektif dan efisien serta menyumbang kepada keselamatan dan keamanan ZMM.

Oleh itu, dengan berlatarbelakangkan penelitian dan maklum balas yang telah dilakukan semasa aktiviti '*profiling*', pelaksanaan PSM tahun 2023 dicadangkan meliputi aktiviti jangka masa panjang serta jangka masa pendek seperti yang berikut:

MESYUARAT BERKALA

Mesyuarat yang membincangkan pelbagai isu dua hala dalam konteks komuniti maritim yang dilaksanakan sekurang-kurangnya **1 x setahun** di Kampung Angkat Maritim (KAM). Ianya juga perlu dipengerusikan secara bersama oleh Pegawai Agensi dengan Pegawai Perhubungan Kawasan (PPK) dan Jawatan Kuasa Penduduk. Butiran perbincangan mesti diminit dan direkodkan untuk tindakan serta rujukan.

PROGRAM INTERAKSI MARITIM

Aktiviti ini merupakan satu spektrum komunikasi dua hala kumpulan sasar yang agak luas dan mampu memberi kesan yang progresif. Bagi membentuk gambaran yang baik terhadap Agensi, aktiviti seperti berikut boleh dilaksanakan:

DIALOG/PERJUMPAAN BERSAMA PERSATUAN NELAYAN

Aktiviti ini boleh membentuk dan memperbaiki hubungan sosial di kalangan dua kelompok komuniti yang saling bergantung antara satu sama lain.

PERJUMPAAN BERSAMA KOMUNITI MARITIM SETEMPAT ATAU PROGRAM SEMBANG TEH TARIK

Perjumpaan ini mampu menjadikan mereka sebagai 'mata & telinga' kepada Agensi. Di samping itu proses awal *'ice breaking'* boleh dilaksanakan bagi pemilihan orang perseorangan yang mempunyai

kecenderungan untuk dilatih sebagai sumber dalam menyampaikan maklumat kepada Agensi dengan ganjaran yang bersesuaian. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kesesuaian dan keperluan.

KEMPEN KESEDARAN & KESELAMATAN MARITIM

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini merupakan keutamaan tertinggi dalam PSM tahun 2023 dan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya **1 x setahun**. Ianya merangkumi:

- **Ceramah 'Preventive SAR',**
- **Gotong-royong di persekitaran pantai/laut lokasi sasaran; dan**
- **Edaran brosur/poster kesedaran keselamatan.**

Bagi tahun 2023, Maritim Negeri (MN) / Zon Maritim (ZM) telah berjaya mengendalikan PSM sebanyak **110 program** kesemuanya termasuklah program bersama komuniti Maritim, persatuan nelayan dan juga dengan kerjasama Jabatan kerajaan seperti Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Jabatan Laut Negeri Selangor, Jabatan Perikanan Daerah Kuala Langat, Pasukan Polis Marin Port Klang serta badan-badan korporat syarikat carigali seperti PETRONAS, HESS, HIBISCUS, PETROLEUM, IBIS & VALESTO ENERGY. Dengan terjalinnya kerjasama erat antara jabatan dan badan korporat ini, pihak APMM akan lebih banyak menganjurkan PSM pada tahun 2024 di komuniti maritim seluruh Malaysia.

Antara program komuniti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang 2023 adalah seperti gambar rajah di bawah:

PROGRAM SAHABAT MARITIM 2023

Bil	NAMA PROGRAM	LOKASI PROGRAM	TARIKH PROGRAM
1	Program Gotong-Royong Bersama Komuniti Nelayan Pulau Ketam, ZM Kuala Perlis.	Pesisiran Pulau Ketam Hingga Batu Putih	29 Januari 2023
2	Program Hari Ulang Tahun Maritim Bersama Komuniti Nelayan Bagi ZM Kuala Perlis.	Pejabat Maritim Zon Kuala Perlis	15 Februari 2023
3	Sembang Teh Tarik Dan Progam Preventive Sar Di Balai Raya Kampung Lajong Kuala Niah. ZM Miri	Kampung Lajong Kuala Niah	16 Februari 2023
4	Program Sembang Santai Bersama Pnk Asajaya Semera. MN Sarawak	Pejabat Pnk Asajaya/Semera	27 Februari 2023
5	Program Sahabat Maritim Bersama Pengusaha Bot Pelancongan Dan Persatuan Nelayan Kawasan Sepang. MN Melaka & Negeri Sembilan	Dewan Agro, Kompleks Argoturism Pnk Sepang Kg Bagan Lalang	6 Mac 2023
6	Program Sembang Teh Tarik Di Kampung Pokas. ZM Semporna	Kampung Pokas, Semporna	8 Dan 9 Mac 2023
7	Program Sembang Kupi-Kupi Di Jeti Kampung Daling Batu 12. ZM Sandakan	Kampung Daling Batu 12 Sandakan	12 Mac 2023
8	Program Sembang Santai Bersama PNK Satang Biru. MN Sarawak	Pejabat Pnk Satang Biru, Lkim	14 Mac 2023

9	Program Sahabat Maritim Bersama Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sungai Besar MN Selangor	Dewan Persatuan Penganut Xianfa Shigong Ku Miao, Sekinchan	30 Mac 2023
10	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Kedah dan Perlis	Pejabat MN Kedah dan Perlis	6 April 2023
11	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kuala Perlis	Pejabat ZM Kuala Perlis	6 April 2023
12	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kuala Kedah	Pejabat ZM Kuala Kedah	6 April 2023
13	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Pahang	Pejabat MN Pahang	7 April 2023
14	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Johor	Pejabat MN Johor	6 April 2023
15	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Tg Sedili	Pejabat ZM Tg Sedili	6 April 2023
16	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Batu Pahat	Pejabat ZM Batu Pahat	6 April 2023
17	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Mersing	Pejabat ZM Mersing	6 April 2023
18	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Terengganu	Pejabat MN Terengganu	6 April 2023
19	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kemaman	Pejabat ZM Kemaman	6 April 2023
20	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Kelantan	Pejabat MN Kelantan	6 April 2023
21	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Pahang	Pejabat MN Pahang	7 April 2023
22	Program Sahabat Maritim, ZM Bintulu.	Kampung Balingian Dan Kampung Sungai Plan, Bintulu	9 & 10 April 2023
23	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Sarawak	Pejabat MN Sarawak	13 April 2023
24	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Miri	Pejabat ZM Miri	13 April 2023
25	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Tanjung Manis	Pejabat MN Tanjung Manis	13 April 2023
26	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Sabah	Pejabat MN Sabah	20 April 2023
27	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Labuan	Pejabat ZM Labuan	20 April 2023
28	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kudat	Pejabat ZM Kudat	20 April 2023

29	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Sandakan	Pejabat ZM Sandakan	20 April 2023
30	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Lahad Datu	Pejabat ZM Lahad Datu	20 April 2023
31	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Tawau	Pejabat ZM Tawau	20 April 2023
32	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Semporna	Pejabat ZM Semporna	20 April 2023
33	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Bintulu	Pejabat ZM Bintulu	20 April 2023
34	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Penang	Pejabat ZM Penang	27 April 2023
35	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Perak	Pejabat ZM Perak	27 April 2023
36	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kuala Kurau	Pejabat ZM Kuala Kurau	27 April 2023
37	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Selangor	Pejabat MN Selangor	27 April 2023
38	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Melaka dan Negeri Sembilan	Pejabat Melaka dan Negeri Sembilan	27 April 2023
39	Ramah Tamah Aidilfitri 2023 Bersama Komuniti Maritim Belawai Dan Tanjung Manis. ZM Tanjung Manis	Tanjung Manis	6 Mei 2023
40	Program Sahabat Maritim Dengan Kerjasama Petrolium Sdn Bhd. MN Sabah Dan Labuan	Kampung Kuala Abai Kota Belud	6 & 7 Jun 2023
41	Hari Kesederan Keselamatan Maritim 2023 Bagi ZM Tanjung Sedili.	Padang Awam Kg. Tanjung Sedili, Kota Tinggi	10 Jun 2023
42	Sukan Bersama Komuniti Maritim Tanjung Manis. ZM Tanjung Manis	ZM Tanjung Manis	10 Jun 2023
43	Program Sembang Teh Tarik Dan Preventive Sar Bersama Komuniti Nelayan Kijal, ZM Kemaman	Restoran Acu Try Test Kijal, Kemaman	15 Jun 2023
44	Hari Kesedaran Keselamatan & Program Preventive Sar Oleh Kapal Dan Bot Yang Beroperasi ZM Maritim Miri	Sk Kuala Baram, Perairan Kuala Tatau Dan Bintulu	15 Jun 2023
45	Program Sembang Teh Tarik Bersama Komuniti Nelayan Kampung Permas Besar, Kukup. MN Johor	Kampung Permas Besar, Kukup, Johor	18 Jun 2023
46	Program Sembang Santai Bersama Komuniti Nelayan Semariang. MN Sarawak	Bangunan Koperasi Nelayan Semaring Berhad	19 Jun 2023
47	Program Sahabat Bersama Komuniti Nelayan Kampung Sungai Balang. ZM Batu Pahat	Jeti Kampung Sungai Balang	21 & 22 Jun 2023
48	Program Hari Kesedaran Keselamatan MN Pahang	Pulau Tioman, Pahang	25 & 26 Jun 2023

49	Program Sahabat Maritim & Ibadah Korban Kampung Sungai Daling, Sg Manila ZM Sandakan	Sungai Daling, Sg Manila, Sandakan	1 Julai 2023
50	Program Sahabat Maritim (PSM) "Pertandingan Memancing Raja Tenggiri 2023" Bersama Persatuan Komuniti Pemancing Sarawak Dan Kolaborasi Keselamatan Bersama APMM Serta Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS), MN Sarawak	Jeti JPLS Santubong	1 Julai 2023
51	Program Sahabat Maritim di Daerah Bagan Datuk Perak, MN Perak	Jeti Nelayan Simpang Empat Rungkup, Bagan Datuk, Perak	11 Julai
52	Program Sahabat Maritim, MN Kedah Dan Perlis	Dataran Tg. Rhu, Mukim Ayer Hangat	15 Julai 2023
53	Program Sahabat Maritim Apmm Peringkat ZM Kuala Perlis	Dewan Komuniti Kospen Kampung Hujung Tanjung, Seberang Ramai, Perlis	18 Julai 2023
54	Dialog Bersama Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kerian, ZM Kuala Kurau	Pelantar Pendaratan Ikan Sin Hai Huat Fishery Sdn Bhd, Kuala Kurau	20 Julai 2023
55	Laporan Perjumpaan Bersama Persatuan Nelayan Kawasan Tanjung Dawai Dan Yan, ZM Kuala Kedah	Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Tanjung Dawai Dan Di Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Yan	24 Julai 2023
56	Program Sahabat Maritim Anjuran Bersama Pertonas, Hess, Hibiscus Petroleum, Ibis, Dan Velesto Energy. MN Kelantan	Pusat Pengumpulan & Jualan Produk Mykp Kuala Besar, Kelantan	27- 28 Julai 2023
57	Program Sembang Teh Tarik Bersama Komuniti Nelayan Pesisir Pantai Kawasan Batu Rakit, MN Terengganu	Kedai Kopi Jantan, Mengabang Telipot, Kuala Nerus	28 Julai 2023
58	Program Sembang Teh Tarik Bersama Komuniti Maritim. ZM Bintulu	Kampung Balingian, Bintulu	2 Ogos 2023
59	Program Sembang Santai MN Perak	Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Batu	15 Ogos 2023
60	Program Sahabat Maritim @ Program Jiwa Kampung Selamat, Pulau Balambangan, ZM Kudat	Kampung Selamat, Pulau Balambangan	15 Ogos 2023
61	Program Sembang Santai Bersama Persatuan Nelayan Kawasan Matang Dan Program Edaran Jalur Gemilang Kepada Nelayan Kawasan Kuala Sepetang, ZM Kuala Kurau	Kuala Sepetang, Perak	16 Ogos 2023
62	Program Sahabat Maritim ZM Mersing	Jeti Pengkalan Nelayan Teluk Buih, Kampung Air Papan Mersing, Johor.	17 & 18 Ogos 2023
63	Program Sahabat Maritim Bersama Komuniti Besut (Sembang Santai) MN Terengganu	Kampung Nail, Besut (Google Maps Pelabuhan Nail)	18 Ogos 2023
64	Program Sahabat Maritim Peringkat Zon Maritim Lahad Datu Dan Perkhidmatan Komuniti Bergerak (PKB) – Mobile Community Service (MCS) Daerah Kunak Oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah, ZM Lahad Datu	Padang Pekan Daerah Kunak	18, 19 & 20 Ogos 2023

65	Program Sembang Santai Bersama Komuniti Nelayan Di Sematan/Lundu. MN Sarawak	Pejabat Pnk Sematan/Lundu	24 Ogos 2023
66	Program Sahabat Maritim Kampung Inderasabah, ZM Tawau	Dewan Haji Musah Kampung Inderasabah Tawau	26 Ogos 2023
67	Program Preventive Sar MN Perak	Pantai Teluk Batik, Perairan Teluk Nipah Pulau Pangkor	6 September 2023
68	Program Sahabat Maritim (Sembang Santai) Di Kampung Serkam Pantai, Merlimau, Melaka. MN Melaka Dan Negeri Sembilan.	Kampung Serkam Pantai, Merlimau, Melaka.	6 September 2023
69	Program Sahabat MN Kelantan Siri 2/2023	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kuala Kemasin	7 - 9 Sept 2023
70	Program Sesi Dialog Bersama PKPS Dan Pengusaha Bot Rekreasi, MN Sarawak	Bilik Perhimpunan Ipmn Sarawak	12 September 2023
71	Program Sahabat Maritim "Sembang Santai" Bersama Komuniti Nelayan Hutan Melintang Dan Pantai Remis MN Perak	Pelantar Ikan Bagan Panchor, Pantai Remis, Perak	16 & 17 September 2023
72	Program Sahabat Maritim Zon Maritim Tanjung Manis Bersama Komuniti Kampung Bakakong, ZM Tanjung Manis	Kampung Bakakong, Tanjung Manis	21 September 2023
73	Gotong-Royong, Sukan Bersama Masyarakat Dan Program Sahabat Maritim, ZM Semporna	Kampung Pokas, Semporna	30 & 1 September 2023
74	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Sabah	Pejabat MN Sabah	5 Oktober 2023
75	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Labuan	Pejabat ZM Labuan	5 Oktober 2023
76	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kudat	Pejabat ZM Kudat	5 Oktober 2023
77	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Sandakan	Pejabat ZM Sandakan	5 Oktober 2023
78	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Lahad Datu	Pejabat ZM Lahad Datu	5 Oktober 2023
79	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Tawau	Pejabat ZM Tawau	5 Oktober 2023
80	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Semporna	Pejabat ZM Semporna	5 Oktober 2023
81	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Sarawak	Pejabat MN Sarawak	6 Oktober 2023
82	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Miri	Pejabat ZM Miri	6 Oktober 2023
83	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Tanjung Manis	Pejabat MN Tanjung Manis	6 Oktober 2023
84	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Bintulu	Pejabat ZM Bintulu	6 Oktober 2023

85	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Penang	Pejabat ZM Penang	12 Oktober 2023
86	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Perak	Pejabat ZM Perak	12 Oktober 2023
87	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kuala Kurau	Pejabat ZM Kuala Kurau	12 Oktober 2023
88	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Selangor	Pejabat MN Selangor	12 Oktober 2023
89	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Melaka dan Negeri Sembilan	Pejabat Melaka dan Negeri Sembilan	12 Oktober 2023
90	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Terengganu	Pejabat MN Terengganu	13 Oktober 2023
91	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kemaman	Pejabat ZM Kemaman	13 Oktober 2023
92	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Kedah dan Perlis	Pejabat MN Kedah dan Perlis	13 Oktober 2023
93	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kuala Perlis	Pejabat ZM Kuala Perlis	13 Oktober 2023
94	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Kuala Kedah	Pejabat ZM Kuala Kedah	13 Oktober 2023
95	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Pahang	Pejabat MN Pahang	13 Oktober 2023
96	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Johor	Pejabat MN Johor	13 Oktober 2023
97	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Tg Sedili	Pejabat ZM Tg Sedili	13 Oktober 2023
98	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Batu Pahat	Pejabat ZM Batu Pahat	13 Oktober 2023
99	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim ZM Mersing	Pejabat ZM Mersing	13 Oktober 2023
100	Mesyuarat Berkala bersama Komunti Maritim MN Kelantan	Pejabat MN Kelantan	13 Oktober 2023
101	Program Sahabat Mairitim (Sembang Santai) Bersama Ketua-Ketua Komuniti Nelayan Kawasan Port Dickson MN Melaka Dan Negeri Sembilan.	Pantai Port Dickson, Negeri Sembilan	17 Oktober 2023
102	Program Sembang Santai Bersama Komuniti Maritim Kuala Teriang, Langkawi MN Kedah Dan Perlis	Restoran Mee Udang Kak Zah Pengkalan Kuala Teriang	18 Oktober 2023
103	Program Sahabat Maritim Ibu Pejabat MN Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan	Kampung Lok Baru, Pulau Gaya, Kota Kinabalu & Sekolah Kebangsaan Pulau Gaya, Kota Kinabalu.	20 & 21 Oktober 2023

104	Program Sahabat Maritim Bersama Komuniti Nelayan Kampung Belukut, ZM W.P Labuan	Komuniti Nelayan Kampung Belukut, W.P Labuan	20,21 & 22 Okt 2023
105	Program Sahabat Maritim Di Teluk Bahang MN Pulau Pinang	Teluk Bahang, Pulau Pinang	31 Oktober 2023
106	Program Sahabat Maritim "Sembang Santai" Dekati Komuniti Nelayan Di Bagan Panchor, Pantai Remis, Perak MN Perak	Dewan Hutan Melintang Xian Fa Shi Gong Temple, Perak	7 November 2023
107	Program Sahabat Maritim – Sembang Santai Dan Preventive Sar Bil 2/2023 Bersama Komuniti Bot Mancing Daerah Kemaman ZM Kemaman	Restoran Cahaya Mesra Seafood 1 @Bangkok Kitchen, Geliga	23 November 2023
108	Program Sahabat Maritim Anjuran Bersama Pos Maritim Pengkalan Kubor Dan Rakan Strategik Pertonas, Hess, Hibiscus Petroleum, Ibis, Dan Velesto Energy MN Kelantan	Dewan Terbuka Dan Padang Resort Pantai Sri Tujuh	24 & 25 November 2023
109	Program Sahabat Maritim "Sembang Santai" Dekati Komuniti Nelayan Di Batu 1, Lumut, Perak MN Perak	Warong Nelayan Batu 1, Lumut Perak	28 November 2023
110	Program Sahabat Maritim Melalui Program Interaksi Maritim Bersama Persatuan Bot Rekreasi Selangor MN Selangor	Auditorium Institut Latihan Pengangkutan Laut (Matrain)	17 Disember 2023

PROGRAM DAN KURSUS/LATIHAN

MIND telah berjaya menganjurkan dan menyertai beberapa kursus yang melibatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan dari dalam dan luar negara bagi tahun 2023. Antara kursus yang dijalankan adalah seperti kursus dengan kerjasama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang dianjurkan pada 19 hingga 23 Jun 2023 dan 11 hingga 15 September 2023 bertempat di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan. Kursus ini melibatkan tenaga pengajar yang pakar dalam menjalankan operasi dan risikan terhadap sesuatu kes dalam bidang penguatkuasaan. Selain daripada pertukaran ilmu pengetahuan dalam bidang perisikan, melalui kursus ini jua, MIND telah mewujudkan *platform networking* bersama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mendokong TERAS kerajaan dalam menghapuskan rasuah di Malaysia ini.

Selain daripada itu, MIND juga ada mengadakan Kursus Pengiring Orang Kenamaan (POK) dengan kerjasama Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat yang julung kali diadakan pada 6 hingga 11 Mac 2023 juga bertempat di AMSAS. Kursus ini melibatkan pegawai dan anggota dari semenanjung, Sabah dan Sarawak. Melalui kursus ini, setiap peserta didedahkan dengan tentang tatacara dalam menjalankan tugas sebagai pengiring orang kenamaan (POK) kepada VVIP ataupun Ketua Pengarah APMM.

MIND juga telah berjaya menganjurkan kursus bersama dengan rakan luar negara iaitu dengan melaksanakan Capacity Building Program dengan kerjasama Australian High Commission, Kuala Lumpur. Kursus *Intelligence Recruitment and Management Skill Course* yang diadakan ini melibatkan beberapa siri yang diadakan di beberapa tempat termasuklah di Kuala Lumpur, Melaka dan juga Sarawak. Sepanjang kursus ini, peserta didedahkan dengan teori dan amali dalam merekrut pemberi maklumat yang lebih berkesan dan efektif dalam menyalurkan maklumat yang konsisten hingga berjaya menghasilkan tangkapan. Di dalam kursus ini juga, peserta kursusu diberikan tunjuk ajar dalam menggunakan teknologi perisikan yang terkini seperti penggunaan *drone* untuk kerja-kerja pemantauan.



SOROTAN

06 JANUARI 2023







LAWATAN ULUNG YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL, MENTERI DALAM NEGERI KE KAPAL OPV 1, PELABUHAN KLANG

17 JANUARI 2023







MAJLIS PRA PELANCARAN LAGU TEMA *'YES SIR'* UNTUK FILEM COAST GUARD MALAYSIA: OPS HELANG DI STESEN UDARA MARITIMM SUBANG (SUMS)

18 JANUARI 2023








LAWATAN KERJA RASMI OLEH KETUA PENGARAH APMM KE ZON MARITIM TANJUNG SEDILI, JOHOR

16 FEBRUARI 2023







MAJLIS MENANDATANGANI PENERIMAAN EMPAT PERANTI AKUSTIK JARAK JAUH (LRAD) DARI AGENSI KERJASAMA ANTARABANGSA JEPUN (JICA) BERSAMA TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI

16 FEBRUARI 2023







MAJLIS PENYERAHAN PROJEK NAIK TARAF POMAR DAN PUSOP MARITIM MALAYSIA

17 FEBRUARI 2023







MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS HARI ULANG TAHUN KE-18 APMM

17 FEBRUARI 2023







TAYANGAN AMAL BAGI FILEM COAST GUARD MALAYSIA: OP HELANG, DI IOI CITYMALL, PUTRAJAYA

25 FEBRUARI 2023







PERBARISAN TAMAT LATIHAN PEGAWAI APMM SIRI 11 TAHUN 2022, GEBENG KUANTAN

01 MAC 2023







SIDANG MEDIA KES KEHILANGAN BOT PERIKANAN DI PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

08 MAC 2023







KURSUS PENGURUSAN JENAZAH BAGI PEGAWAI DAN ANGGOTA APMM DI SURAU TANAH PERKUBURAN ISLAM, PRESINT 20, PUTRAJAYA

14 MAC 2023







MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DI IBU PEJABAT APMM, PUTRAJAYA

15 MAC 2023







LAWATAN KERJA RASMI DAN TAKLIMAT KURSUS PEGAWAI MEMERINTAH MUDA SIRI 44 TAHUN 2023 KE IBU PEJABAT APMM

16 MAC 2023







MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI (TKPO), DATARAN PAHLAWAN, PRESINT 2, PUTRAJAYA

17 MAC 2023







MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS KETUA PENGARAH SEMPENA PERSARAAN KETUA PENGARAH APMM

06 APRIL 2023







MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS SEMPENA PERSARAAN PENGARAH KESELAMATAN DAN PENGAWASAN MARITIM DI AUDITORIUM APMM

02 MEI 2023







MAJLIS KENAIKAN PANGKAT LAKSAMANA PERTAMA MARITIM AMINUDDIN BIN HJ ABDUL RASHID KE LAKSAMANA MUDA MARITIM

02 MEI 2023







SIDANG MEDIA KES KEBAKARAN KAPAL DAGANG MT PABLO DI PERAIRAN MARITIM NEGERI JOHOR

09 MEI 2023







MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITI APMM BERSAMA YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL, MENTERI DALAM NEGERI, DI IBU PEJABAT, APMM

11 MEI 2023







LAWATAN KERJA RASMI YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL, MENTERI DALAM NEGERI, KE MARITIM NEGERI KELANTAN

23 JUN 2023







MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DI AUDITORIUM APMM

26 JUN 2023







KUNJUNGAN HORMAT KEDUTAAN *SINGAPORE COLONEL DEAN TAN WAH KHENG, DEFENCE ADIVISER* DI IBU PEJABAT KETUA PENGARAH APMM

26 JUN 2023







KUNJUNGAN HORMAT *MS ULRIKE WOLF DEPUTY HEAD OF MISSON* DARI *EMBASSY OF GERMANY* DI IBU PEJABAT KETUA PENGARAH APMM

27 JULAI 2023







BENGKEL INOVASI DAN PENGKORMERSIALAN IDEA DAN KREATIVITI WARGA APMM 2023 DI AUDITORIUM APMM

08 OGOS 2023







MESYUARAT KERJASAMA APMM DENGAN JABATAN LAUT MALAYSIA DI BILIK MESYUARAT MARLIN, ARAS 11, IBU PEJABAT APMM

11 OGOS 2023







KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN DAN PEMATUHAN) KE ATAS TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI (TKPO) APMM

22 OGOS 2023







MAJLIS PERASMIAN KEMPEN KIBARKAN JALUR GEMILANG BERTEMPAT DI PERKARANGAN LOBI IBU PEJABAT OLEH PEMANGKU KETUA PENGARAH APMM

31 OGOS 2023







SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-66 TAHUN DI PERKARANGAN ISTANA KEHAKIMAN PRESINT 2, PUTRAJAYA

12 SEPTEMBER 2023







MAJLIS PENUTUP KURSUS INTERNATIONAL INTERDICTION AND BOARDING INSPECTION COURSE (IIBIC) 2023 DI MERCURE LIVING, PUTRAJAYA

11 OKTOBER 2023







MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI PENGUATKUASA LAIN-LAIN PANGKAT STAR TEAM DI AUDITORIUM APMM

18 OKTOBER 2023







MAJLIS PENUTUP KURSUS *SEARCH AND RESCUE* (SAR) OPERATOR DI IBU PEJABAT APMM

24 OKTOBER 2023







MAJLIS SAMBUTAN INOVASI APMM 2023, DI AUDITORIUM APMM

06 NOVEMBER 2023







PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI, PUTRAJAYA

15 NOVEMBER 2023







FORUM MALAYSIA *MARITIME SECURITY* DI EVERLY HOTEL PUTRAJAYA

16 NOVEMBER 2023







KUNJUNGAN HORMAT MR SHIVAKUMAR NAIR *DEPUTY HIGH COMMISSIONER SINGAPORE* KE ATAS KETUA PENGARAH APMM

22 NOVEMBER 2023







KUNJUNGAN HORMAT CAPTAIN JIRAPONG APICHATWONG, *ROYAL THAI NAVY* (RTN) *NAVAL ATTACHE,* DARI KEDUTAAN THAILAND, KUALA LUMPUR

22 NOVEMBER 2023







KUNJUNGAN HORMAT DARI *HIS EXCELLENCY KATSUHIKO TAKAHASHI AMBASSADOR OF JAPAN EMBASSY,* KUALA LUMPUR

27 NOVEMBER 2023







KUNJUNGAN HORMAT *REAR ADMIRAL AUGUSTINE LIM, COMMANDER MARSEC COMMAND REPUBLIC OF SINGAPORE NAVY*

30 NOVEMBER 2023







KUNJUNGAN HORMAT SUPERINTENDENT JOHN FLEMING, *COUNSELLOR AUSTRALIA BORDER FORCE* KE APMM

02 DISEMBER 2023







HARI BERSAMA MEDIA ANJURAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DI LAPANG SASAR MANTIN, NEGERI SEMBILAN



Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
Aras 4-12, One IOI Square,
IOI Resort, 62502 PUTRAJAYA.
www.mmea.gov.my
www.facebook.com/maritim malaysia
Instagram: malaysia_coastguard
Twitter: @MYCoastGuard
Hotline: 03-8943 4001

MERS 999